

Bil. 16

**Isnin
20 Jun 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Kepada
Keluarga Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2016 (Halaman 37)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Datuk SA. Vigneswaran (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato’ Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
6. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
7. “ Dato’ Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Puan Azizah binti Harun (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Datuk Seri Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. “ Dato’ Chai Kim Sen (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato’ Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato’ Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. “ Dato’ Hoh Khai Mun (Pahang)
24. “ Dato’ Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
25. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
26. “ Tuan Isa Bin Ab Hamid (Dilantik)
27. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
28. “ Dato’ Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. “ Dato’ Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato’ Sri Khairudin bin ES Samad (Dilantik)

33. Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han (Melaka)
34. “ Dato’ Lee Chee Leong (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
35. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
36. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. “ Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak (Dilantik)
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
40. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Prof.Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty (Selangor)
44. “ Dato’ Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
46. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
47. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
49. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Low Seng Kuan (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. “ Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
52. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
53. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
55. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
56. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
60. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
61. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
62. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
63. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhillah binti Ibharim

Hizamhatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA

Isnin, 20 Jun 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Tuan Wilfred Yong Chen Leong

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Yang Berhormat-Yang Berhormat, ucapan takziah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih mengucapkan takziah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong dan keluarga atas pemergian ayahanda beliau, Mendiang Vincent Yong Yin Fah, semalam, 19 Jun 2016. Semoga Yang Berhormat sekeluarga tabah dalam menghadapi ujian ini. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun untuk berdoa dan bertafakur selama satu minit. Dipersilakan.

[Ahli-ahli bangun berdoa dan bertafakur selama satu minit]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya mulakan pertanyaan bagi jawab lisan, ingin saya menyampaikan ucapan tahniah kepada Barisan Nasional yang berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar dalam pilihan raya kecil baru-baru ini. Tahniah *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah diperuntukkan lebih RM2 bilion dalam Bajet 2016, selain mendapat pelbagai pinjaman faedah yang rendah dan pinjaman bersubsidi untuk bantu meningkatkan produktiviti PKS dalam negara. Dalam tempoh lima bulan pertama tahun 2016, sejauh mana sambutan daripada PKS terhadap peluang tersebut dan adakah statistiknya meningkat.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Memang angka yang menarik, 9,191 dan 6,969 dibanding 399 dan 1,082. Satu lonjakan saujana yang hebat. Tahniahlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjawab soalan nombor satu, lebih elok kalau kita memahami apa itu PKS, perusahaan kecil dan sederhana ataupun SME iaitu *small and medium enterprises*.

Jumlah di Malaysia ini 653,158 buah syarikat dan entiti perniagaan yang dikenali sebagai PKS, 98.5 peratus dengan lain perkataan, 1.5 peratus sahaja entiti perniagaan lain yang bukan PKS iaitu syarikat besar dan MNC. Yang lain itu semua PKS. Apakah contoh-contoh PKS? PKS ini bukan IKS kampung, mak cik jual 3k, keropok, kerepek, kicap itu ya. Itu kadang-kadang ada salah faham apabila disebutkan PKS, orang fikir yang itu. PKS ini 90 peratus perkhidmatan, 5.9 peratus pembuatan, 3 peratus pembinaan, 1 peratus pertanian, 0.1 peratus *mining*.

Apakah contoh-contoh PKS ini? Kedai runcit, restoran, *workshop*, pengangkutan, kontraktor, pembekal, tekstil, hotel, servis profesional, *homestay*, pasar-pasar, segala usaha industri tani, barulah IKS kampung. Jadi itu perlu difahami dengan jelas terlebih dahulu apakah maksud PKS. Semua yang jualanannya RM50 juta ke bawah masuk dalam kategori PKS untuk perkilangan atau, kalau pekerjaanya 200 orang dan ke bawah. Akan tetapi untuk perkhidmatan yang 90 peratus daripada PKS yang sektor perkhidmatan, jika jualan syarikat itu kurang daripada RM20 juta atau pekerjaanya kurang daripada 75 orang, itu kita panggil PKS. Setelah memahami apa itu PKS dengan jelas, maka saya ingin menjawab soalan nombor satu. Kerajaan komited untuk terus membangunkan PKS dalam mempersiapkan mereka agar kekal berdaya saing dan berdaya maju.

■1010

Di bawah peruntukan bagi program-program pembangunan PKS tahun 2016, sejumlah RM4.35 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada 125 program pembangunan PKS yang akan dilaksanakan melalui 16 kementerian dan lebih 60 buah agensi. Program yang dilaksanakan berdasarkan pada empat tumpuan:

- (i) kemudahan kepada pembiayaan;
- (ii) pembangunan sumber manusia;
- (iii) kemudahan pasaran;
- (iv) inovasi dan perubahan teknologi; dan
- (v) prasarana daripada segi menaik taraf premis perniagaan, membina, memberi kemudahan utiliti, inkubator serta jalur lebar contohnya.

Di bawah SME Corp. Malaysia, sebuah agensi MITI, bantuan akses kepada kewangan dalam bentuk pinjaman mudah disediakan oleh SME Corp. melalui kerjasama dengan SME Bank juga agensi di bawah MITI untuk meningkatkan jumlah pembiayaan yang disediakan di bawah apa yang kita panggil sebagai Program Pemacu Perniagaan, dengan izin, *Business Accelerator Programme* (BAP). Sambutan PKS terhadap pinjaman di bawah program BAP amat menggalakkan dalam tempoh lima bulan pertama, 35 permohonan, RM55.43 juta sudah dikeluarkan atau peningkatan sebanyak 191 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2015.

Satu lagi agensi di bawah MITI iaitu *Malaysian Industrial Development Finance* (MIDF) menyediakan pelbagai skim pinjaman kepada PKS. Antaranya Skim Pinjaman Mudah PKS, Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi, Skim Pinjaman Mudah Sektor Perkhidmatan, Skim Pinjaman Mudah Peningkatan Kapasiti Sektor Perkhidmatan, Skim Pinjaman Mudah bagi Usahawan Automatif Bumiputera. Bagi tahun 2016 hingga 31 Mei 2016, MIDF telah meluluskan bantuan pinjaman berjumlah RM231.7 juta kepada 102 buah syarikat tempatan.

Seterusnya sebanyak empat program dipertanggungjawabkan kepada SME Bank untuk dilaksanakan:

- (i) Skim Anjakan Usahawan sebanyak RM20 juta;
- (ii) Dana Penggalakan IBS ataupun IBS *Promotion Fund*, kerjasama SME Bank dengan CIDM, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia sebanyak RM500 juta;
- (iii) Dana Transformasi Teknologi PKS atau SME *Technology Transformation Fund* sebanyak RM200 juta antara SME Bank dan SIRIM; dan

- (iv) Program *MY Seed SME Scheme* sebanyak RM50 juta antara SME Bank dan Urus Setia Usahawan India, Seed di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Keempat-empat program pembiayaan di bawah SME Bank ini akan mula ditawarkan secara aktif pada usahawan PKS mulai Jun tahun ini setelah melalui proses perbincangan bersama-sama rakan kerjasama strategik serta mendapatkan kelulusan diperlukan daripada pihak berkaitan. Dijangkakan program-program tersebut akan mula menunjukkan pencapaian sebenar pada suku ketiga 2016 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Menteri iaitu jawapan tadi. Saya ingin bertanya bagaimana pula penyertaan golongan, maksud saya perusahaan kecil dan sederhana di kalangan Melayu dan juga bumiputera dengan adanya bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Ini kerana selalu kita dengar rungutan kononnya mereka susah hendak mendapat bantuan kalau hendak bertahan lama. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Daripada 653,158 entiti perniagaan itu, milik bumiputera cuma 37.4 peratus daripada 100 buah syarikat, 37 buah syarikat dimiliki bumiputera. Daripada 37.4 peratus milik bumiputera itu, 80 peratus mikro, tidak termasuk pun dalam kategori SME. Ia ada dipanggil istilah baru sekarang ini, MSME atau *Micro, Small and Medium Enterprises*. Adalah daripada 100 peratus, cuma 37 peratus. Daripada 37 peratus itu pula, daripada jumlah yang dimiliki oleh usahawan bumiputera itu, 80 peratus mikro. Mikro ini apa pula dia punya definisi? Mikro ini ialah lima orang pekerja sahaja dan jualan RM300,000 setahun. Kalau macam tadi jualan RM50 juta setahun. Itu untuk SME, perkilangan, pembuatan. RM20 juta setahun untuk perkhidmatan. Akan tetapi yang bumiputera ini 80 peratus, jaluannya cuma RM300,000 ke bawah dan pekerjanya cuma lima orang sahaja dan ke bawah.

Jadi ini sebenarnya masalah-masalah struktur di kalangan bangsa Melayu khasnya dan bumiputera secara umumnya. Bumiputera di Malaysia ini 19.2 juta atau 62.9 peratus daripada keseluruhan penduduk. Daripada 100 orang rakyat Malaysia, 63 orang bumiputera tetapi pemilikan syarikat cuma 37. Jadi ada banyak lagi kerja-kerja yang tidak selesai, yang patut kita selesaikan bagi meningkatkan pembangunan usahawan bumiputera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok di kampung-kampung, ramai, khususnya wanita di bawah Program Amanah Ikhtiar, kita melihat banyak mereka ini berjaya. Cuma produk mereka itu menjadi produk yang lokal, tidak dibawa ke luar.

Saya hendak bertanya, termasuk juga pemuda- jadi soalan saya ini wanita dan pemuda. Adakah program khusus yang dibuat oleh MITI untuk membantu mereka ini sama ada daripada segi membawa produk mereka itu. Kalau kita pergi di luar negara, jarang kita tengok produk-produk mereka ini, tidak jumpa, karas di London contohnya. Akan tetapi, kita jumpa kuih-kuih daripada Siam di London. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan perkara begini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma betulkan apa soalan daripada Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Sebenarnya Siam itu rakyat Malaysia yang berketurunan Siam. Yang Thailand bangsa Thai, bukan Siam. Nak beri penerangan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada Siam, saya tarik balik ayat itu. Jadi saya sebut rakyat Thailand. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Maklum ya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Soalan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi ialah mengenai apa usaha-usaha seperti bantuan kerajaan untuk PKS wanita dan juga belia. Wanita ini kita ada pelbagai program, bukan hanya oleh MITI. Saya bacakan antara programnya. *Women Exporters Development Programme* dilaksanakan oleh MATRADE, ini bawah MITI lah. Lepas itu Yang Berhormat sebut tadi, Amanah Ikhtiar Malaysia, 99 peratus orang wanita dan pembayaran *loan* itu pun 99 peratus dibayar. Jadi elok sangat kalau bagi pinjaman ini kepada wanita sebab mereka akan bayar hutang.

Kemudian yang ketiga ialah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal. Ini oleh Jabatan Pembangunan Wanita. Satu lagi Program Inkubator Keusahawanan Wanita dan Keusahawanan Ibu Tunggal misalnya. Kemudian SMECorp. kita telah menubuhkan apa yang dipanggil sebagai Panel Pembangunan Usahawan Wanita Malaysia untuk memberikan nasihat-nasihat yang bernas bagaimana hendak meningkatkan lagi jumlah wanita dalam bidang keusahawanan dan jumlah program, ada banyak program yang kita laksanakan. Jumlah wang untuk wanita pada tahun 2016 ini saja RM2.49 bilion. Bukan sikit itu ya, banyak untuk wanita.

Bagi belia pula, yang 40 tahun ke bawah, 21 tahun hingga 40 tahun biasanya, ada 15 program. Jumlah wangnya RM346.5 juta pada tahun ini sahaja dan saya ingin berkongsi yang untuk belia ini kita ada satu contoh program yang dipanggil sebagai TUBE, Tunas Usahawan Belia Bumiputera. Kita telah melancarkan TUBE 1.0, 2.0 sudah selesai, dua tahun. Baru-baru ini saya melancarkan TUBE 3.0.

Apakah yang kita inginkan daripada TUBE ini? Jumlah 500 lebih kurang usahawan muda, umur 40 tahun ke bawah, antara 18 tahun ke-40 tahun. Kemudian kita masukkan tiga minggu kursus dalam kem PLKN. Seminggu dia ala *boot camp*, bagi segi ketahanan diri, pergi *camping*, naik bukit, turun bukit begitu. Kemudian dua minggu lagi ialah asas-asas keusahawanan diberikan secara teori dan praktikal kepada mereka. Jadi tiga minggu duduk dalam kem PLKN. Ada 10 buah lokasi di seluruh Malaysia. Sebuah lokasi 50 orang, jadi 500 orang kita pilih dan pendaftarannya adalah melalui *online*, permohonannya melalui *online* dalam SMEcorp.gov.my ada dalam talian itu. Akhirnya mereka berjaya sebagai usahawan.

■1020

Sekarang ini 443 tahun 2014 dan 495 tahun 2015 berjaya menjadi usahawan. Ada satu contoh yang menarik itu, sebelum ini dia mat rempit belia ini, kemudian dia masuk TUBE. Jualannya sudah baik, ada jualan buat burger. Jualan burger menghantar rumah ke rumah oleh kawan-kawan rempit dia. Selain daripada itu, dia juga ada *workshop* untuk membaiki motosikal. Jadi perkara macam ini, contoh-contoh yang menarik untuk kita kongsi dalam Dewan ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Menteri yang memberikan satu penjelasan. Saya dapat lihat tadi apa yang dikatakan. SME dan juga kementerian ini yang banyak menumpukan kepada *big players*, dengan izin, memandangkan yang mikro, yang usahawan mikro ini memang saya tidak nampak apa kemudahan yang telah pun di *reserve*kan untuk mereka.

Contohnya, saya baru-baru ini saya telah pun buka *Yakin Halal Mart* yang mana semata-mata untuk mengeluarkan barang-barang bumiputera sahaja dalam itu untuk dijual secara halal, itu Halal Mart ini. Akan tetapi saya mendapatkan banyak pengalaman di situ yang mana pertama sekali, saya hendak kenalkan siapa, barang-barang mana yang saya boleh dapat ini sukar, satu. Keduanya, yang datang pada kita ini semua pun minta *cash on delivery* (COD), memang, dengan izin, tidak ada *holding power* yang mana memang susah. Ada juga dari situ yang katakan masuk wang dahulu baru barang akan hantar, tetapi barangan ini tidak ada ini, tidak ada orang tahu apa *brand* ini, apa barang pun tidak tahu, kita hendak promosikan mereka. Kita bukannya badan kerajaan tetapi kita ini sanggup hendak bantu usahawan-usahawan bumiputera, tetapi kita dapat lihat itu.

So, kita kena adakah itu mekanisme untuk membantu mereka ini yang mana kita dapat lihat barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka itu adalah bermutu, yang mana barang itu bagus. Akan tetapi masalah ini, yang mereka ini tidak ada dana ataupun kewangan yang tidak cukup untuk mereka hendak jalankan. So, bila sekali dia hantar barang yang kita bayar balik dan yang keduanya hantaran ini ambil masa satu bulan. Fasal apa, dia kena ambil wang ini baru dia belikan barang-barang untuk dia hendak proses.

So, ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh bumiputera fasal apa, kita dapat lihat kerajaan sentiasa dikatakan banyak yang bantuan-bantuan yang telah pun disediakan untuk bumiputera. Akan tetapi masih ada lagi yang mikro usahawan ini, kita tidak dapat lihat apa yang ada. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Banyak Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim yang kita sudah lakukan tetapi banyak lagi yang kita perlu lakukan. Walaupun kita telah banyak lakukan, tetapi kita kena banyak lagi melakukan dan 653,158 jumlah PKS ini bukan satu jumlah yang kecil. Ia memberikan 65 peratus daripada pekerjaan dalam negara Malaysia ini dan ia menyumbang 35.9 peratus keluaran dalam negara kasar.

Jadi PKS ini tulang belakang kepada ekonomi negara Malaysia dan juga kepada ekonomi banyak kesemua negara dalam seluruh dunia. Sebanyak 17.8 peratus daripada eksport itu sumbangan daripada PKS. Jadi kita akan terus berusaha Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim, ada banyak bantuan untuk bumiputera. Cuba lihat www.teraju.gov.my, dalam itu ada macam-macam bantuan.

Selepas itu telah dilancarkan portal untuk kita mengetahui keseluruhan dana yang ada. Kalau ada yang tidak tahu lagi dana itu dana ini, ada dalam sebuah portal bawah TERAJU, www.bisnest.com.my. Segala premis perniagaan yang kosong yang boleh disewakan di seluruh Malaysia pun ada di portal itu dan segala jenis dana yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk bantuan pun ada di portal itu. Kita akan terus melakukan bantuan-bantuan PKS ini.

Macam baru-baru ini 23 Mei hingga 3 Jun, kita ada mengadakan Minggu PKS Kebangsaan. Seluruh Malaysia kita adakan Minggu PKS ini. Seramai 484,934 orang atau setengah juta orang telah mengunjungi di seluruh tempat yang kita adakan. Pihak yang membuat pameran, 2,677 buah syarikat mempamerkan lebih dari tahun 2015, cuma 1,314 yang pamer, 344,000 orang pengunjung. Ini 500,000 orang pengunjung. Tahun demi tahun kita perbaiki, yang pentingnya ialah budaya keusahawanan itu sebenarnya, budaya keusahawanan dan ilmu keusahawanan itu. Kalau kita hendak meniaga tiada ilmu, maka perniagaan kita akan gagal dan kita menghadapi- namun kalau kita kecewa, kita tidak akan berjaya dalam perniagaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjawab dengan jelas dan terang... *[Disampuk]* Ya *last*. Sila.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tanya soalan seterusnya, apakah faktor-faktor dominan dalam kegagalan PKS-PKS terutamanya PKS bumiputera dan adakah terdapat PKS usahawan Orang Asli? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Senator Tuan Isa Ab Hamid ini datang dari Benut, Pontian Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya. Terima kasihlah tetapi dia Orang Asli. Antara kegagalan-kegagalan syarikat ataupun PKS ini, ada senarai panjang. Saya hendak kongsi sebahagian. Kepercayaan kredit yang rendah, kedudukan kewangan syarikat lemah, maklumat dokumentasi pinjaman tidak mencukupi, perbelanjaan peribadi oleh pengarah menggunakan tunai syarikat, pelaburan syarikat ke arah bidang-bidang yang bukan teras, pengarah mempunyai rekod pembayaran pinjaman peribadi yang tidak memuaskan, syarikat bergantung hanya kepada dana-dana kerajaan tetapi tidak berusaha sendiri. Usahawan PKS yang mufliis, bankrap, daya maju projek di luar kemampuan, pasaran-pasaran, kemampuan pasaran produk yang diragui dan tidak menepati kehendak pasaran. Itu antarlal kegagalan-kegagalan PKS.

Secara *detail* jumlah PKS Orang Asli itu belum ada lagi, tetapi terima kasih kerana mengingatkan. Mungkin selepas ini kita akan mencari jumlahnya yang sebenar untuk PKS Orang Asli. Terima kasih.

2. Datuk Seri Boon Som A/L Inong [*Di Bawah P.M. 23(2)*] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan isu berkaitan Hutan Simpan Kekal (HSK) sekitar Kuala Lumpur yang dikorbankan untuk memberi laluan kepada projek pembangunan seperti pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang (SUKE) yang mendapat bantahan orang ramai. Apa tindakan kerajaan bagi memastikan HSK yang sedia ada terpelihara dan tidak diancam oleh aktiviti pembangunan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat yang bertanya bagi pihak tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai latar belakang, pada masa ini keluasan hutan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah lebih kurang 2,049 hektar bersamaan dengan 8.4 peratus daripada keluasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 24,400 hektar.

Daripada keluasan ini, seluas 68 hektar atau 3.3 peratus dari kawasan liputan hutan di Kuala Lumpur atau sama dengan 0.27 peratus daripada keseluruhan keluasan Wilayah Persekutuan merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan di bawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984. Itu latar belakangnya Tuan Yang di-Pertua. Memang ini merupakan suatu perkara yang sekarang ini menjadi perbincangan hangat. Di antara tindakan kerajaan bagi memastikan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang sedia ada terpelihara dan tidak diancam oleh aktiviti pembangunan adalah:

■1030

- (i) mengukur dan menanda semula sempadan luar HSK untuk penyediaan Pelan Akui (PA) bagi tujuan pewartaan semula kawasan HSK;
- (ii) melaksanakan aktiviti pemantauan dan operasi penguatkuasaan hutan dengan kerjasama pasukan elit penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam mencegah aktiviti kesalahan hutan dan penerokaan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal;
- (iii) melaksanakan usaha-usaha pemuliharaan kawasan terosot dalam HSK melalui aktiviti restorasi hutan ataupun penanaman pokok;
- (iv) semua perancangan pembangunan melibatkan kawasan HSK hendaklah dirujuk kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terlebih dahulu;
- (v) Kementerian bertegas supaya HSK yang hendak di warta keluar perlu diganti dengan serta-merta sebagaimana yang termaktub di dalam akta tersebut;
- (vi) kerajaan sedang menyemak semula rekod-rekod berkaitan keluar HSK yang masih belum diganti mengikut ketetapan Akta Perhutanan Negara atau APN 1984 [*Akta 313*]; dan

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun mengenal pasti beberapa buah kawasan hutan tanah kerajaan yang sesuai untuk dijadikan HSK bagi meningkatkan jumlah kawasan HSK di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan yang begitu penuh dengan fakta. Jadi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili kaum minoriti terutama kaum minoriti yang saya wakili iaitu Masyarakat Siam Bumiputera mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar dalam pilihan raya kecil kedua-dua kawasan yang berlangsung Sabtu lalu.

Ini membuktikan kepercayaan, keyakinan dan sokongan rakyat terhadap kesungguhan, kepimpinan terutama Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu, membela dan memajukan rakyat negara ini. Kepercayaan, keyakinan dan sokongan itu telah diterjemah dalam bentuk undi dengan majoriti yang tinggi di kedua-dua kawasan. Ini merupakan satu lagi kejayaan besar selepas Kerajaan Barisan Nasional menambah dan mengekalkan penguasaan di dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak baru-baru ini. Tahniah.

Berbalik kepada soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, hutan simpanan kekal penting untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar dan kawasan tadahan air. Selain itu ia juga penting sebagai kawasan pendidikan dan rekreasi. Hutan kita juga kaya dengan berbagai-bagai sumber kayu, rotan, herba. Ada bermacam-macam flora dan fauna. Malangnya kita juga terdapat laporan terhadap pencerobohan serta pembalakan haram di hutan simpan kekal seperti yang berlaku di Cameron Highlands Pahang, di Lojing Kelantan dan di Pulau Pinang. Kegiatan ini menimbulkan bencana seperti banjir lumpur seperti yang berlaku di Cameron Highlands hingga meragut nyawa, merosakkan harta benda.

Memandangkan ia ada kaitan dengan pentadbiran tanah dan ini di dalam bidang kuasa kerajaan negeri termasuk memberi kelulusan pembalakan, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pula bidang kuasa yang ada pada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam mengawal dan mencegah kegiatan pencerobohan dan pembalakan ini? Apakah teknologi yang kita guna memantau dan mengesan kegiatan ini? Adakah teknologi itu berkesan dan berapa luaskah kawasan hutan simpan kekal yang kita hilang setiap tahun di seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Panjang soalan itu, Tuan Yang di-Pertua. Dia ada dua bahagian. Pertama, tentang kuasa Kerajaan Persekutuan ataupun kuasa kementerian dan apa yang kementerian boleh lakukan selain daripada berapa banyak kawasan hutan yang telah pun diceroboh dan sebagainya. Itu soalan panjang lebar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertama saya hendak sebut kita ada Majlis Tanah Negara. Dulu kita ada Majlis Hutan Negara tetapi sekarang Majlis Hutan Negara telah pun di sekalikan dengan Majlis Tanah Negara.

Semua perkara yang berkaitan dengan hutan di seluruh negara yang dikuasai ataupun menjadi hak milik kerajaan negeri, maknanya kuasa itu terletak di kerajaan negeri dan tidak boleh usik selain air dan sebagainya dibincangkan. Kemudian di situlah kita selaraskan di mana kementerian menjadi urus setia kepada segala perkara yang berkaitan dengan hutan di Malaysia, tentang perkara-perkara yang perlu ada tindakan termasuklah di dalam mengekalkan kawasan liputan hutan termasuklah HSK di seluruh negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, seluruh negara masih lagi diliputi lebih kurang 55 peratus. Maknanya 55 peratus daripada keluasan negara Malaysia masih lagi diliputi hutan.

Jadi kalau Yang Berhormat bertanya tentang langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan dalam membanteras pembalakan haram, sebenarnya terlalu banyak. Ini merupakan jawapan kepada soalan di bahagian dua daripada Yang Berhormat tadi. Ringkasnya saya sebut di sini ialah yang paling penting seperti berikut:

- (i) memperkemas dan meminda Akta Perhutanan 1984 di mana secara ringkasnya pindaan tersebut merangkumi pemakaian prinsip pemindahan beban pembuktian ataupun *strict liability*. Bermaksud pihak yang disyaki bersalah perlu membuktikan pemilikan hasil hutan di mana-mana premis atau tanah sama ada di dalam hutan simpan kekal atau di luar HSK adalah hasil hutan yang sah mengikut perundangan sedia ada;
- (ii) penalti dan hukuman yang lebih berat berbanding dengan penalti dan hukuman yang sedia ada bertujuan sebagai salah satu faktor pencegahan supaya pengusaha dan pembalok sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan;
- (iii) pegawai penguat kuasa dilengkapi dengan senjata api untuk tujuan keselamatan dan penguatkuasaan; dan
- (iv) pemberian kuasa kepada pegawai yang berkhidmat di ibu pejabat. Pemberian kuasa kepada pegawai yang berkhidmat di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk menjalankan kerja penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan di negeri-negeri.

Langkah kedua, ialah pemantauan yang lebih kerap oleh pasukan *flying squad*. Terbang? Skuad itu bukan skuad terbang, ada dia punya *flying squad*. Maknanya menggunakan *drone* dan sebagainya di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan.

Langkah ketiga, mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan pembalakan haram. Dalam hal ini, Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri dari kedua-dua pejabat perhutanan negeri dan pejabat hutan daerah telah mempertingkatkan aktiviti rondaan, pemantauan dan juga mengadakan sekatan di jalan raya di kawasan *hotspot* berkenaan dalam usaha mengesan dan mencegah sebarang kegiatan pembalakan haram.

Langkah keempat, menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa tentang pergerakan hutan.

Langkah kelima, menggunakan teknologi penderiaan jarak jauh atau *remote sensing* dan sistem maklumat geografi.

Langkah keenam, paling penting iaitu memperkenalkan sistem pengurusan hutan berasaskan teknologi *Radio-frequency Identification* (RFID).

Langkah ketujuh, mengadakan sistem balai pemeriksa hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh balai pemeriksaan hutan.

Langkah kelapan, menggalakkan masyarakat awam membuat aduan dan sebagainya.

Akhir sekali, langkah kesembilan, memastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan hutan simpan kekal berada dalam keadaan bersih.

Yang Berhormat tadi bertanya tentang kes pembalakan haram yang dikesan mengikut tahun dari tahun 2009. Mengikut rekod kita, sebenarnya jumlah kes pembalakan haram yang dikesan dari tahun 2009 hingga Mac 2016 adalah seperti berikut.

TAHUN	JUMLAH KES
2016 (sehingga Mac)	4
2015	132
2014	150
2013	47
2012	59
2011	58
2010	91
2009	93

Sekian, terima kasih.

■1040

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan istilah "hutan simpan kekal" yang akhirnya tidak kekal dan boleh diambil alih untuk tujuan pembangunan. Mengapa digunakan istilah 'simpan kekal' kalau akhirnya ada klausa tertentu yang memberi ruang agar hutan simpan kekal ini diambil alih untuk tujuan pembangunan? Sekian.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud hutan simpan kekal hutan- ada pada terjemahan ayat atau perkataan simpanan kekal tersebut tetapi ia terbahagi kepada dua. Pertamanya, kawasan perlindungan dan keduanya kawasan tuaian. Makna, kawasan perlindungan ini terpelihara, tidak boleh diusik kerana ia adalah lebih menjurus kepada kestabilan ekologi. Umpamanya kawasan perlindungan haiwan liar dan sebagainya.

Kedua, kawasan hutan simpan kekal yang boleh dituai, yang boleh ditebang tetapi disyaratkan hendaklah ditanam semula selepas ditebang dalam program restorasi seperti yang saya sebutkan tadi. Maknanya hutan simpan kekal, itulah maksudnya.

Walau bagaimanapun, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, masih berlaku juga pembalakan atas sebab-sebab pembangunan atau kemajuan tetapi dalam akta ini, Akta Perhutanan Negeri 1984 ini, perkara 12 menyebut bahawa pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa hendaklah mengganti kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal. Ada prosesnya. Boleh dibangunkan tetapi mesti diganti.

Cuma persoalan di sini yang selalu dipertikaikan adalah bila nak diganti? Ini satu daripada kecacatan ke atas akta ini yang perlu dipinda. Inilah di antara sebahagian daripada pendakatan yang dibuat oleh kementerian di bawah kepimpinan baru iaitu Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar iaitu untuk meminda banyak akta di bawah kementerian termasuklah akta ini dalam usaha untuk "*sustainable development*". Sekian, terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, boleh dibenarkan satu soalan tambahan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Ya, saya bagi. Sila.

Tuan Ramli bin Shariff: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek saja kepada Yang Berhormat Menteri.

Seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, 55 peratus tanah masih diliputi oleh hutan di negara kita. Akan tetapi adakah sesuatu pertimbangan diberi kepada negeri yang kecil seperti di negeri Perlis yang ada juga kawasan yang telah dikategorikan sebagai kawasan hutan kekal? Jadi soalan saya, adakah apa-apa bentuk usaha yang dibenarkan di dalam memanfaatkan penggunaan tanah di dalam kawasan hutan simpan kekal yang mana bentuk usaha itu bukanlah suatu bentuk usaha kekal? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya begini. Sebolehnya baki hutan yang ada ataupun baki kawasan hutan yang sedia ada khususnya kawasan HSK di negeri-negeri mestilah dikekalkan. Maknanya ini yang telah pun dibuat baru-baru ini. Maknanya ini dalam usaha kita untuk mengekalkan kawasan hutan yang sedia ada.

Sekiranya kerajaan negeri berhajat untuk membangunkan kawasan tersebut, seperti yang saya sebutkan tadi, mestilah diganti dengan kawasan yang lain. Akan tetapi bagi negeri-negeri kecil, kita faham tentang keperluan pembangunan, tentang keperluan untuk mendapatkan hasil tuaian hutan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akhir-akhir ini bukan sahaja peka malah sedang berusaha untuk mencari satu kaedah yang terkini bagaimana kita boleh buat *reciprocal*, dengan izin, *instead of* tebang pokok untuk mendapatkan hasil, diganti dengan dalam bentuk lain iaitu tunai daripada sumber lain supaya negeri *sustain* dengan hasil dalam bentuk RM tadi untuk menguruskan negeri tanpa menebang pokok.

Akan tetapi bagi tujuan pembangunan, sebenarnya kita masih kekal lagi dengan prinsip bahawa setiap kawasan hutan simpan kekal yang ditebang mestilah diganti dengan kawasan lain. Saya fikir semua kerajaan negeri telah pun bersetuju atas prinsip tersebut sebagaimana yang terkandung dalam Majlis Tanah Negara seperti mana tadi saya sebut tadi di sekaligus dengan Majlis Hutan Negara. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita Barisan Nasional kerana berjaya menang dengan besarnya dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar dua hari yang lepas [*Tepuk*]

Ini bukti sokongan rakyat kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan kepada timbalannya, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan juga penerimaan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan yang pro rakyat. Dua, bukti bahawa majoriti rakyat menolak politik fitnah dan adu domba pembangkang termasuk juga yang dilakukan oleh Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ketiga, kalau dicampur, Tuan Yang di-Pertua, semua undi pembangkang pun, Barisan Nasional masih lagi menang besar dalam pilihan raya kecil yang baru lepas. Tahniah sekali lagi kepada Barisan Nasional.

Saya menyeru kepada pihak pembangkang hentikanlah politik fitnah ini. Marilah kita sama-sama memberi tumpuan kepada pembangunan negara untuk kepentingan rakyat pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan rakyat luar negara dan nyatakan dari negara mana.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga pada hari ini nombor 94 kerana menyentuh isu yang serupa iaitu pernikahan rakyat Malaysia dengan warga luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengurusan dan pendaftaran perkahwinan orang Islam di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Ini selaras dengan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, yang menetapkan bahawa perkara yang menyentuh hal ehwal agama Islam ini adalah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri.

Ia diperuntukkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dan terpakai kepada semua orang Islam yang berkahwin di Malaysia termasuk rakyat luar negara yang tinggal dan bermastautin di Malaysia. Oleh itu, maklumat berkaitan dengan perkahwinan ataupun pendaftaran perkahwinan orang Islam di Malaysia termasuk rakyat luar negara adalah di bawah seliaan dan pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, sebagai contoh, berdasarkan maklumat dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan rakyat luar negara pada tahun 2011 sehingga tahun 2015 berjumlah 2,144 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah warganegara asing lelaki adalah sebanyak 2,028 orang manakala 116 orang merupakan warganegara asing perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pernikahan di luar negara pula, Undang-undang Keluarga Islam yang berkuat kuasa di negeri-negeri juga telah memperuntukkan bahawa perkahwinan yang dilakukan di luar negara hendaklah mengikut hukum syarak serta prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.

■1050

Pernikahan di luar negara yang dilakukan tidak mengikut undang-undang dan peraturan negara telah menyebabkan pernikahan tersebut tidak dapat didaftarkan secara sah di jabatan agama Islam negeri yang berkenaan. Misalnya di Wilayah Persekutuan, Akta Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 [Akta 303] di mana seksyen 31 telah jelas menyatakan bahawa mana-mana orang yang bermastautin di dalam Wilayah Persekutuan yang berkahwin di luar negara dengan sah mengikut hukum syarak hendaklah dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu hadir untuk mendaftarkan perkahwinannya di hadapan pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk orang Islam yang berhampiran sekali.

Perkahwinan tersebut hendaklah didaftarkan bagi memudahkan urusan-urusan pengesahan pernikahan, mendaftar kelahiran anak, persekolahan anak-anak, kematian, perceraian, sebarang tuntutan melibatkan urusan mahkamah, keperluan imigresen dan sebagainya.

Penalti akan dikenakan jika pihak-pihak tidak hadir di hadapan pendaftar dalam tempoh yang dinyatakan sebagaimana yang disebut dalam seksyen 35 akta yang sama iaitu denda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Bagi memastikan perkahwinan yang akan dijalankan bertepatan hukum syara' serta prosedur dan peraturan negara Malaysia, maka perkahwinan ataupun permohonan perkahwinan di luar negara hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada jabatan agama Islam negeri yang berkenaan atau kebenaran dari mahkamah syariah bagi perkahwinan secara poligami, perkahwinan di bawah umur, perkahwinan yang melibatkan janda berhias dan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab.

Akad pernikahan tersebut boleh dilakukan di pejabat kedutaan atau suruhanjaya tinggi atau pejabat konsul di luar negara atau badan-badan agama atau majlis agama Islam atau pusat Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa di luar negara. Kegagalan pasangan untuk mendaftarkan pernikahan di jabatan agama Islam negeri yang berkenaan menyebabkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak dapat merekodkan maklumat bapa di dalam sijil kelahiran anak. Bukan bermakna tidak sah taraf tetapi tidak dapat merekodkan maklumat bapa. Ada beza antara anak tidak sah taraf dengan anak yang tidak diperoleh maklumat bapanya.

Sijil kelahiran anak ini akan dikemaskinikan oleh JPN setelah pasangan membuat pengesahan pernikahan di mahkamah syariah dan didaftarkan di jabatan agama Islam negeri yang berkenaan. Memandangkan perkahwinan adalah merupakan antara perkara yang amat dititikberatkan di dalam Islam, kerajaan ingin menasihatkan pasangan yang ingin berkahwin di luar negara hendaklah mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi mengelakkan permasalahan di kemudian hari seperti masalah dalam mendaftarkan anak-anak, hak dan kebajikan isteri atau isteri-isteri serta anak-anak, masalah dalam pembahagian harta pusaka serta masalah-masalah lain yang akan timbul jika berlaku perceraian atau kematian antara pasangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawabnya dengan jelas. Saya nampak jawapan tadi hanya untuk orang Islam sahaja. Apakah pula kedudukan mereka yang bukan Islam? Yang kedua, adakah Kerajaan Persekutuan tak hendak mengetahui mengapa orang Islam yang kahwin orang luar negara di Johor misalnya, di Sabah dan Sarawak dan jadikan satu angka nasional. Nampak macam tadi cuma Wilayah Persekutuan sahaja ada angka. Soalan saya yang ketiga, berapa ramai pula yang sudah kahwin itu jodoh di luar negara itu profesional atau dia sahaja kahwin kerana suka sama suka ataupun sahaja hendak dapat kerakyatan Malaysia.

Kemudian, berapa pula yang bercerai? Berapa dapat PR? Berapa pula dapat kerakyatan? Akhir sekali saya hendak tanya, yang janda berhias itu macam mana Yang Berhormat tahu dia janda berhias? [*Ketawa*] Janda berhias itu Tuan Yang di-Pertua, dia kahwin lepas itu dia tak sempat tidur bersama kerana suaminya ataupun isterinya itu mati. Jadi dia jadi janda, dia tak dapat tidur bersama. Itu maksudnya janda berhias. Jadi Yang Berhormat mana tahu dia ini janda berhias ke tak janda berhias. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Susah jawapan itu. Terima kasih. Bagi maklumat yang ada pada saya, ia hanya melibatkan hal ehwal agama Islam. Jadi, hanya rakyat beragama Islam sahajalah. Yang kedua, yang berkenaan dengan Sabah dan Sarawak. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, berkenaan dengan Sabah dan Sarawak ini tertakluk kepada jabatan agama Islam negeri masing-masing.

Jadi maklumat itu tidak ada di peringkat Persekutuan. Apa yang saya boleh kongsi hanyalah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Soalan yang ketiga, berapa ramai yang dikahwini golongan profesional dari luar negara, berapa ramai yang bercerai, berapa ramai yang peroleh PR, berapa ramai yang dapat kerakyatan. Untuk berapa ramai yang dikahwini itu golongan profesional dari luar negara dan yang kedua, berapa ramai yang bercerai, yang ini sebab soalan itu bersifat spesifik, kita akan bagi jawapan secara bertulislah.

Berkenaan dengan berapa ramai yang memperoleh PR dan berapa ramai yang dapat kerakyatan, ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jadi di luar bidang kuasa saya untuk memberikan maklumat tersebut.

Berkenaan dengan janda berhias ini, betullah tadi Yang Berhormat Tan Sri sebutkan berkenaan dengan definisi perempuan yang berkahwin dan belum disetubuhi oleh suami. Jadi kita hanya boleh di peringkat mahkamah boleh bertanya dan menyoal siasat sahajalah... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Kalau kata-kata Imam Shafi'i, kita hanya berhukum berasaskan apa yang disebutkan kepada kita. Yang lebih daripada itu kita tak bolehlah hendak buat penyelidikan selebihnya. Jadi itu sahajalah yang saya boleh jawab dalam konteks inilah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Ha, saya bagi peluang. Dato', silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Orang seronok belaka apabila sebut kahwin ini. Pagi-pagi dah sebut kahwin ini memang orang rasa seronok. Jadi berhubung dengan kahwin luar negara ini, saya tengok merupakan satu rezekilah berkahwin dengan orang luar negara. Kalau orang kita pergi berkahwin dengan orang luar negara pun atau sebaliknya.

Cuma apa yang hendak sambung soalan Tan Sri tadi, dorongan-dorongan yang dikenal pasti orang luar negara berkahwin dengan orang negara Malaysia ini adakah kerana kalau sekiranya mereka menetap di Malaysia atau bekerja di Malaysia, mungkin dorongannya itu selain daripada cinta, kasih sayang ialah hendak tinggal lebih lama di Malaysia. Adakah itu salah satu faktor di samping bercinta ataupun mereka berkahwin di luar negara sama-sama dan akhirnya mereka tetap di luar negara, tak balik pun ke Malaysia atau tak datang ke Malaysia. Itu satu.

Yang kedua, apabila kahwin ini kadang-kadang berlaku yang tidak diingini, bercerai. Ada tak kes-kes yang menjadi perebutan antara pasangan antara luar negara dengan negara kita ini, perebutan anak-anak dan juga termasuk harta dan setakat ini, kekerapan itu berlaku di kalangan masyarakat kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato', terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Saya kira saya tidak mempunyai jawapan yang tuntas berkenaan dengan faktor-faktor kenapa kahwin dengan orang luar negara ini. Saya rasa ini perlu kita buat kajian secara lebih saintifiklah. Mungkin kena melihat kalau saya bercakap soal percintaan, semua orang tahulah cinta itu salah satunya tetapi mungkin juga kerana faktor-faktor lain. Yang ini saya kira boleh dilakukan kajian dan kita boleh melihat trend bagaimana semakin lama semakin ramai yang berkahwin dengan rakyat luar negara. Adakah kerana mereka hanya hendak mendapatkan PR dan sebagainya. Itu pun perlu kita buat kajian secara terperinci. Berkenaan dengan soalan yang spesifik tadi yang berkenaan dengan angka, sekali lagi saya hanya boleh memberikan dalam bentuk jawapan bertulislah kerana saya tak ada data dengan saya sekarang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sila Yang Berhormat Shahanim.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kini, kecenderungan rakyat Malaysia berkahwin dengan pasangan rakyat luar negara semakin meningkat.

Oleh itu berlaku juga peningkatan bagi permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan secara masukkan sebagaimana Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan. Baru-baru ini saya berkesempatan berjalan di Chow Kit, di Ampang Park dan berkesempatan bercakap atau bersembang dengan wanita-wanita Malaysia yang kebanyakannya memaklumkan kepada saya Tuan Yang di-Pertua, suami mereka warganegara Pakistan.

■1100

Ada yang maklumkan pada saya dia isteri nombor satu, dekat gerai hujung sana isteri nombor dua. Saya tanya, "*Kenapakah suka kahwin dengan warganegara Pakistan ini?*" Sebab...

Seorang Ahli: *Handsome.*

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Datuk Shukor lebih *handsome* daripada warganegara Pakistan. Dikatakan sebabnya ialah kalau warganegara wanita Malaysia kita kahwin dengan orang Pakistan ini, orang Pakistan ini dia pandai berniaga. Jadi, wanita Malaysia ini boleh jadi tauke-tauke atau pemilik-pemilik kedai baju ataupun kedai kain. Itu adalah salah satu faktor yang dia orang beritahu kepada saya lah. Jadi, soalan saya bolehkah warganegara asing...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak tanya, warga Pakistan ini pandai merayukah atau pandai berniaga? [*Ketawa*]

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Kedua-dua saya rasa Tuan Yang di-Pertua. Merayu pun pandai, berniaga pun pandai. Jadi, soalan saya, bolehkah warganegara asing ini dia kahwin lebih daripada satu? Saya takut, dia itu semua cukup kuota empat orang. Itu satu, soalan pertama.

Soalan kedua, berapa lama kah masa dan syarat-syarat yang lebih ketat dikenakan pada mereka agar kebanjiran warga asing ke negara Malaysia dapat dikawal dan diurus dengan baik? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Saya rasa betul kata Yang Berhormat Dr. Johari Mat, soalan yang berkenaan dengan perkahwinan ini saya tengok Yang Berhormat yang lelaki semua senyum sahaja. Cuma, soalan nombor dua itu di bawah Kementerian Dalam Negeri yang sesuai untuk menjawabnya. Akan tetapi yang pertama seperti yang saya jelaskan tadi semua warganegara, rakyat Malaysia dan juga rakyat luar negara yang beragama Islam yang ingin berkahwin mereka tertakluk kepada peraturan dan undang-undang syarak di bawah jabatan agama Islam negeri-negeri.

Jadi, kalau mereka ini hendak kahwin lebih daripada satukah, selagi mana ikut hukum syarak jangan lebih daripada empat sahaja. Hendak kahwin dua, hendak kahwin tiga, hendak kahwin empat, apa juga alasan itu bukan perhitungannya. Paling penting, ia harus mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri termasuk Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang paling besar juga harus mematuhi hukum syarak. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Sila Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji R.M. Monutty: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik pagi ini untuk bercakap soal perkahwinan dalam masyarakat Islam dengan orang asing ini. Akan tetapi saya pagi ini hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana maklumat yang ada pada JAKIM dan apa pendirian JAKIM terhadap kecenderungan sebahagian kecil masyarakat Islam di Malaysia untuk mengadakan nikah mutaah? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Monutty. Kita tidak ada maklumat secara spesifik berkenaan dengan mereka yang mengamalkan ajaran Syiah khususnya dalam konteks mutaah ini. Setakat ini kita hanya bergantung kepada- sebab seperti mana Yang Berhormat tahu, orang yang mengamalkan mutaah atau pun mengamalkan Syiah ini ia dalam prinsip Syiah dia ada apa yang disebut sebagai *Taqiyyah*.

Taqiyyah itu maksudnya sebagai sebahagian daripada rukun, mazhab atau pun rukun ajaran Syiah ini dia boleh menipu dan memang wajib untuk menipu di hadapan terutamanya *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Jadi, atas faktor itulah kita sebenarnya sukar untuk kita mendapatkan bukti kalaupun ada yang dibawa kepada pengetahuan kita. Memang ada maklumat-maklumat yang sampai kepada kita tetapi sekali lagi kita tidak boleh mengambil tindakan secara semberono, berasaskan maklumat tersebut mengatakan orang itu berkahwin mutaah dan sebagainya.

Pernah berlaku kita hanya boleh menyoal siasat dan bertanya, apakah isteri ini isteri yang sah daripada segi syarak? Ada maklumat sijil pernikahan dan sebagainya. Akan tetapi kalau selebih daripada itu kita tidak boleh hendak buat apa-apa. Prinsip kita seperti mana Yang Berhormat pun tahu dalam prinsip Islam... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kita berasaskan kepada maklumat yang ada di hadapan kita dan kita sentiasa berpegang kepada *good faith*, bersangka baik terlebih dahulu. Melainkan ada bukti yang jelas yang boleh kita sabitkan. Itu pun bergantung kepada negeri-negeri kerana kuasa untuk mensabitkan atau menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan akidah, dengan hal ehwal perkahwinan ini adalah tertakluk di bawah negeri-negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki telah memberi pandangan, jawapan yang panjang lebar dan terang. Hari ini sengaja saya lebihkan sedikit soalan itu sebab ramai berminat sangat. Kalau kita dengar tadi ucapan daripada Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam seolah-olah kita tengok orang ini ada pengalaman ini, orang lama.

Saya pun hendak beritahu bahawa ada ketika itu saya berjumpa seorang Bangladesh ditanya, kenapakah *you* hendak kahwin perempuan itu? Dia kata, saya suka dia punya hidung mancung dan dia punya gigi pun mancung juga. Gigi mancung. Kita hidung, dia gigi mancung. Itu daripada pengalaman yang saya dapat. Saya sekarang hendak pergi kepada soalan nombor 4 sekarang ini. Yang Berhormat Puan Azizah binti Harun, dipersilakan.

4. Puan Azizah binti Harun minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah usaha pihak kementerian menerapkan minat keusahawanan di kalangan pelajar pengajian tinggi dengan bantuan agensi-agensi kerajaan khususnya mengenai modal permulaan perniagaan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun atas soalan yang berkaitan dengan keusahawanan kalangan pelajar IPT.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sememangnya telah melaksanakan usaha menerapkan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi dari tahun 2010 lagi dengan pelancaran Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Dasar ini bertujuan untuk:

- (i) melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan;
- (ii) untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam kalangan siswazah; dan
- (iii) memupuk nilai dan budaya keusahawanan dalam kalangan tenaga pengajar dan penyelidik di institusi pendidikan tinggi (IPT).

Sebagai kesinambungan kepada dasar yang telah dilaksanakan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 untuk pendidikan tinggi telah menggariskan inisiatif keusahawanan dilaksanakan di bawah rangka kerja penjana pekerjaan atau *job creator framework*, dengan izin, secara holistik dan berstruktur untuk mendorong pelajar dan graduan bertindak sebagai *job creator*, dengan izin. Berbanding *job seeker*, dengan izin, melalui tiga fasa utama iaitu *end culture*, dengan izin, iaitu untuk membudayakan nilai keusahawanan di peringkat awal pengajian pelajar.

Kedua, *empower*, dengan izin, iaitu untuk membuka peluang pembelajaran keusahawanan atau *entrepreneur learning*, dengan izin, kepada pelajar dan *equip*, dengan izin, iaitu untuk menyokong pelajar untuk membuka dan mengembangkan perniagaan.

Di bawah Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016 hingga 2020, inisiatif dan program keusahawanan yang dapat menerapkan minat keusahawanan dan membantu pelajar untuk meningkatkan kualiti diri melalui *entrepreneur learning*, dengan izin. Ini telah dilaksanakan melalui program *Siswapreneur and Siswa in Social Enterprise*, dengan izin, atau SISE dan penganugerahan dan pertandingan keusahawanan.

Daripada segi kesan inisiatif yang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, peningkatan tahap penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan IPT telah menunjukkan peningkatan ketara daripada kurang 20 peratus pada tahun 2011 kepada lebih daripada 50 peratus pada tahun 2015.

■1110

Selain itu, ekosistem IPT yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar juga telah ditambah baik yang mana IPT telah melaksanakan dasar *Green Lane*, dengan izin, untuk perniagaan milik pelajar dan koperasi pelajar supaya peluang menjadi pembekal kepada IPT masing-masing dalam julat tertentu. Pihak IPT turut menyediakan pembiayaan awal atau *seed funding*, dengan izin, sebanyak RM1,000 hingga RM5,000 kepada pelajar yang ingin membuka perniagaan.

Sistem sokongan aktiviti keusahawanan pelajar juga diperkukuhkan dengan menyediakan infrastruktur, ruang dan peluang perniagaan inkubator, khidmat nasihat dan bimbingan daripada usahawan sebenar. Inisiatif ini dilaksanakan dengan bantuan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri. Antaranya Perbadanan Keusahawanan Nasional Berhad, MARA, *Malaysia Technology Development Corporation*, *SME Bank*, TERAJU, MDEC, Perbadanan Kemajuan Negeri. Sekian, terima kasih.

Puan Azizah binti Harun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab pertanyaan saya dengan lengkap. Pukul rata, mereka yang sudah menghabiskan pengajian di institut pengajian tinggi awam adalah tinggi. Rata-rata mereka sudah tentu hilang sama ada untuk mencari kerjaya ataupun meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ada sesetengah siswa dan siswi yang ingin mencuba nasib dengan menceburi diri dalam dunia keusahawanan. Berbekalkan dengan ilmu di dada, mereka akan mula berkecimpung dengan perniagaan secara kecil-kecilan dahulu.

Ada sebahagian daripada siswa dan siswi sudah mula berjinak-jinak dalam bidang ini semenjak dalam pengajian seperti bergiat di dalam MLM. Kita mesti menyokong hasrat murni mereka untuk maju dalam perniagaan kerana kelak bukan sahaja akan membantu diri mereka sendiri malah akan membantu meningkatkan ekonomi negara secara amnya. Berdasarkan kepada jawapan Menteri tadi, adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah pangkalan data bagi mengumpul maklumat mengenai peratusan siswazah yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau ingin mencari kerjaya.

Seterusnya, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian boleh mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain bagi membantu siswazah-siswazah yang gagal dalam perniagaan dan membantu mereka untuk berniaga kembali. Mohon jawapan daripada Kementerian. Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Memang mengadakan data adalah sangat penting kerana apabila kita kumpul data yang diperlukan, ini akan memberi peluang untuk pelan tindakan dilaksanakan berdasarkan data. Ini bermakna bahawa pelan tindakan yang akan dirancang itu *data driven*.

Berkaitan dengan adakah tindakan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu pihak pelajar yang sudah gagal dalam bidang keusahawanan. Saya boleh memberitahu bahawa setakat ini memang bantuan sudah diberi dan seperti yang saya sudah baca dalam jawapan saya bahawa memang ada agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri memberi bantuan. Saya percaya bahawa apa yang sangat penting di sini, kerajaan hendak melihat kejayaan pelajar-pelajar bukan kegagalan. Memang saya percaya bahawa bantuan akan diberi. Akan tetapi, apa yang sangat penting di sini adalah di mana pelajar-pelajar mesti tanggungjawab peribadi untuk mencapai kejayaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita melihat, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa modal pusingan untuk pelajar-pelajar ini di antara RM1,000 hingga RM5,000 diberikan kepada mereka. Saya nak ambil sejarah TEKUN contohnya. Kadang-kadang bantuan TEKUN itu RM1,000 hingga RM5,000 ini tidak boleh buat apa. Kadang-kadang kalau kita bagi RM5,000 dia hendak buat apa Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak cadangkan supaya *review* kan balik supaya modal pusingan, saya berniaga dalam keadaan dunia sekarang RM5,000 ke bawah ini tidak boleh buat apa.

Kalau kita hendak jual burger pun, tempat burger pun dah dekat RM4,000. Tinggal RM500 lagi untuk buat apa. Jadi pelajar-pelajar kita ini akan gagal, tetap akan gagal sekiranya modal yang diberikan begini. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat dapat memberi penjelasan berhubung dengan adakah nak dikaji modal-modal yang nak diberikan ini supaya kalau mereka *failed* sekali pun, kita dapat membantu mereka. Kalau kita tengok *overseas student* macam mana mereka buat lebih berdasarkan kepada *innovation* mereka, dengan izin. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya rujuk balik kepada jawapan saya tadi di mana saya sudah beritahu bahawa ini *seed funding*, dengan izin, atau pembiayaan awal. Jadi adalah antara RM1,000 hingga RM5,000 dan ini diberikan kepada pelajar yang telah tamat mengikuti Program Kerjasama Keusahawanan antara KPT dan agensi. Ini juga berdasarkan satu kriteria tertentu, contohnya idea perniagaan yang mempunyai nilai komersial.

Selain daripada pembiayaan awal yang diberikan seperti yang saya sudah baca tadi bahawa bantuan juga dalam bentuk infrastruktur ruang dan peluang perniagaan, inkubator, khidmat nasihat dan bimbingan juga diberi. Memang ini pembiayaan awal dan sekiranya selepas itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa kalau katalah sudah kita buat satu kajian dan sekiranya nampaknya ada keperluan untuk menambah pembiayaan awal, memang saya rasa pertimbangan akan diambil. Akan tetapi, buat sementara ini pembiayaan awal dan saya rasa amat bersyukur bahawa pelajar dapat bantuan daripada segi bukan kewangan tetapi daripada segi bentuk yang lain juga. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu prihatin mengambil inisiatif yang cukup baik untuk membantu mahasiswa kita supaya mereka menjadi usahawan. Memang kita kena menyokong.

Pada hari ini, kita mengeluarkan graduan yang cukup ramai dan mereka menghadapi masalah pengangguran. Saya tadi telah mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Menteri bahawa banyak langkah yang telah diambil. Cuma saya ingin mendapat kepastian pihak Yang Berhormat Menteri, sila nyatakan contoh-contoh hasil program keusahawanan yang telah dijalankan di peringkat kementerian dan hasil ini telah membuahkan graduan yang berjaya di kalangan mahasiswa melalui program yang telah dijalankan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya rasa amat gembira untuk berkongsi kejayaan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan usahawan kerana ini ada berkaitan, kesannya ada berkaitan dengan *employability*. Saya ada data di sini bahawa apabila saya sebut tentang IPT, bermakna ini merangkumi universiti awam, universiti swasta, politeknik dan kolej komuniti.

■1120

Marilah kita melihat data yang berkaitan dengan status pekerjaan keseluruhannya *graduate*, di mana aktiviti keusahawanan sudah membantu mereka daripada segi *employability*. Kita boleh melihat bahawa dari kolej komuniti sudah merekodkan 97.4 peratus daripada segi status bekerja. Ini bermakna, bilangan pelajar hampir majoriti sudah dapat kerja. Daripada segi politeknik, sudah merekodkan 79.5 dari universiti awam. Statistik ini ataupun status pekerjaan ini merekodkan 76.1 peratus. Dari IPTS merekodkan sebanyak 70.8 peratus.

Jadi, ini sudah membawa satu implikasi bahawa kursus-kursus ataupun program yang sudah diajar atau dilaksanakan di IPT mendatangkan faedah yang baik. Yang Berhormat Senator ada bertanya berkaitan dengan program yang diajar dan di universiti. Saya boleh bagi contoh. *Bachelor of Entrepreneurship on Tourism with Honors* ditawarkan di UMK dan *Bachelor of Entrepreneurship on Retailing with Honors and Bachelor of Entrepreneurship Logistic Distributive Trade with Honors*. Seperti di Politeknik Ungku Omar, Diploma Lanjutan Keusahawanan dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan.

Memang Kementerian Pendidikan Tinggi juga ada rekod yang berkaitan dengan usahawan pelajar-pelajar dari IPT sudah menjadi jutawan. Ini ialah dia punya kejayaan dan saya boleh memberi nama seperti Shahrinizam Bunyamin, perniagaan pendawaian elektrik. *Infinite Beyond* dia punya *company*. Ada seorang pelajar, Nur Syahirah Mohamad Husnon sudah mengadakan perniagaan dalam bentuk produk menjahit, *Do-It-Yourself* menjahit. Kamarul Ariffin bin Suharah Apandi juga mengadakan sebuah syarikat yang berkaitan dengan *Fresh Fungi Enterprise*, pengusaha cendawan tiram di Daerah Rembau.

Jadi, ini kejayaan-kejayaan yang sudah direkodkan. Saya ada kepercayaan dengan pelan tindakan yang berkaitan dengan keusahawanan yang baru dilancarkan pada tahun 2016. Ramai lagi pelajar akan berjaya untuk usahawan. Marilah kita berdoa atas kejayaan mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. *Last* ya, sila. Ringkaskan.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bertanya soalan. Adakah apabila seseorang pelajar menamatkan pengajiannya, yang pertama mereka fikir di minda mereka untuk bekerja. Ada di antara mereka yang sudah mencari-cari pekerjaan-pekerjaan. Saya ingin bertanya, adakah kementerian mungkin mempunyai maklumat untuk mewujudkan satu program perintis perniagaan kepada pelajar-pelajar ini, khususnya mengumpul siswa dan siswi, kursus khas mengenai perniagaan.

Kedua, mengenai dengan tanggungan bagi mereka, terutama untuk melatih pelajar-pelajar IPT yang mana kos yang diperlukan ditanggung oleh mereka amat tinggi. Jadi, oleh itu saya mencadangkan kementerian agar dapat memastikan pembiayaan kepada pelajar-pelajar ini untuk menanggung kos semasa kursus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang berkaitan dengan kursus. Seperti yang saya sudah jawab, memang Kementerian Pendidikan Tinggi sudah menyediakan banyak kursus. Saya hendak bagi contoh yang berkaitan dengan program. Tadi saya ada sebut bahawa kita ada program *siswapreneur*, di mana kita *empower* dan *equip* pelajar kita, dengan izin.

Di bawah program ini ada banyak jenis program untuk bidang yang spesifik. Seperti *siswapreneur* KPT, di mana program sangkutan pelajar ke perniagaan yang mempunyai masalah pemasaran dan pengurusan perniagaan untuk membantu mereka secara terus dengan bimbingan daripada tenaga pengajar. Ini memang dilaksanakan di universiti UiTM, UKM, UTM, UTHM, UUM. Kedua, kita mengadakan *siswapreneur* tani. Ini memang seperti nama sebutannya berkaitan dengan pertanian dan industri asas tani.

Selain daripada itu kita ada *siswapreneur* ICT dan ini memang berkaitan dengan barangkali mengadakan usahawan secara *online* dan *siswapreneur techno* dan program *wealth creation lab* yang dilaksanakan oleh UTM yang mana siswa akan dilatih dalam bidang perniagaan teknologi dan kejuruteraan menubuhkan *setup* dalam bidang tersebut. Selain daripada itu, *siswapreneur* juga mengadakan satu program yang berkaitan dengan kesihatan. Ini dilaksanakan UM dan UKM.

Siswapreneur sports ini berkaitan dengan sukan juga diadakan dan siswa *entrepreneur retail* adalah berkaitan dengan keusahawanan dilaksanakan dengan kerjasama PUNB. Jadi, ini bermakna bahawa memang Kementerian Pendidikan Tinggi menyediakan banyak program. Seperti yang saya sudah sebut tadi bahawa apabila Kementerian Pendidikan Tinggi menyediakan begitu banyak program, adalah sangat penting bahawa pelajar respons dengan baik, dan mengadakan satu tanggungjawab peribadi atau *personal responsibility*, dengan izin, untuk dapat manfaat daripada program-program yang disediakan. Selalu saya bagi tahu, nasihat kepada pelajar juga, jangan bertindak sebagai, dengan izin, *don't be like a horse that when we take you to the water and you will not want to drink the water and there is nowhere we can force the horse to drink the water*. Jadi, inilah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membantu pelajar-pelajar kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yap Kain Ching yang telah beri panjang lebar dan penerangan yang padat kepada kita dan kita faham semua. Saya hendak maklumkan cerita sedikit ini, pengalaman akhir-akhir ini bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dia berasa kesal, banyak sangat kutuk kepada dia, cela celi macam-macam dia kata, diterima dengan senyum pula dia kata. Saya bagi tahu padanya, "*Dato' jangan lupa, doa orang yang dianiaya itu makbul. Sentiasalah kita membuat kebajikan dengan penuh ikhlas dan luhur. Insya-Allah.*", saya kata. Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang Perdana Menteri yang jujur, betul tak? Dia pun selalu suka menolong orang juga, ikhlas selalu dia, bak kata pantun orang Melayu tadi.

*Gunung daik bercabang tiga;
Satu di hilir satu di hulu;
Orang yang jujur orang suka;
Kerana hatinya baik ikhlas selalu.*

Itulah yang hendak kemenangan itu ya, jadi kita jangan lupa bahawa ini sangat mustahak. Kita sentiasalah buat macam tadi sebuah tiang besar kerana keikhlasannya tadi dia tak ada, apa orang bantai, bantailah. Kita doa sahaja supaya selamat. Akhirnya, saya cuba dan soalan nombor 5, sila daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

5. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, pencapaian *Key Performance Indicator (KPI) Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)* bagi mengukur impak ekonomi yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan acara atau Program EPP 7 dan EPP 10 bagi tempoh tiga tahun ke belakang. Adakah kesan yang diperoleh daripada pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong per kapita kepada pengiraan impak ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat atas soalan nombor 5.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

■1130

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian mohon, dengan izin, *Key Performance Indicator (KPI) Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)* bagi mengukur *impact* ekonomi yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan acara ataupun program EPP 7 dan EPP 10 bagi tempoh tiga tahun ke belakang iaitu bagi tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut.

Pertama, di bawah program EPP 7 yang mana ia melibatkan mohon, dengan izin, *international events* pencapaian KPI diukur melalui jumlah kehadiran pengunjung antarabangsa. Pada tahun 2013 sebanyak 35 acara dijalankan dengan kehadiran 95,966 orang pengunjung antarabangsa yang mana pencapaian ini menyumbang sebanyak 169 peratus peningkatan berbanding dengan KPI sebanyak 56,800 yang telah ditetapkan dan memberi sumbangan pendapatan daripada pelancong sebanyak RM509 juta.

Manakala bagi tahun 2014 sebanyak 52 acara dijalankan dengan kehadiran sebanyak 120,790 orang pengunjung antarabangsa yang mana pencapaian sebanyak 191 peratus berbanding dengan KPI yang telah ditetapkan sebanyak 63,400 dengan pendapatan yang dihasilkan sebanyak RM918 juta.

Manakala bagi tahun 2015 hanya sebanyak 32 acara telah dijalankan dengan kehadiran 75,439 orang pengunjung antarabangsa yang mana pencapaian sebanyak 79 peratus berbanding KPI 95,000 yang ditetapkan dan mencatat pendapatan daripada pelancong antarabangsa berjumlah RM411 juta. Punca utama berlakunya penurunan ini sebab pengurangan peruntungan tahunan MyCEB yang agak ketara.

Seterusnya bagi EPP 10 yang mana ia membawa maksud untuk *business event* mohon, dengan izin, pencapaian KPI diukur melalui bilangan hari perwakilan iaitu tempoh masa pengunjung ataupun peserta antarabangsa yang tinggal di Malaysia bagi mereka menghadiri mesyuarat, konvensyen, kumpulan insentif serta pameran tersebut. Pada tahun

2013 sebanyak 134 acara ataupun program berjaya dibida dengan sebanyak 289,867 hari perwakilan yang mana pencapaian sebanyak 148 peratus berbanding 195,000 KPI yang ditetapkan. Hasil kepada ekonomi sebanyak RM789 juta.

Manakala tahun 2014 sebanyak 152 acara ataupun program berjaya dibida dengan jumlah 362,280 hari perwakilan yang mana pencapaian sebanyak 158 peratus berbanding 230,000 KPI yang telah disasarkan dan menyumbang sebanyak RM970 juta kepada ekonomi negara.

Manakala bagi tahun 2015 pula sebanyak 153 acara ataupun program berjaya dibida dengan 334,493 hari perwakilan yang mana pencapaian sebanyak 90 peratus berbanding 370,000 KPI yang ditetapkan dan hasil yang telah disumbangkan adalah sebanyak RM898 juta kepada ekonomi negara.

Pencapaian ini adalah antara lain adalah kesan daripada persepsi negatif mengenai keselamatan serta insiden penerbangan di samping pengurangan peruntukan yang diberikan kepada MyCEB secara tahunan yang telah pun menjejaskan aktiviti-aktiviti pembidaan untuk mengembalikan kepercayaan menganjur dan juga delegasi luar negara dalam usaha untuk mempromosikan serta memperkukuhkan penjenamaan negara sebagai salah satu destinasi untuk mesyuarat, insentif, konvensyen dan juga pameran yang terkemuka di rantau Asia dan juga seterusnya di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga untuk dimaklumkan bahawa di samping sumbangan penting kepada ekonomi negara, acara-acara ini juga turut memberikan *impact* mohon, dengan izin, *beyond tourism benefits* yang melibatkan inovasi, pendidikan, jaringan kerjasama, perdagangan, penyelidikan, mahupun pelaksanaan mohon, dengan izin, R&D dan juga pembangunan komuniti.

Acara-acara ini juga telah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan serta amalan terbaik di dalam industri dan juga di peringkat antarabangsa oleh persatuan tempatan, penyelidik, pengusaha industri yang mana ia turut memberi pendedahan terhadap teknologi baru, idea baru serta pendekatan baru dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pelbagai sektor dalam industri ini. Sekali gus, membentuk jaringan kerjasama antarabangsa secara global termasuklah program CSR yang menjurus kepada pembangunan yang mampan. Acara-acara ini semua merentasi semua segmen dan industri serta membantu mewujudkan kesan yang negatif kepada kejayaan ETP dan juga NKEA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat jawapan yang terperinci. Ada soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas dan panjang lebar. Saya rasa sangat berpuas hati. Akan tetapi ada sedikit hendak tanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya ingin tahu program-program yang telah dijalankan tertumpu kepada wilayah ataupun negeri-negeri mana? Kemudian, keduanya ialah produk apa yang menjadi tumpuan kepada pelancong-pelancong yang menyebabkan mereka datang ke Malaysia dan datang lagi untuk kali yang seterusnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman MyCEB ini baru ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang mana ia diletakkan di salah satu agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang mana adalah untuk membantu di dalam Program Transformasi Ekonomi negara dan juga untuk merencanakan lagi negara ke arah pembangunan negara.

Kita melihat bahawa sebagaimana yang telah saya sebut tadi kita menjadi pilihan. Malaysia menjadi pilihan untuk negara-negara luar dan juga bukan hanya di peringkat ASEAN tetapi di peringkat dunia untuk kita menganjurkan MICE iaitu *meeting*, konvensyen dan juga *exhibition*, pameran. Kita juga melihat bahawa banyak perkara yang telah diisi bukan hanya untuk membantu pihak-pihak ataupun pihak penganjur ataupun pihak kementerian ataupun mana-mana juga pihak. Kita membantu untuk, dengan izin, *facilitate*, mereka yang ingin menganjurkan program-program ini termasuk- bukan hanya program kementerian tetapi juga melalui jaringan *networking* dan juga NGO yang terlibat.

Oleh sebab itu kita melihat bahawa yang utama, perkara yang selalu menjadi perkara penting adalah *venue*. *Venue* selalunya melibatkan kapasiti, jumlah *participant* yang ramai dan sering kali itu yang menjadi faktor utama daripada segi penganjuran. Tempat yang paling ramai selalunya venue di KLCC dan juga di PICC, yang mana dalam kapasiti lebih kurang 50,000 lebih kaki persegi di perlukan dalam bentuk penganjuran tersebut.

Ini yang menyebabkan kalau boleh saya juga ingin kalaulah Malaysia, kalaulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapat membuka ataupun mengadakan satu lagi tempat yang lebih besar kapasitinya mungkin lebih daripada 70,000 kaki persegi ini akan dapat membantu lebih ramai ataupun lebih banyak lagi pihak yang ingin menganjurkan bentuk MICE ini di Malaysia kerana kita memenuhi keperluan dalam penganjuran usaha tersebut.

Pastinya dalam usaha-usaha penganjuran yang melibatkan MICE ini pastinya kita selitkan juga untuk mereka ada- sebab kita bekerjasama rapat dengan pihak *Tourism Malaysia*. Oleh sebab itu banyak elemen pelancongan yang kita selitkan bersama mengikut cadangan ataupun nasihat daripada pihak *Tourism Malaysia* dalam kita merangka ataupun memperkenalkan pakej kepada pihak negara luar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Okey kita akan beralih kepada soalan nombor 6.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Ada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Manakah dia?

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: [*Mengangkat tangan*]

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tapi tak bangun pun?... Oh *sorry*.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Saya [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. *Sorry* saya minta maaf. Saya tak nampak tadi. Lain kali Yang Berhormat boleh angkat tangan kah apa. Silakan Yang Berhormat Senator Bathmavathi.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkenaan dengan pelancong warga emas ya. Mengikut *Malaysian Tourist Profile by Selective Markets*, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada tahun 2012, terdapat *revenue* ataupun pendapatan sebanyak RM60.6 bilion dan bagi 2013 RM65.44 bilion. Antara pelancong yang datang ke Malaysia bagi 2012 ialah 25.03 *million arrival* dan antara ini terdapat 1.9 peratus terdiri daripada warga emas yang berusia 65 ke atas dan 5.9 peratus berusia 55 hingga 64 tahun, usia mereka. Terdapat peningkatan pada 2013 ya di mana *senior citizens*, warga emas 1.9 peratus 65 ke atas dan 6.4 peratus berusia 55 ke-64 tahun.

Memandangkan perkara ini didapati bahawa ada peningkatan pelancong warga emas datang ke Malaysia, soalan saya ialah adakah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia memberi perhatian kepada sektor pelancongan warga emas ini daripada segi menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga pengangkutan bagi sektor warga emas ini. Terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan Yang Berhormat Senator ini agak lari jauh daripada MyCEB, agensi di bawah yang sepatutnya menjawab soalan ini.

Saya akan menjawab secara bertulis secara teliti ataupun secara *detail* yang akan diserahkan kepada Yang Berhormat tetapi yang pastinya di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita ada banyak program yang telah pun kita atur untuk pelbagai peringkat usia yang mana selain daripada program-program terdapat banyak juga cadangan tempat untuk mereka lawati sesuai dengan usia mereka dan juga program-program yang boleh mereka turut serta. Pastinya kita juga akan melihat tentang pencapaian ataupun peningkatan warga emas ini yang datang ke Malaysia untuk kita mengambil kira keperluan ataupun infrastruktur yang terlibat dalam pembangunan pelancongan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang soalan nombor 6, Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

6. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, persediaan Malaysia dalam Temasya Sukan SEA 2017 di Malaysia dan komitmen sektor swasta dalam penajaan temasya sukan tersebut.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan yang diberikan tadi. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan yang diajukan tadi, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran lawatan daripada Exco Wanita MIC Kebangsaan yang bersama dengan kita pada pagi ini [Tepuk] Dengan izin, bahasa ibunda, *vanakkam*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin: Bahasa ibunda Tuan Yang di-Pertua, bukan saya [Ketawa] Takut, takut keliru ya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun melaksanakan beberapa langkah persediaan sebagai tuan rumah bagi *South East Asian Games*, atau pun Sukan SEA 2017 dan juga *ASEAN Para Games 2017* yang akan diadakan di Kuala Lumpur bermula 19 hingga 31 Ogos 2017. Kami harap bahawa penutupan Sukan SEA iaitu temasya sukan yang terbesar di Asia Tenggara akan diadakan pada waktu malam pada 31 Ogos sempena dengan sambutan hari merdeka yang ke-60, jadi ini membawa erti yang sangat besar kepada penganjuran temasya ini. Harapan kami adalah bahawa ini akan juga meningkatkan lagi kemeriahan sambutan hari merdeka ataupun merdeka tahun 60 pada tahun depan.

Daripada segi penganjuran, Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan satu Sekretariat Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN yang tetap yang diketuai oleh bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Seri Zolkples Embong yang bertindak sebagai penyelarasan dalam memastikan setiap aspek penganjuran temasya ini dapat dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin. Saya sendiri mempengerusikan Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA dan juga Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 dan mesyuarat telah diadakan sebanyak tiga kali setakat ini iaitu pada 8 Mei 2014, 29 April 2015, dan 12 November 2015, di mana sebanyak 15 buah Jawatankuasa Kecil yang dianggotai oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan diberikan tugas dan peranan yang penting dalam memastikan penganjuran temasya ini berjaya dan menjadi penganjuran yang terbaik dalam sejarah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN.

Saya juga kebetulan akan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengelola yang keempat esok. Pada 14 November 2015 tahun lepas, logo program Pendaftaran Sukarelawan dan tema bagi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN iaitu "Bangkit Bersama", ataupun "*Rising Together*", serta maskot kita iaitu Rimau- seekor harimau yang memberi maksud R.I.M.A.U iaitu "*Respect, Integrity, Move, Attitude and Unity*", telah dilancarkan.

Kementerian dan jawatankuasa pengelola sedang mengkaji pelaksanaan serentak Sukan SEA dan juga Sukan Para ASEAN dan keputusan ini bakal dibuat pada bulan Julai.

Ini untuk makluman Dewan, kali pertama dalam sejarah satu temasya yang besar mencantumkan cadangan kita, mencantumkan Sukan SEA dan Sukan Para supaya kita dapat menganjurkan *two games in one*. Satu, dengan izin, *celebration of sports*, di mana kita melihat atlet-atlet biasa *able bodied*, dengan atlet-atlet para, sama-sama bertanding dalam acara masing-masing, dalam temasya masing-masing tetapi dibawa dalam *one celebration of sports* di mana kita akan melihat bahawa mereka akan keluar bersama dalam perasmian pembukaan dan perasmian penutupan yang digabungkan dan kali pertama *insya-Allah*, kita dapat melaksanakan kalau dipersetujui oleh *SEA Games Federation* dengan *ASEAN Para Games Federation*

Manakala dalam segi persediaan atlet, KBS melalui Majlis Sukan Negara telah melaksanakan program latihan atlet yang dinamakan Program Kita Juara dalam usaha mempersiapkan barisan atlet terbaik negara bagi memburu sasaran untuk menjadi juara keseluruhan bagi Sukan SEA. *Target* kita adalah untuk menjadi keseluruhan bagi Sukan SEA. Fasa satu Program Kita Juara yang berlangsung dari bulan September 2015 sampai September 2016 melibatkan 805 orang atlet dalam 38 jenis sukan, *first cut*, dengan izin, dan ini akan diikuti dengan fasa kedua, fasa ketiga selepas penilaian, penapisan dan pertandingan dibuat sebelum kejohanan berlangsung pada bulan Ogos tahun depan.

Saya juga dengan persetujuan Majlis Olimpik Malaysia telah melantik lebih awal lagi *Chef De Mission* atau pun Ketua Kontinjen Negara bagi Sukan SEA 2017 iaitu Yang Berbahagia Datuk Marina Chin bagi membolehkan beliau dapat memantau perkembangan latihan setiap atlet secara individu dengan lebih terperinci dan *Chef De Mission* ataupun Ketua Kontinjen bagi Sukan Para ASEAN juga akan diumumkan dalam masa yang terdekat. Senarai sukan dan acara terakhir akan dimuktamadkan pada bulan depan sempena mesyuarat *SEA Games Federation* yang kedua dan mungkin kita akan umumkan senarai awal sebelum dimuktamadkan oleh *SEA Games Federation* mungkin dalam seminggu dua ini.

Selain itu, KBS juga telah membuat persiapan awal dengan mengenal pasti dan menyediakan *venue* atau lokasi pertandingan di sekitar Lembah Klang yang dibahagikan kepada empat kluster utama tidak termasuk *dedicated venue*.

Kluster utama ialah yang pertama, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil.

Kedua, *Kuala Lumpur Convention Centre* di KLCC agar dapat kita bawa *games* kita ataupun temasya kita di tengah-tengah bandar.

■1150

Ketiga, sama ada *Putra World Trade Centre* (PWTC) atau *Malaysia International Trade and Exhibition Centre* di belakang MATRADE.

Keempat, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan *dedicated venue* yang lain yang tidak termasuk dalam kluster tersebut di luar Lembah Klang seperti di Nilai, Negeri Sembilan yang mana kita membina velodrom nasional yang baru.

Juga Pulau Langkawi yang mana kita ada pusat pelayaran kebangsaan untuk sukan pelayaran dan juga untuk *endurance* bagi sukan ekuestrian di Lembah Bidong di Terengganu kerana kita ada sebuah pusat, *world class* ataupun bertaraf antarabangsa di situ.

Daripada aspek penajaan pula, sudah tentu kita mengharapkan penglibatan sebanyak mungkin syarikat-syarikat korporat dan sektor swasta bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pihak kerajaan, lebih-lebih lagi dalam iklim ekonomi pada waktu ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan isu ini.

Justeru, kementerian baru-baru ini telah mengadakan satu persidangan yang dinamakan *Sport Pitch Conference 2016* pada 25 Mei yang menghimpunkan pengurusan tertinggi daripada 85 buah syarikat korporat dan swasta dalam usaha kementerian untuk meraih penajaan melalui aset dan program sukan negara termasuk Sukan SEA. Saya sendiri telah membentangkan dan saya sendiri telah merayu kepada sektor swasta untuk membuat penajaan bukan atas semangat *corporate social responsibility*, tetapi pelaburan kerana Sukan SEA ini satu pasaran besar, 600 juta lebih penduduk di Asia Tenggara yang boleh menjadi pasaran besar bagi mereka.

Pada persidangan tersebut saya telah memberi penjelasan mengenai peluang syarikat-syarikat ini untuk memperluaskan jenama mereka melalui platform sukan khususnya melalui program yang dilaksanakan oleh Kementerian seperti Hari Sukan Negara, FitMalaysia dan sudah pasti Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Ini akan menjadi program berterusan. Sehingga Disember 2016, sasaran tajaan wang tunai adalah sebanyak RM30 juta dan RM50 juta dalam bentuk tajaan barangan dan *services in kind*, dengan izin, akan diperoleh daripada syarikat-syarikat swasta bagi program Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Jadi, *target* kita *RM30 million in cash* dan *RM50 million in kind* untuk Sukan SEA dan juga Sukan Para ASEAN. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi satu jawapan yang terperinci. Silakan Yang Berhormat.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang mantap. Saya juga mendoakan *target* Yang Berhormat Menteri untuk Malaysia menjadi juara keseluruhan Sukan SEA akan tercapai dan saya amat berminat dan suka dengan *tagline* "Kita Juara".

Tuan Yang di-Pertua, saya prihatin dan saya *concern*, dengan izin, dengan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-60 serentak dengan Sukan SEA 2017 dan Sukan Para ASEAN 2017 berserta dalam keadaan ekonomi global yang suram, defisit fiskal kerajaan dan krisis integriti pegawai kanan KBS baru-baru ini serta kekurangan ikon atlet yang boleh diketengahkan bagi pembangunan jenama ataupun *branding power*, apakah KBS mempunyai perancangan rapi serta Strategi Lautan Biru atau kerjasama dengan syarikat swasta bagi memastikan sasaran tajaan swasta menjelang akhir tahun ini? Sebab tadi Yang Berhormat Menteri kata, kalau *cash* kita perlukan tajaan RM30 juta, *in kind* lebih kurang RM15 juta...

Tuan Yang di-Pertua: RM50 juta.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: ...RM50 juta. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap penganjuran yang terbaik dalam kekangan ekonomi. Dalam keadaan ekonomi pada waktu ini, kita mahu mempersembahkan penganjuran yang terbaik tanpa melibatkan kos yang terlalu tinggi. Jadi kita hendak melihat bahawa bagaimana kita dapat meningkatkan keberkesanan *costs effectiveness* dan untuk kita meningkatkan penajaan seperti mana yang disebutkan tadi.

Antara idea-idea yang boleh membantu ke arah tersebut, yang pertamanya yang saya sebutkan tadi gabungan Sukan SEA dengan Sukan Para ASEAN. Ini ada dua matlamat. Matlamat besar sudah pasti. Matlamat besar adalah untuk melihat atlet *able body* kita bertanding dan bersaing pada waktu dan masa yang sama dengan publisiti yang sama dengan atlet-atlet para kita supaya *event* para itu tidak datang dua minggu, sebulan ataupun enam bulan selepas Sukan SEA yang mana sambutannya akan suram dan sebagainya. Jadi, kita hendak melihat *celebration*.

Akan tetapi matlamat yang kedua di samping kita melihat *the celebration of sports*, dengan izin, kita dapat mengurangkan kos. Dengan adanya satu *games, two games in one*, maka tidak perlu kita ada dua kali perasmian iaitu *opening ceremony*, dua kali perasmian penutup atau *closing ceremony*, dan banyak perkhidmatan sokongan ataupun *shared support services* dapat kita buat sekali. Jadi, itu juga akan membantu kita mengurangkan kos. Jadi dapat kita mencapai matlamat kedua untuk kita menjaga *cost effectiveness* penganjuran *games* tersebut. Jadi, saya harap dapat kita gabungkan.

Kedua seperti mana Yang Berhormat persoalkan tadi, itu juga menjadi kekhawatiran saya bahawa dalam keadaan kita menguruskan dana yang cukup besar dengan adanya kes-kes baru-baru ini dan sebagainya, kita harus melihat bahawa pengurusan dana itu dibuat dengan telus dan dengan berkesan.

Oleh sebab itu, kita telah mengambil langkah yang pantas, kita telah memberi kerjasama kepada SPRM, pegawai tersebut telah didakwa di mahkamah dua kali sudah atas dua dakwaan yang berbeza. Kita pun telah menjemput Jabatan Audit Negara untuk membuat audit yang sudah pun selesai, yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang akan dipaparkan dalam laman sesawang Jabatan Audit Negara apabila dibentangkan, selesai dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Juga segala pengelolaan ataupun kelulusan kewangan itu dilibatkan Kementerian Kewangan supaya kita ada satu prosedur yang jelas untuk segala perolehan, untuk segala perkhidmatan yang akan diambil untuk penganjuran Sukan SEA.

Untuk ikon yang disebutkan tadi Yang Berhormat, saya harap tanggapan rakyat Malaysia bukanlah kita kekurangan ikon tetapi untuk Sukan SEA ini menjadi pentas yang mana kita melihat kebangkitan ikon baru. Ini sebenarnya tempat yang mana kita melahirkan atlet pelapis yang baru. Sukan SEA bukanlah Sukan Olimpik. Sukan SEA bukanlah pentas untuk kita mempersembahkan ikon-ikon yang sedia ada seperti Dato' Lee Chong Wei, Datuk Nicol David, Pandalela, Azizulhasni dan sebagainya. Mereka ini *Olympic level*. Malah saya telah memberitahu kepada Nicol dan sebagainya, "*You do not have to compete in the SEA Games*", dengan izin, sebab kita boleh menang skuasy dua buah medal tanpa Nicol David. Ini pentas untuk pelapis kita.

Jadi jangan kita harapkan hanya ikon lama sahaja tetapi kita melihat kepada anak-anak muda yang baru seperti Wilson Sim, dalam acara renang yang telah layak untuk pergi ke Olimpik. *First time* acara renang- *swimming* kita, seorang atlet telah layak dalam dua acara. Wilson Sim, Khairul Hafiz telah menang olahraga Kejohanan Remaja Asia 100 meter, Badrul Hisyam telah menang 100 meter dan 200 meter di *ASEAN School Games*. Ini pelapis-pelapis yang perlu menjadi ikon baru dan inilah masa untuk kita *refresh*.

Selain daripada mereka, Jonathan Wong dalam acara menembak telah layak ke Sukan Olimpik, orang muda. Nauraj Singh Randhawa yang telah melayakkan diri ke Sukan Olimpik dalam acara lompat tinggi ataupun *high jump*. Kenapa perlu walaupun mereka atlet gergasi sukan kita dan kita menghargai jasa mereka, tetapi kenapa sukan kita hanya melihat kepada ikon-ikon yang sedia ada sahaja. Manakala Sukan SEA ini patut menjadi pentas kepada kita melahirkan atlet dan juga ikon baru. Jadi saya rasa, soal ikon itu kita akan *build up new icon*, dengan izin, melalui Sukan SEA.

Ketiga, yang dibangkitkan tadi daripada segi penajaan, penajaan yang disebut. Saya percaya dan yakin bahawa apabila kita mendekati sektor swasta, bukan dengan pendekatan bahawa ini satu tanggungjawab *corporate social responsibility*, tetapi ini peluang pelaburan dalam pemasaran.

Saya sendiri untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah pergi lawatan kerja ke Jepun dan lawatan kerja saya ke Jepun bukan setakat berjumpa dengan rakan sejawatan saya Menteri dan sebagainya, saya sendiri jumpa dengan syarikat-syarikat di sana seperti syarikat besar syarikat *Ajinomoto*, syarikat *Sumitomo*, syarikat *Seiko* dan sebagainya untuk memasarkan Sukan SEA. Kita perlu ada *mindsets* keusahawanan, *entrepreneurial mindsets* dalam kalangan kerajaan. Bukan hanya setakat kita belanjakan duit rakyat, tetapi bagaimana kita dapat membawa pelaburan daripada sektor swasta bukan dengan atas semangat *corporate social responsibility*. *Please do ask a favor* dengan izin, tetapi *you get a lot of return*, dapat pulangan yang sangat baik daripada acara ini yang akan dipersembahkan kepada 600 juta orang rakyat berbilang negara di Asia Tenggara ini. Terima kasih.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya kebenaran untuk soalan tambahan...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh-boleh, silakan. Duduk Yang Berhormat. Yang Mulia sudah bangun tidak apalah.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: Pertama saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan kerana aura Menteri ini cukup besar terutama kepada remaja termasuk lima orang anak saya sangat meminati Yang Berhormat. Bukan sahaja minat tetapi bermaksud Yang Berhormat, sentiasa turun padang, dan sentiasa boleh mendekati yang muda dan ini satu yang sangat saya banggakan.

Soalan tambahan saya ialah berapakah kos pembaikpulihan *venue* Sukan SEA 2017 dan juga unjuran elaun-elaun serta kos kemudahan sukarelawan belia atau beliawanis sama ada mahasiswa IPT, atlet pelapis peringkat negeri atau NGO yang terlibat dalam temasya Sukan SEA 2017. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas sokongan yang diberikan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi sukarelawan yang disebutkan tadi kita memerlukan 20,000 orang sukarelawan, ini jumlah barisan sukarelawan yang terbesar dalam penganjuran temasya sukan. Kita memerlukan 20,000 dan semenjak kita membuka pendaftaran bagi sukarelawan Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN, setakat ini kita telah menerima 55,000 pendaftaran.

Jadi daripada 55,000 barangkali jumlah ini akan meningkat sebab kita ada satu lagi *round off publicity*, dengan izin, untuk kita minta pendaftaran, kita akan membuat tapisan dan tapisan ini akan dibuat atas talian di mana kita akan menghantar borang kepada mereka yang telah mendaftar dan mereka kena mengisi borang tersebut, di situ kita boleh membuat penilaian yang pertama berkenaan dengan minat mereka, berkenaan dengan kesediaan mereka serta masa yang mereka ada dan sebagainya dan selepas kita membuat tapisan tersebut, maka barulah kita akan membuat latihan bagi sukarelawan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya berharap kali ini kita bukan hanya mendapat sukarelawan daripada orang muda dan belia sahaja. Satu pengalaman saya ketika saya pergi ke Glasgow melihat sukan Komanwel dua tahun yang lepas, saya melihat gabungan sukarelawan muda, belia dengan mereka yang mungkin menjadi pesara-pesara kerajaan dan sebagainya sebab kita perlu ada sukarelawan, ketua sukarelawan dalam setiap sektor yang ada *wisdom*, yang ada pengalaman yang boleh menjadi pemimpin kepada pasukan sukarelawan yang muda. Jadi kita juga akan bekerjasama dengan persatuan-persatuan pesara kerajaan dan sebagainya, menggalakkan mereka untuk menjadi sukarelawan bagi membantu membimbing anak-anak muda ini puluhan ribu yang akan menjadi sukarelawan.

Kedua, yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan elaun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita pegang kepada erti dan makna sukarelawan. Maksudnya kita tidak akan membayar elaun tunai, kita hendak tanamkan semangat sukarelawan di kalangan anak-anak muda terutamanya bahawa ini adalah *on a volunteer basis*. Maksudnya mereka secara suka dan rela tampil untuk membantu negara menjayakan temasya ini.

Namun demikian sudah pasti kita ada elaun makan dan kita ada pengangkutan, kita memberikan sedikit, itu cuma untuk elaun menanggung kos mereka tetapi elaun daripada segi pembayaran elaun itu kita tidak ada sebab kita hendak mengembalikan semangat sukarelawan yang sebenar. Untuk itu, kita masih lagi memperhalus jumlah untuk elaun makan dan sebagainya dan kita akan membuat keputusan setelah kita kursus kan 20,000 orang yang akan kita muktamadkan nanti.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita bagi kenaikan taraf bagi *venue*, latihan dan pertandingan setakat ini kita mengikut jumlah yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi RM43 juta bagi kenaikan taraf *venue*, latihan dan pertandingan tidak termasuk pembangunan semula Bukit Jalil yang dibuat secara penswastaaan yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri di mana bagi fasa satu yang akan lengkap sebelum Sukan SEA itu kosnya adalah RM499 juta tetapi dibayar melalui pertukaran tanah ataupun *land swap* dan bukannya duit yang keluar daripada *Treasury*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim.

Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. seluruh rakyat Malaysia berkongsi harapan agar Malaysia menjuarai Sukan SEA pada tahun depan tetapi sejak beberapa Sukan SEA kebelakangan ini setelah memenangi pingat didapati beberapa orang atlet Malaysia yang memenangi pingat telah dibatalkan kemenangan tersebut kerana gagal ujian *doping*.

Oleh yang demikian, kadang-kadang kemenangan juara keseluruhan ini adalah tipis berbanding jumlah pingat emas yang diperolehi jika sama berbanding dengan jumlah pingat gangsa dan seterusnya. Oleh yang demikian, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan agar atlet-atlet dan pelatih-pelatih Sukan SEA akan datang bebas daripada pengambilan dadah secara sengaja atau tidak sengaja yang boleh menjejaskan kemenangan kita keseluruhan kelak? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga menjadi satu perkara yang sangat-sangat serius dalam perhatian saya lebih-lebih lagi apabila kita berdepan dengan beberapa kes *high profile* baru-baru ini yang melibatkan atlet-atlet negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Sukan SEA tahun lepas 2015 di Singapura kita tidak ada kes satu pun kes *doping* kontinjen kita mahupun kontinjen lain *zero doping* di Singapura dan kita berharap di Malaysia sama juga. Untuk kita menjayakan *zero doping* kita mengamalkan *policy of zero tolerance*, maksudnya kita tidak akan terima dan kita tidak akan *tolerate*, dengan izin, sebarang kes *doping*.

Untuk itu saya telah mengarahkan agensi *Anti-Doping Agency of Malaysia* (ADAMAS) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk usaha *anti doping* agar mereka melaksanakan ujian secara rawak terhadap atlet-atlet kita bermula dari tahun lepas. Maksudnya kita tidak hanya membuat ujian seperti biasa sebelum temasya dan sewaktu temasya sahaja, *now we are going for random testing*, dengan izin, dan kita tidak akan lagi beritahu bila kita membuat *testing* tersebut.

Atas inisiatif tersebut baru-baru ini ada dua kes atlet angkat berat yang telah dikesan positif menggunakan barang yang dilarang ataupun *substance* yang dilarang atas usaha tersebut dan itu telah menghantar mesej kepada atlet bahawa mereka boleh diuji pada bila-bila waktu dan masa. Selain daripada ujian rawak yang kita akan jalankan, kita juga menjalankan program-program pendedahan, pendidikan, penerangan kepada atlet, itu seperti biasa yang kita jalankan dan juga kepada jurulatih mereka. Ini serius Yang Berhormat sebab dalam banyak kes atlet itu walaupun dia salah, walaupun dia tahu dia ambil tetapi bahan yang dilarang itu diberikan kepada mereka oleh jurulatih dan pegawai mereka.

Jadi kita bukan hanya memantau atlet sekarang ini, kita juga memantau jurulatih, pegawai dan persatuan sukan dan kita buat ujian ini secara rawak supaya mereka akan memastikan bahawa tidak akan ada kes. Kalau kita hanya buat sebelum Sukan SEA seperti biasa, mereka tahu untuk berhenti apa yang mereka ambil sebelum *schedule testing*, dengan izin, tetapi dengan cara ini saya rasa minoriti segelintir yang buat ini saya rasa tahu bahawa segala pemantauan yang rapi sedang dibuat untuk memastikan bahawa kita ada *zero doping* dengan *policy of zero tolerance*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri

■1210

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang panjang lebar.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan juga kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana bagi kali pertamanya sudi menganjurkan Sukan SEA bersama-sama dengan Sukan Para ASEAN walaupun pada peringkat permulaan terdapat sedikit bantahan daripada pihak-pihak tertentu.

Langkah yang baik oleh kerajaan ini menunjukkan komitmen negara dalam usaha memupuk sebuah masyarakat yang inklusif di mana golongan OKU diberi pengiktirafan dan peluang untuk bersama-sama kongsi pentas sukan secara *side by side* untuk berjuang untuk memperoleh pingat-pingat untuk negara. Menjadi harapan bahawa acara seperti ini menjadi titik permulaan bagi pihak lain untuk dijadikan tauladan. Saya rasa acara ini akan memberikan kesan positif kepada masyarakat di mana ia dapat mengubah sikap persepsi negatif yang ada sekarang kepada yang positif.

Ada satu soalan yang ingin saya utarakan mengenai sukan OKU iaitu berkaitan dengan *Centre of Excellence* Kampung Pandan. Didapati bahawa atlet-atlet OKU yang ingin menggunakan kemudahan di *Centre of Excellence* ini dikenakan bayaran. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rasional mengenakan bayaran bagi OKU yang ingin menggunakan ini? Padahal, pusat ini didirikan untuk menggalakkan sukan di kalangan OKU dan untuk mencungkil bakat-bakat baru. Jadi, saya rasa dengan mengenakan bayaran ini, ia akan menjadi satu *setback*, satu halangan bagi OKU untuk melibatkan diri mereka dalam bidang sukan. Saya ingin jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dengan ringkas saya boleh memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa *Centre of Excellence*, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Malaysia yang dibina di Kampung Pandan adalah satu-satunya Pusat Kecemerlangan Paralimpik yang ada di Asia Tenggara. Malah, negara lain pun semua datang ke sini untuk melihat fasiliti yang kita ada dan saya boleh kata, *world class facility* yang telah pun kita dirikan di Kampung Pandan yang diuruskan oleh Perbadanan Stadium Malaysia beberapa tahun yang lepas.

Apabila Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) atau pun *Stadium Board* yang uruskan, sudah pasti *Stadium Board*, dia punya tujuan penubuhan adalah untuk meningkatkan hasil kerajaan. Akan tetapi saya telah mengubah pengurusan Pusat Kecemerlangan Paralimpik kepada Majlis Sukan Negara sebab seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, Pusat Kecemerlangan ini bukanlah tempat untuk kita meningkatkan hasil kerajaan tetapi tempat untuk kita melahirkan bakat-bakat baru dalam sukan para, sukan OKU. Setelah Majlis Sukan Negara telah mengambil alih, saya boleh sahkan dan umumkan kepada Yang Berhormat, tidak dikenakan sebarang bayaran untuk atlet-atlet OKU atau pun atlet para di pusat kita lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Syabas Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih kepada soalan nombor 7.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Budiman dan juga Yang Berhormat Datin Mastura yang mencapai kemenangan di Sungai Besar dan di Kuala Kangsar. Daripada keputusan yang kita capai ini, jelas menampakkan bahawa sokongan besar yang diberi bukan sahaja daripada pengundi-pengundi Melayu tetapi juga pengundi Cina yang turut memberikan sokongan kepada calon-calon yang kita katakan baik dan juga *moderate* atau sederhana. Maka, MCA akan terus berusaha untuk mencari sokongan yang lebih besar lagi dalam PRU akan datang.

7. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apa usaha yang telah diambil untuk mempertingkatkan keselamatan siber terutamanya kes-kes yang melibatkan tindakan peras ugut atau mendedahkan maklumat identiti individu atas sebab balas dendam dengan menggunakan sosial media di mana MCMC, kerap dikatakan kekurangan kuasa untuk mengambil tindakan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, jumlah populasi rakyat di Malaysia dianggarkan lebih kurang 30.5 juta di mana jumlah pengguna yang aktif di *internet* adalah lebih kurang 20.1 juta. Di samping itu, terdapat lebih kurang 16.8 juta orang pengguna aktif di sosial media. Secara purata, kepenggunaan *internet* melalui telefon *cellular* sehari ialah tiga jam tiga minit, manakala kepenggunaan *internet* melalui PC atau pun tablet ialah lima jam 36 minit.

Di sini saya ingin memaklumkan bahawa *internet* hanyalah platform, dan prinsip apa yang salah di alam maya juga adalah salah di alam nyata.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesalahan yang melibatkan jenayah peras ugut atau mendedahkan maklumat individu bagi tujuan balas dendam adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia. Namun demikian, pihak SKMM akan sentiasa bekerjasama dengan pihak PDRM dalam membanteras jenayah peras ugut di media sosial yang meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan juga aspek forensik digital.

Dari Januari sehingga Mei 2016, pihak SKMM telah menerima sebanyak 403 aduan daripada masyarakat awam berhubung dengan kes-kes yang melibatkan kesalahan jelik dan juga mengancam. Berdasarkan maklumat yang diterima melalui aduan tersebut, sejumlah 142 aduan berhubung dengan ugutan penyebaran gambar dan juga video peribadi mangsa atau pun, dengan izin, *sextortion* telah pun dipanjangkan untuk siasatan lanjut oleh pihak PDRM.

Pada masa yang sama, pihak kementerian melalui SKMM sentiasa menjalankan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya kepenggunaan media baru secara bijaksana agar pengguna media baru tidak terjerat dengan jenayah ugutan dan juga balas dendam siber. Terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, apakah perkembangan perbincangan antara kementerian dengan pemilik server dalam usaha untuk mempertingkatkan penapisan pornografi tetapi juga penapisan maklumat individu? Begitu juga, apakah perkembangan kolaborasi kementerian menjangkau agensi-agensi lain bagi memperkukuhkan keselamatan rangkaian siber di negara kita? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian telah menjalankan dan juga menubuhkan beberapa buah Jawatankuasa terutamanya untuk menangani beberapa kes yang berkaitan dengan isu sosial media di mana antara jawatankuasa yang telah ditubuhkan melibatkan beberapa buah agensi seperti pihak PDRM, pihak Peguam Negara dan juga pihak JAKIM.

Sekiranya kes-kes yang berkaitan dengan isu-isu yang agama Islam, biasanya kita melibatkan jawatankuasa seperti JAKIM di mana beberapa program juga telah dikenal pasti dan diselenggarakan antara pihak kementerian dan juga pihak JAKIM. Jika program itu melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan fitnah dan sebagainya, kita melibatkan agensi seperti PDRM.

Cuma apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa sungguh pun kita terdapat beberapa undang-undang yang telah ditubuhkan di Malaysia, tetapi pada masa yang sama, masyarakat juga perlulah memainkan peranan masing-masing agar lebih peka dalam perkongsian maklumat. Ini kerana terdapat kes di mana apabila kita berkongsi maklumat dan apa yang telah kita edarkan, ia kadang-kala telah disalahgunakan. Jadi, seharusnya kita mengambil peluang supaya kita menilai kredibiliti dan integriti pihak yang kita berkongsi maklumat.

Jadi apa yang saya cuba tekankan di sini bahawa selain aspek-aspek pendidikan dan kesedaran, jalinan kerjasama sentiasa berterusan antara pihak kementerian dan juga agensi-agensi yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Azalina.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.19 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 21 Jun 2016.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita alih kepada soalan nombor 8, Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif.

8. Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Perdana Menteri menyatakan, tentang penguasaan syarikat pengeluar minyak asing terhadap pasaran domestik. Berapa liter pasaran minyak yang dikuasai mereka berbanding pasaran yang diperoleh oleh syarikat pengeluar minyak negara PETRONAS.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang permohonan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) bagi mengedar dan memasarkan produk-produk petroleum adalah terbuka kepada mana-mana syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ditetapkan bahawa semua permohonan baru bagi mendapat kebenaran mengedar dan memasarkan produk petroleum ini untuk memenuhi syarat ekuiti asing di mana had maksimum hendaklah tidak melebihi 30 peratus dan baki 70 peratus pula hendaklah dimiliki oleh rakyat tempatan.

Bagi permohonan kebenaran di bawah PDA untuk membuka stesen minyak pula, pengusaha stesen minyak mestilah mempunyai syarikat atau milikan tunggal atau perkongsian yang berdaftar di bawah SSM atau pendaftar perniagaan. Permohonan untuk mengusahakan stesen minyak di Malaysia juga hanya terbuka kepada syarikat milikan tempatan dan tiada pegangan asing dibenarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jualan runcit bagi produk RON95, RON97 dan diesel bagi tahun 2015 sebanyak 21,835,866,251 liter atau mudahnya 21.8 bilion liter. Di mana syarikat petroleum negara iaitu Petronas mempunyai bilangan stesen minyak yang tertinggi berbanding syarikat-syarikat pengeluar minyak asing yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Menteri yang jawab. Soalan saya sebenarnya adalah berkisar kepada berapa liter yang pihak Petronas Dagangan memperoleh daripada 21 bilion itu tadi. Berapa *portion* ataupun berapa peratuskah yang dimiliki oleh Shell, Petronas dan pesaing yang lain.

Kedua, saya rasa terpanggil untuk memberitahu, memaklumkan bahawa sudah masanya kita memberi peluang kepada syarikat Petronas Dagangan ini kerana menyumbang lebih kurang 19 peratus cukai negara kepada kerajaan. Jadi kalau persaingan dalam negara kita tidak kawal saya bimbang satu masa nanti Petronas tidak lagi menjadi juara di negara sendiri, di tanah air sendiri seperti mana di Pertamina, Indonesia keseluruhan dikuasai oleh Pertamina tetapi di Malaysia terbalik, dikuasai oleh syarikat luar mengatasi syarikat ataupun milik negara seperti Petronas.

Apa pandangan Menteri, apa tindakan seperti mana kita tahu bahawa *government* ataupun kerajaan perlu mengambil minyak Petronas ini sekurang-kurangnya 90 peratus. Jadi barulah keseimbangan, kesinambungan cukai dan sebagainya dapat diteruskan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Salim atas pandangan tersebut. Suka saya nyatakan di sini bahawa selain Petronas ada lapan lagi syarikat yang membekalkan minyak kepada stesen-stesen dalam negara kita di mana Petronas menguasai atau memiliki lebih kurang peratusnya lebih kurang 31 peratus.

Jumlah ini berasaskan kepada banyak faktor antaranya adalah berkaitan dengan sejarah negara kita di mana hanya negara memasuki bidang petroleum. Dengan adanya akta tahun 1974 kita mula membina dan kita bergantung kepada syarikat-syarikat luar sebelum daripada ini. *Alhamdulillah*, semenjak itu hari ini Petronas sudah mula mengembangkan bukan sahaja di dalam negara malah juga memiliki pelaburan yang besar di luar negara dan sebagainya contoh di negara Sudan, Petronas hampir memiliki 100 peratus perniagaan di sana dan Petronas juga memiliki hampir 80 peratus pelaburan atau perniagaan ekuiti di Afrika Selatan.

Mengenai kenyataan di mana Indonesia boleh menguasai keseluruhan dan kenapa tidak Petronas. Ia juga melibatkan beberapa faktor antara lain yang boleh saya kongsi di sini ada dua, satu kos yang tinggi dalam bidang petroleum ini sama ada cari gali, sama ada tentang *distribution*, sama ada tentang stesen minyak.

Kedua, daripada segi keselamatan. Kita tidak boleh menguasai keseluruhan tanpa mengambil kira berapakah jumlah minyak yang ada dalam negara kerana kita hanya kerana hendak menguasai semua kita belanjakan semua tetapi tempoh masa kita itu tidak dapat bertahan lama maka masa akan datang ia juga akan memberi masalah kepada negara apabila kita tidak lagi mempunyai punca minyak umpamanya.

Hari ini kita dapat bekerjasama dengan syarikat-syarikat luar malah mereka juga menyumbang terutama kepada memberi pilihan kepada pengguna. Apabila kita ada beberapa buah syarikat minyak yang lain dalam negara supaya daripada segi *competitiveness* dan juga perkhidmatan yang diberi itu akan dapat memberi faedah kepada para pengguna. Jika hanya ini bukan untuk Petronas, tetapi biasalah bila ada satu monopoli maka tidak ada persaingan yang sihat.

Akan tetapi hari ini jangan ditukar-tukarkan sebab sekarang ini macam-macam ada, nanti kata Dato' Razali kata Petronas tidak bagus pula. Ini bukan Petronas, maksudnya kalau monopoli maka tidak ada persaingan yang sihat yang dapat memberi faedah kepada para pelanggan dan pengguna. Akan tetapi hendak saya buat, Petronas penyumbang atau syarikat negara menjadi kebanggaan semua yang terbaik sama ada daripada segi mutu kerja, hasil kerja dan juga sumbangan kepada negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, silakan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama dengan rakan-rakan hendak mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional atas kemenangan di Sungai Besar dan juga di Kuala Kangsar. Akan tetapi saya hendak mengatakan lebih sedikit lagi daripada itu kerana saya melihat sendiri bagaimana pemimpin-pemimpin kita yang ada di kawasan itu khusus kepada Menteri-Menteri.

Saya bersama dengan Dato' Seri Mahdzir Khalid di Sungai Besar dan saya tengok bagaimana mesranya rakyat bersama Menteri. Kalau Menteri beginilah ada *insya-Allah* Pilihanraya Umum esok kita akan dapat melebihi 2/3 kerana saya tengok bila Menteri pergi itu, orang kampung mesra dia macam suami dan isteri, yang wanita dengan Menteriya dengan macam abang dan adik. Jadi *very approachable* saya hendak katakan di sini, dengan izin.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, kita Petronas ini ada kedai mesra rakyat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kita menggalakkan produk-produk tempatan untuk dijual di kedai-kedai mesra rakyat ini. Kalau kita masuk kedai mesra rakyat kita jumpa Kit Kat dan sebagainya itu sahaja dan kita tahu kedai-kedai stesen Petronas ini terdapat di kampung-kampung di Batu 16, Gua Cempedak contohnya, dan di situ ada Pak Din Dodol Batu 16 yang cukup *famous*. Boleh tak kita gunakan stesen-stesen ini untuk promosi barang-barang tempatan ini dengan bagi insentif kepada mereka.

Maknanya kalau orang dari Kuala Lumpur hendak pergi Batu 16 dia hendak cari dodol dia pergi ke stesen itu sahaja tidak payah masuk kampung. Mungkin ada barangan-barangan lain yang dikeluarkan. Pagi tadi saya ada kata berhubung dengan Amanah Ikhtiar yang banyak *developed*, dengan izin, wanita-wanita untuk menjadi *entrepreneur* dan mereka ini boleh menggunakan stesen-stesen ini untuk promosi barang-barang mereka, kuih lapisnya dan sebagainya.

Adakah polisi yang dibuat oleh kerajaan berhubung dengan perkara ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, walaupun soalan itu terkeluar kalau boleh jawablah [*Ketawa*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Pertama saya kagum dengan Dato' Mohd. Suhaimi ini dia bab produk kita, MITI tadi pagi pun ditanya lebih kurang sama dan kita di Petronas ini pertama ia dikendalikan oleh Petronas Dagangan bukan Petronas Carigali yang jaga kita punya petrol stesen.

■1230

Kita ada 1,139 buah *petrol station* Petronas dalam negara. Cumanya 760 buah ada Kedai Mesra. Kedai Mesra rakyat ini sudah macam Kedai Rakyat 1Malaysia yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, Petronas ada Kedai Mesra, ada 760 buah. Saya setuju daripada segi barang produk yang hendak dijual, semua boleh mohon daripada Petronas Dagangan. Kita akan proses dalam masa tempoh sebulan untuk memastikan mereka menepati satu antaranya, kebolehmampuan pengekalan barangan. Maknanya barangan itu boleh diberikan dalam jumlah yang besar secara berterusan.

Kadang-kadang IKS kita tidak mampu memberikan jaminan bahawa barangan ini akan terus dapat dibekalkan dalam tempoh enam bulan hingga setahun dari tempoh kontrak. Maknanya IKS tidak ada masalah, saya setuju tetapi salah satu syarat ia mesti boleh mengekalkan *supply* kepada Petronas yang akan dipertimbangkan. Ini termasuk juga daripada segi kemampuan kewangan dan juga pemasarannya.

Ini antara perkara yang biasa akan dikenakan kepada mana-mana syarikat, saya percaya agensi kerajaan yang lain akan mampu untuk menyelia. Saya tiada satu sahaja, jumlah produk tempatan yang ada di Kedai Mesra ini, saya tidak ada untuk bekalkan kepada Yang Berhormat. Saya percaya ada banyak produk tempatan. Namun begitu, apa yang menarik untuk *stock keeping unit* yang hendak masuk dalam *shelf* ini 10 peratus di bawah KPDNKK membenarkan- katakan di Guar Cempedak, untuk memberikan kepada *local content*, *local product*, maknanya barang itu tidak perlu jual di Sungai Udang, di Jelebu, Negeri Sembilan dan sebagainya. Akan tetapi hanya di Guar Cempedak atau di Muar, dia ada masuk.

Cuma syaratnya pertama, keselamatan ataupun perkara yang berkaitan dengan produk tersebut hendaklah ditanggung oleh pengusaha stesen itu. Maknanya tidak ada mengaitkan kepada Petronas Dagangan. Kedua, untung ambil semua. Maknanya tidak dikongsi pun untung itu. Jadi untuk berlaku adil mereka bertanggungjawab ke atas produk yang dipilih untuk diniagakan dalam jumlah tersebut ambillah semua.

Ini sebagai satu CSR mungkin yang dibenarkan kepada para pengusaha kerana mustahaknya kalau kita tidak kawal yang ini, salah barang pasaran ia akan melibatkan implikasi yang besar kepada organisasi keseluruhan. Jadi 10 peratus ini antara perkara yang mungkin boleh menjawab soalan daripada Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah berkaitan, apakah yang boleh dibuat oleh Petronas dalam membantu pengusaha IKS? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016, tolong beri nama. Soalan terakhir, Menteri Pendidikan. Soalan nombor 9, Tuan Ramli bin Shariff.

9. Tuan Ramli bin Shariff minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada kerajaan bercadang memberi bantuan alat tulis percuma kepada para pelajar dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah seperti mana bantuan buku teks percuma kepada pelajar-pelajar.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ramli Shariff atas mengemukakan soalan nombor sembilan yang berkaitan dengan bantuan kepada para pelajar dan tenaga pengajar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa kepada Dewan yang mulia ini kerajaan telah menyalurkan bantuan secara langsung dan secara tidak langsung kepada murid-murid sekolah, sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah sebanyak 25 jenis bantuan persekolahan. Bagi tahun 2016, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.9 bilion, RM2,973,498,300 bagi menampung keperluan bantuan persekolahan kepada 5.1 juta orang pelajar sekolah. Di negara kita ini, kita ada 5.1 juta orang pelajar dan kita ada 10,161 buah sekolah. Daripada 25 jenis bantuan ini, ada empat jenis bantuan yang secara langsung boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa untuk membeli peralatan alat tulis atau lain-lain. Saya boleh sebut di sini yang secara langsungnya ialah:

- (i) Biasiswa Kecil Persekutuan;
- (ii) Biasiswa Kelas Persediaan Universiti;
- (iii) Bantuan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM); dan
- (iv) Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia.

Ini empat jenis bantuan persekolahan yang disediakan. Kalau saya hendak sebut satu persatu ada 25 jenis bantuan, banyak lagi. Saya boleh sebut di sini antara yang kita bagilah. Contoh, bagi kanak-kanak, pelajar-pelajar Orang Asli dan Penan, ia ada dipanggil KEDAP. KEDAP ini ialah Kelas Dewasa Ibu bapa Orang Asli dan Penan. Dia datang hantar anak ke sekolah, Orang Asli itu hantar anak ke sekolah dia dapat Elaun Kehilangan Pendapatan sebanyak RM15 sehari, Elaun Makan sebanyak RM4 sehari, Elaun Pakaian, Elaun Buku dan Peralatan, Elaun Kesihatan.

Ini maknanya yang ditanggung oleh kerajaan kepada Orang Asli. Itu tidak termasuk lagilah contohnya macam kalau pelajar itu kena naik bot, dia menyeberang, ada *life jacket* yang diberikan secara percuma kepada pelajar. Jadi kalau hendak dikira daripada segi jumlah keseluruhan bantuan yang kita bagi itu menunjukkan bahawa sebenarnya ibu bapa sudah mampu. Saya boleh beri di sini bantuan KWAPM misalnya, RM200 ini dipanggil *one-off*, hendak buka sekolah bagi RM200. Kemudian, dia dapat setiap bulan RM50 selama 10 bulan di bawah e-Kasih Miskin Tegar, maknanya *one-off* RM200 dan setiap bulan dapat RM50, bagi sekolah rendah.

Bagi sekolah menengah, *one-off* RM300. Bulan 12 itu dia dapat RM300. Kemudian setiap bulan dia dapat RM60, ini e-kasih Miskin Tegar. Kalau e-kasih Miskin, sekolah rendah dapat RM200 dan sekolah menengah dapat RM300 *one-off* dan boleh lagi di bawah data sedia ada.

Maknanya e-kasih sudah masuk, e-kasih Tegar sudah masuk, e-kasih Miskin sudah masuk, data sedia ada di sekolah, maknanya sekolah boleh pilih pula ibu bapa yang miskin untuk diberi *one-off* RM200 untuk sekolah rendah dan RM300 untuk sekolah menengah.

Jadi saya bercakap ini dalam konteks bantuan am persekolahan di bawah KWAPM. Kalau kita ambil kepada Bantuan Khas Awal Persekolahan, pendapatan RM3,000 ke bawah, RM100 untuk seorang pelajar. Ini boleh dikatakan kebanyakan pelajar Tuan Yang di-Pertua mendapat RM100 Bantuan Khas Awal Persekolahan. Jadi pada sayalah Yang Berhormat, dengan jumlah yang kita beri, dengan bantuan-bantuan yang telah disediakan di sekolah. Saya amat yakin bahawa sebenarnya pihak ibu bapa yang berkenaan boleh sebenarnya menggunakannya untuk membeli peralatan-peralatan yang diperlukan. Terima kasih.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membuat perincian secara *detail* atas perincian yang begitu teliti di dalam menjawab soalan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam soalan tambahan ini saya ada dua pecahan soalan yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri.

Satu, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan bahawa menjadi keperluan-keperluan utama bagi kemudahan pembelajaran yakni bahan ataupun alatan kejuruteraan bagi pelajar kolej vokasional, yakni pembelian peralatan seni visual yang dikenakan GST ataupun cukai barangan dan perkhidmatan. Cukai GST ini memberi kesan kepada peningkatan perbelanjaan isi rumah. Jadi, kos jualan daripada barangan ini telah menjadi suatu bebanan kepada ibu bapa.

Saya juga mendapat maklum daripada guru-guru yang mengajar subjek seni seperti SPM seni visual dan reka bentuk, subjek teknologi kejuruteraan dan vokasional iaitu bahawa pihak pentadbiran sekolah tidak mampu lagi menanggung sepenuhnya kos perolehan bahan bantu mengajar kerana kekangan bajet 2016.

Jadi soalan pertama saya, adakah usaha Kementerian Pelajaran mencadangkan kepada Kementerian Kewangan agar pembelian oleh pelajar-pelajar bagi bahan-bahan bantu mengajar bagi subjek seni visual reka cipta, teknologi kejuruteraan atau vokasional mendapat layanan kadar sifar cukai GST? atau kedua, adakah ada bentuk sebarang usaha jangka panjang untuk diberi subsidi istimewa? Itu persoalan saya yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Persoalan saya yang kedua pendek sahaja, adakah apa-apa langkah dan pendekatan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam mengelakkan kejadian pedofilia ini tidak berulang lagi? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu yang berkaitan dengan bahan-bahan peralatan yang dibeli. Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita mempunyai empat jenis sekolah yang pelajar-pelajar mempunyai praktikal ataupun kerja kursus yang melibatkan bahan. Pertama ialah kolej vokasional.

Kedua, sekolah menengah teknik. Walaupun kita ada kolej vokasional tetapi kita masih ada lagi sekolah menengah teknik yang belum diserapkan dalam kolej vokasional. Jadi kita ada dua, KV dan SMT. Yang ketiganya, sekolah seni dan yang keempatnya ialah sekolah-sekolah sukan. Jadi, kita ada empat jenis sekolah. Akan tetapi, yang paling banyak sekarang ini kolej vokasional. Sekolah seni, tidak banyak lagi. Begitu juga dengan sekolah sukan. Sekolah sukan ini ada dua, sebuah sekolah sukan nasional dan sebuah sekolah sukan negeri.

Jadi banyak yang bertanya saya mengenai dengan sebab sekolah sukan negeri ini belum lagi mencapai kemudahan dia seperti mana sekolah-sekolah sukan di peringkat nasional. Jadi semua ini, saya hendak maklumkan di sini bahawa kebanyakan peralatan-peralatan yang besar disediakan oleh Kementerian Pendidikan dan ada peralatan-peralatan lain yang terpaksa dibeli oleh pelajar. Bila peralatan-peralatan yang dibeli oleh pelajar ini sememangnya ada yang dikenakan GST.

Akan tetapi saya boleh sebut di sini, misalnya, satu kursus barang persendirian yang terpaksa dibeli, *collision repair* misalnya, kursus, ia memerlukan lebih kurang campur semua sekali RM200. Dia kena beli barang RM200 untuk memenuhi keperluan kursusnya. Akan tetapi, kalau dibeli melalui koperasi yang telah ditetapkan. GST tidak dikenakan. Akan tetapi kalau dia beli barang itu di luar, sudah tentulah ada GST. Kalau RM200, maknanya dia kena bayar tambahan sebanyak RM12 GST dan peralatan-peralatan yang ditetapkan ini bergantung pada kursus bidang yang diambil. Kita sudah semak keseluruhannya, sememangnya ada benda yang sememangnya saya akui.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada perkara yang dibeli oleh pelajar tetapi jumlah yang dibeli itu tidaklah seperti mana yang boleh saya nyatakan bahawa daripada segi Ringgitnya itu lebih kurang dalam sekitar RM200 ke RM250. Terima kasih. Satu lagi soalan, minta maaf. Soalan ini berkaitan dengan apa yang telah berlaku baru-baru ini bila seorang warga negara rakyat daripada Britain telah dipenjarakan seumur hidup akibat daripada satu perbuatannya yang sungguh jijik dan tidak ada perlakuan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua: Zalim.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Jadi kita memandang serius, kementerian memandang serius. Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat sebenarnya dia tidak hanya melibatkan Kementerian Pendidikan. Dia melibatkan sejumlah agensi dan kementerian. Kementerian Pendidikan terlibat, Kementerian Pembangunan Wanita juga terlibat, ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga terlibat sebab ia melibatkan pendidikan awal sekolah yang ada dan perbincangan secara khusus bagaimana keselamatan anak-anak kita yang berada di pusat-pusat pra sekolah yang boleh kita lindungi dan keselamatannya itu ada banyak kategorilah sama ada yang melibatkan proses penghantaran ke sekolah, waktu berada di sekolah, proses hendak ambil balik daripada sekolah, waktu yang bersesuaian dan sebabnya ia merupakan satu ancaman yang sangat berbahaya. Saya akui apabila ada ancaman seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional atas kejayaan di Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Saya setujulah dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bagaimana Menteri-menteri telah turun bermesra dengan rakyat. Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, saya bersama-sama dengan dia di Sekolah Ghandi di Kuala Kangsar, bersama-sama dengan ibu bapa. Saya ingin juga hendak memberitahu semua di sini bahawa sebagai sebuah komuniti, kaum India telah turun dan memberi sokongan lebih kurang lebih daripada 70 peratus kepada Barisan Nasional. Saya ingat, saya rasa dan berharap dengan kerjasama dengan semua dan kementerian-kementerian, kami di MIC dapat meneruskan kerja ini di mana sokongan seperti ini dapat diteruskan sehingga PRU-14.

Soalan tambahan saya ialah, baru-baru ini saya telah melawat sekolah tingkatan enam, Sekolah Menengah Mahsuri di Padang Serai dan saya dapati banyak murid ini daripada golongan *middle class* dan golongan-golongan yang miskin. Yang Berhormat Menteri sendiri telah melawat sekolah ini dan saya hendak ucapkan tahniah kerana sekolah Tingkatan 6 ini sekarang digelar sebagai kolej Tingkatan 6. Saya hendak tahu daripada segi bantuan ini, sama ada bantuan buku teks dan bantuan kepada murid, adakah *treatment* untuk murid-murid Tingkatan 6 berlainan sikitkah ataupun sama dengan sekolah-sekolah Tingkatan 5, Tingkatan 1 sebab saya berasa *treatment special* sepatutnya diberikan untuk mereka di Tingkatan 6. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator. Tingkatan 6 dari dahulu lagi, kita Tingkatan 1 sampai Tingkatan 6, kita sekaligus pelajar-pelajar itu.

■1250

Kalau ingat pada zaman kita sekolah dulu, Tingkatan 6 sekali dengan semua pelajar. Kementerian Pendidikan telah membuat keputusan bahawa kita telah mencadangkan supaya Tingkatan 6 diberi kepada tiga mod. Mod satu ialah Tingkatan 6, bangunan sendiri, pentadbiran sendiri, tidak campur dengan pelajar Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini kita telah mempunyai 11 buah sekolah mod satu di seluruh negara. Ia Tingkatan 6 saja. Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5 ia tidak campur, ia Tingkatan 6 saja, Tingkatan 6 rendah dan Tingkatan 6 atas.

Yang keduanya, dipanggil mod 2. Mod 2, Tingkatan 6, bangunannya berasingan dengan bangunan sekolah. Itu yang banyak sekali sekarang ada di sekolah. Mod yang ketiga mod masih lagi campur. Tingkatan 1 sana, Tingkatan 5, Tingkatan 6 pun sama. Jadi, saya bersetuju yang pertamanya bahawa Tingkatan 6 ini diberi sedikit kebebasan. Kita namakan Tingkatan 6 ini, Kolej Tingkatan 6.

Yang keduanya, pakaian tidak payah pakai baju sekolah. Dia tidak payah pakai sudah uniform, baju putih, seluar ini pergi ke sekolah. Dia pakai pakaian lain sebab dia Tingkatan 6.

Yang ketiganya, saya bersetuju bahawa kemudahan untuk bangunan sekolah di mod 1 ini perlu dipertingkatkan sebab dulu sewaktu kita buat sekolah itu, hanya sekolah biasa, bukan sekolah untuk Kolej Tingkatan 6.

Jadi, banyak sekolah terpaksa di*upgrade*. Ia buat *upgrading* sebab sekolah ini bukan yang sekolah *originalnya* sekolah Tingkatan 6. Jadi, kemudahan-kemudahan yang lain seperti perpustakaan, dewan dan lain-lain mesti disediakan. Daripada segi guru yang dibawa mengajar di Tingkatan 6 ini, kebanyakannya adalah memang *qualified*. Memang boleh dikatakan guru-guru yang layak untuk mengajar di Tingkatan 6. Itu antara susun atur baru yang kita buat di peringkat kementerian. *Insyallah* dari tiap-tiap tahun ini kita mempunyai perancangan supaya mod 1 ini ditambah jumlah sekolahnya dan saya yakin hinggalah satu tingkat, kita dapat mempertingkatkan jumlah pelajar di Tingkatan 6. Hari ini, pelajar ambil STPM - 50 ribu, lebih kurang 50 ribu saja STPM.

The balance itu dia pergi ke matrikulasi, yang *balance* itu dia pergi ke ASASI dan dia pergi membuat diploma di universiti. Akan tetapi kalau kita tingkatkan sedikit Tingkatan 6 ini, hendak bagi nampak ada kelainan sikit, mungkin ramai lagi anak-anak kita yang akan dapat masuk, yang akan pergi ke Tingkatan 6 rendah dan Tingkatan 6 atas, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingat itulah jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak dan saya ucap tahniah kepada semua rakan-rakan yang ada di sini. Terima kasih. Ada lagi soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Mohd Salim.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Macam Tuan Yang di-Pertua pula suruh duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berjiwa rakyat, yang hadir berkempen kedua-dua tempat. Cuma saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian memikirkan satu lagi sumber bantuan yang mana bantuan ini boleh membagi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Saya membagi contoh, tambang bas dan juga tambang feri, tambang bot. Yang ini tambang ini jumlahnya tidak banyak tetapi membagikan dia punya *local side impact* kepada rakyat kerana ini perlu difikirkan. Ada yang miskin di bandar ini ataupun pendapatan yang rendah di bandar ini, mungkin dia dapat RMT. RMT dia datang sekolah, dapat bagi makan RMT *and then* ada dapat tabung KWAMP. Akan tetapi tambang bas ataupun tambang untuk mereka ke sekolah ini tidak ada.

Jadi, adakah pihak kementerian boleh memikirkan apakah boleh wujudkan sebuah dana untuk membantu mereka ini. Yang keduanya, bantuan persekolahan RM100. Saya berkesempatan menyampaikan bantuan RM100 di kawasan. Cuma isunya, RM3 ribu ke bawah mendapat RM100 bantuan persekolahan. Ada mereka yang berpendapatan RM4 ribu tetapi anaknya ramai, tidak dapat bantuan. Yang ini menjadi rungutan di kampung-kampung, di kawasan kerana mereka ini terkeluar daripada bantuan yang sepatutnya diterima. Oleh sebab sebelum ini tidak dikira RM3 ribu, dibagi pada semua, yang kaya, yang miskin, yang tidak patut pun bagi. Akan tetapi bila klasifikasikan kepada pendapatan itu tadi, RM3 ribu ke bawah.

Jadi, ada rungutan yang bergaji RM4 ribu tetapi anaknya ramai. Jadi, adakah pihak kementerian mengkaji mereka ini dalam kumpulan yang ini. Jadi, mohon pencerahan pada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dasar Yang Berhormat Menteri, kalau ada lebih daripada empat orang anak kah, boleh. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih pada Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan soalan berkaitan dengan salah satu daripada bantuan kepada anak-anak sekolah iaitu tambang bas ataupun tambang bot. Saya akui Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bahawa sememangnya ini salah satu daripada keperluan yang diminta oleh *especially* bagi mereka yang berada di bandar dan termasuk dalam kumpulan yang dipanggil miskin bandar. Jadi, kita sebenarnya buat masa ini belum ada dasar ini.

Jadi, apa yang boleh saya katakan, boleh kita bawa cadangan ini untuk perbincangan di peringkat kementerian dengan Kementerian Kewangan. Begitu juga sebabnya yang keduanya adalah yang berkaitan dengan bantuan awal persekolahan. Dulu dibagi semua sekali. Sekarang ini diambil untuk pendapatan RM3 ribu ke bawah. Banyak juga guru sendiri cakap dia gaji RM3 ribu lebih, RM3 ribu lebih suami isteri, memang dia tidak dapat dan anak dia ramai dan ini boleh kita pertimbang macam Tuan Yang di-Pertua sebut tadi bahawa boleh dipertimbangkan tengok untuk tahun-tahun yang akan datang. Saya akan bawa benda ini untuk perbincangan sekali dengan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Secara ringkas.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang ringkas sebab apa yang saya hendak cakap tadi Yang Berhormat Dato' Mohd. Salim sudah cakap [*Ketawa*] Cuma saya hendak cadangkan supaya pendapatan berhubung dengan bantuan awal persekolahan itu yang RM100 untuk satu murid, dinaikkan *income* dia, pendapatan dia kepada RM5 ribu ke bawah sebab banyak rungutan. Ini saya hendak menyampaikan rungutan yang makan gaji ini, dia kata kalau boleh cadangkan kepada kerajaan, RM5 ribu ke bawah.

Sebab macam Yang Berhormat Menteri kata tadilah, anak ramai, kebanyakan cikgu-cikgu ini anak ramai sebab dia banyak masa *free* sikit. Jadi, kalau bolehlah Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita ini memang hati baik, berjiwa rakyat, memang dia baik hati. Minta supaya dicadangkan RM5 ribu ke bawah layak untuk menerima bantuan khas persekolahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator berkaitan dengan daripada RM3 ribu ke RM5 ribu. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat petang ini kita ada buka puasa Parlimen. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan bersama-samalah kita. Jangan balik, nanti tidak ada orang untuk berbuka puasa ini. Sekarang Yang Berhormat Menteri tidak ada. Soalan pun tidak boleh. Soalan pun sudah cukup sudah. Soalan yang untuk Yang Berhormat Menteri itu pun tidak ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila kemukakan rang undang-undang dan berikan huraian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAK MILIK STRATA (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Milik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hak Milik Strata 1985 [*Akta 318*] telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1985. Akta tersebut bertujuan untuk menyediakan peruntukan perundangan bagi pendaftaran dan pengeluaran dokumen hak milik bagi setiap unit atau petak dalam Skim Pembangunan Berstrata. Akta 318 ini telah dipinda sebanyak lima kali selaras dengan trend urbanisasi pembangunan berstrata yang semakin meningkat. Sehingga Disember 2015, terdapat sebanyak 1.2 juta hak milik strata didaftarkan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatan jumlah hak milik strata yang didaftarkan di seluruh Semenanjung Malaysia, jumlah urus niaga petak turut dianggarkan meningkat. Pada masa ini, peruntukan sedia ada di bawah Akta 318 menyatakan bahawa menjadi kewajipan perbadanan pengurusan untuk membayar cukai tanah lot tersebut. Pemilik petak membayar cukai tanah ini kepada perbadanan pengurusan berdasarkan peruntukan unit *share* bagi petaknya. Cukai tanah perlu dibayar sepenuhnya sebelum penyerahan boleh dibuat bagi sebarang urus niaga. Dalam kebanyakan keadaan terdapat pemilik petak yang ingkar untuk membayar caruman yang menyebabkan perbadanan pengurusan gagal membayar cukai tanah.

Tuan Yang di-Pertua, bangunan khas dalam Akta 318 merujuk bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996 atau bangunan yang diduduki dari Jun 1996 sehingga 11 April 2007 yang diklasifikasikan sedemikian oleh pihak berkuasa negeri. Tuan Yang di-Pertua, pihak saya merekodkan tidak kurang 300,000 petak yang melibatkan bangunan khas ini masih belum dapat didaftarkan hak milik stratanya kerana terdapat halangan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan masa ini tertumpu kepada bandar besar mengakibatkan pengambilan tanah melibatkan pembangunan berstrata. Akta 318 pada masa ini tidak mempunyai peruntukan khusus berhubung ubahsuaian kepada buku daftar strata susulan daripada pengambilan tersebut. Dengan itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan pindaan terhadap Akta 318 bagi memenuhi kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini meliputi 31 fasal termasuk fasal-fasal yang menyentuh tentang perkara berikut:

- (i) pengenalan dua seksyen baru;
- (ii) pemotongan satu seksyen;

- (iii) pengenalan tiga bahagian baru iaitu Bahagian IVA, IVB dan VIIIA. Bahagian IVA terdiri daripada 10 seksyen. Bahagian IVB terdiri daripada enam seksyen manakala Bahagian VIIIA terdiri daripada satu seksyen yang juga memperkenalkan Jadual Ketujuh baru dan empat pindaan kepada peruntukan dalam Jadual Kelima.

Secara amnya pindaan kepada Akta 318 meliputi empat skop iaitu:

- (i) pengenaan cukai bagi petak atau blok sementara bagi setiap hak milik strata atau hak milik strata sementara yang juga merupakan fokus utama pindaan Akta 318 pada kali ini dan akan dapat menyelesaikan masalah pembayaran, cukai tanah dan urus niaga petak yang dihadapi oleh pemilik petak dan perbadanan pengurusan;
- (ii) penambahbaikan peruntukan bagi tujuan pembangunan bangunan khas untuk mengecualikan dokumen tertentu semasa permohonan sijil cadangan pelan strata ataupun semasa permohonan-permohonan hak milik strata;
- (iii) pindaan berbangkit kepada pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk memudahkan cara prosedur ke atas Buku Daftar Strata susulan pengambilan tanah melibatkan skim pembangunan berstrata; dan
- (iv) memperkemas peruntukan sedia ada bagi mewujudkan prosedur pengeluaran dan pendaftaran hak milik strata yang lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, bagi skop pertama dalam pindaan secara dasarnya peruntukan perundangan dan prosedur berkenaan pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara akan diperuntukkan melalui pindaan di bawah Akta 318. Manakala peruntukan umum bagi membolehkan yakni, dengan izin, *general enabling provision* akan diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara.

Konsep cukai bagi petak atau blok sementara adalah mirip kepada konsep cukai tanah yang telah diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Ciri yang berbeza berbanding dengan cukai tanah ialah apabila berlaku kegagalan membayar cukai bagi petak atau blok sementara dalam tempoh tertentu akan berlaku pelucuthakan, dengan izin, *forfeiture*, pengembalian dan peletakhakan ke atas petak atau blok sementara tersebut kepada pihak berkuasa berkanun atau dengan izin, *statutory authority* yang akan ditentukan oleh pihak berkuasa negeri melalui kaedah negeri.

■1440

Statutory authority akan memegang petak atau blok sementara yang dilucut hak bagi pihak dan faedah pihak kerajaan berkuasa negeri. Namun, pihak berkuasa negeri tidak boleh sewenang-wenangnya melantik dan menukarkan *statutory authority* yang telah dilantik memandangkan pelantikan itu hendaklah melalui kaedah hak milik strata negeri.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa kaedah pelucut hak ini merupakan langkah terakhir pihak berkuasa negeri dalam menangani situasi sebegini setelah segala usaha lain dilaksanakan. Selain itu, pihak berkuasa negeri tidak akan menyalahgunakan kuasanya ini tetapi hanyalah untuk melindungi hak semua pihak berkepentingan berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa sebagaimana yang telah pun diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara.

Pindaan utama kepada Akta 318 bagi tujuan skop ini adalah seperti berikut, pertamanya, dipinda seksyen 4 untuk memasukkan takrif baru iaitu cukai, dengan izin, *rent* untuk pelaksanaan kutipan cukai bagi petak atau blok sementara. Takrif baru ini dihubungkan dengan seksyen 5, Kanun Tanah Negara untuk membolehkan cukai bagi petak atau blok sementara diiktiraf sebagai cukai di bawah Kanun Tanah Negara dan urus niaga berkaitan petak boleh dilaksanakan selaras dengan peruntukan seksyen 301A Kanun Tanah Negara.

Kedua, diperkenalkan seksyen baru 4C bagi memperuntukkan permulaan pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara.

Seksyen ini juga memperuntukkan ubahsuaian pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian berkaitan bagi peruntukan Akta 318 selaras dengan pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IVA.

Ketiga, diperkenalkan bahagian baru IVA untuk tujuan pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara. Pindaan ini membolehkan pemilikan petak atau blok sementara membayar cukai bagi petak atau blok semmentaranya dan seterusnya membolehkan urusan niaga dilaksanakan. Cukai bagi petak atau blok sementara termasuk fi dikehendaki dibayar kepada pihak berkuasa negeri secara tahunan, dikenakan ke atas petak atau blok sementara seolah-olah ia cukai atau hasil tanah sebagaimana ditafsirkan di bawah seksyen 5, Kanun Tanah Negara.

Bahagian ini juga memperuntukkan penentuan tunggakan cukai bagi tanah boleh diagihkan berkadaran dengan unit syer kepada setiap petak atau blok sementara. Ia juga boleh dituntut dengan sebarang kaedah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri melalui Kaedah Hakmilik Strata Negeri. Cukai yang tanahnya akan terhenti berkuat kuasa apabila cukai bagi petak atau blok sementara mula berkuat kuasa. Dalam keadaan yang mana Skim Pembangunan Berstrata ditamatkan selaras dengan seksyen 57, Akta 318, cukai tanah bagi hak milik induk tanah tersebut akan berkuat kuasa pada tahun berikutnya pada semakan terkini.

Seterusnya, diperkenalkan bahagian baru IVB untuk tujuan pelaksanaan pelucuthakan, pengembalian dan peletakhakan kepada *statutory authority* serta perkara bersangkutan dengannya selaras dengan kegagalan pemilik petak membayar cukai bagi petak atau blok sementara ataupun akibat pelanggaran syarat. Berkenaan pelanggaran syarat yang berhubung dengan petak atau blok sementara, peruntukan dan Borang 7A, 7B, 7E serta 7F yang berkaitan dalam seksyen 127, 128 dan 129 Kanun Tanah Negara adalah terpakai. Sebelum pelucuthakan dan peletakhakan berkuat kuasa di bawah bahagian ini, Borang 7A, 7B, 7E dan 7F tersebut yang disampaikan kepada pemilik petak atau blok sementara akan turut disalinkan kepada perbadanan pengurusan.

Apabila berlaku pelucuthakan petak atau blok sementara itu akan diletak hak kepada *statutory authority*. Dilepaskan daripada sebarang kepentingan sedia ada atau yang timbul sebaik sebelum pelucuthakan, dibebaskan daripada sebarang tunggakan yang bertanggung kepada bekas pemilik, sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan dihapuskan sebarang cukai yang tertunggak kepada pihak berkuasa negeri. Ini termasuk cukai pintu yang terhutang kepada pihak berkuasa tempatan kerana pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada sebarang arahan pihak berkuasa negeri. Di samping itu, peruntukkan seksyen 130, hingga 134 Kanun Tanah Negara adalah tidak terpakai.

Bekas pemilik boleh merayu kepada pihak berkuasa negeri atau mahkamah untuk mendapatkan kembali petak atau blok sementara yang dilucut hak sekiranya mahkamah atau pihak berkuasa negeri memutuskan untuk dikembalikan kepada bekas pemilik, maka kepentingan atau tunggakan lain sebelum pelucuthakan akan terus berkuat kuasa. Namun sekiranya tidak pengembalian kepada bekas pemilik tersebut, *statutory authority* berkenaan adalah tertakluk kepada sebarang arahan pihak berkuasa negeri.

Kelima, dipinda seksyen 81 bagi memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri membuat kaedah berkenaan penggunaan cukai bagi petak atau blok sementara berkaitan kadar kutipan, pengurangan, perebatan, pembayaran secara ansuran, penangguhan bayaran cukai atau sebarang perkara sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, skop kedua pindaan bertujuan untuk memperkemas peruntukkan dalam Akta 318 bagi tujuan bangunan khas. Pindaan utama kepada Akta 318 bagi tujuan skop ini adalah seperti berikut:

- (i) dipinda seksyen 8A dan 20A untuk membolehkan pengarah ukur mengecualikan perakuan oleh arkitek profesional atau jurutera profesional dan salinan yang diperakui sah, perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki yang diperlukan dalam permohonan sijil cadangan pelan strata bagi bangunan khas.

Seksyen ini juga memperuntukkan pengecualian dokumen tersebut dalam keadaan lain yang pengarah ukur berpuas hati seperti contoh projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri;

- (ii) dipinda seksyen 9 dan 20B untuk membolehkan pentadbir tanah mengecualikan salinan yang diperakui sah, perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki yang diperlukan dalam permohonan pecah bahagi bangunan atau tanah bagi pembangunan di bawah perenggan 8(2)(a) atau 20(2)(a) Akta 318 ataupun yang diklasifikasikan sebagai bangunan khas. Ia juga memperuntukkan pengecualian bagi dokumen dalam keadaan lain yang pentadbir tanah berpuas hati seperti contoh projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri; dan
- (iii) pindaan seksyen 81 untuk memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri membuat kaedah berkenaan mengklasifikasikan bangunan khas berdasarkan kepada jenis contohnya bangunan kos rendah.

Hal keadaan, contohnya keadaan fizikal bangunan atau sebarang faktor lain yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa negeri. Contohnya ketiadaan dokumen berkaitan seperti sijil layak menduduki.

Tuan Yang di-Pertua, skop ketiga pindaan berbangkit daripada pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 berkenaan pengambilan tanah melibatkan Skim Pembangunan Berstrata. Berbangkit daripada itu, pindaan utama kepada Akta 318 bagi tujuan skop ini meliputi pengenalan Bahagian baru VIII A bagi memperuntukkan prosedur melalui jadual ketujuh baru untuk memperincikan tatacara pelaksanaan ke atas buku daftar strata yang berkaitan susulan daripada pengambilan hartanah berstrata serta perkara lain yang bersangkutan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, skop keempat pindaan bertujuan mewujudkan prosedur pengeluaran dan pendaftaran hak milik strata yang lebih efektif seperti berikut.

- (i) dipinda seksyen 4A untuk membolehkan Menteri meminda dan mengubahsuai jadual kelima secara keseluruhan termasuk untuk memasukkan borang baru dengan kelulusan Majlis Tanah Negara;
- (ii) dipinda seksyen 8 untuk memperkemas terma yang diguna pakai dalam Akta 318 selaras dengan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dan untuk mentakrifkan perkataan, dengan izin "*The building is completed*" bagi tujuan penguatkuasaan. Dalam hal ini bangunan siap atau telah siap, yang dinyatakan dalam seksyen tersebut merujuk kepada seperti berikut.
 - (a) perakuan siap dan pematuhan atau, dengan izin, *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*;
 - (b) sijil layak menduduki atau, dengan izin, *Certificate of Fitness for Occupation (CFO)*; atau
 - (c) sebarang perakuan menurut undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

Ini adalah kerana terdapat beberapa projek pembangunan sebelum 12 April 2007 masih dikeluarkan Sijil Layak Menduduki menurut peruntukan kecualian dan peralihan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 [*Akta A1286*]. Selain itu, pindaan ini bertujuan untuk membolehkan mahkamah mengarahkan pemilik asal yang mematuhi peruntukan Akta 318 berkenaan memohon pecah bahagi bangunan atau tanah berikutan daripada penguatkuasaan yang dibuat di bawah seksyen ini.

■1450

Dipinda seksyen 9A untuk memperkemas terma yang digunakan dalam Akta 318 selaras dengan pindaan seksyen 9 seperti yang telah saya sebut terdahulu.

Dipinda seksyen 8 untuk memasukkan pecah bahagi tanah dalam syarat bagi kelulusan permohonan yang melibatkan blok sementara.

Dipinda seksyen 17 untuk membolehkan pengeluaran perakuan penubuhan perbadanan pengurusan oleh Pengarah Tanah dan Galian serta menjelaskan bahawa perbadanan pengurusan tertubuh pada hari apabila buku daftar strata dibuka.

Dipinda seksyen 17A untuk menjelaskan keperluan penyediaan pelan khas oleh juruukur tanah berlesen yang mesti diluluskan melalui resolusi komprehensif serta untuk menjelaskan bahawa pengarah ukur boleh menentukan secara pentadbiran sebarang perincian lain merujuk kepada harta bersama terhad bagi tujuan kelulusan.

Memperkenalkan seksyen baru seksyen 17B berhubung keempunyaan harta bersama.

Dipotong seksyen 19A memandangkan tanggungjawab pemilik asal untuk melaksanakan pindah milik hak milik strata kepada pembeli telah diperuntukkan dalam Jadual H Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Akta 318 hanya memperuntukkan prosedur bagi pengeluaran hak milik strata sahaja. Pembeli yang terlibat boleh juga membuat tuntutan melalui tindakan sivil memandangkan ia isu *contractual* antara pihak-pihak.

Dipinda seksyen 25 untuk menjelaskan berkenaan pecahan dan penyatuan petak bahawa syarat nyata bagi petak terlibat dan petak baru tidak boleh bertentangan antara satu sama lain.

Dipinda seksyen 33A untuk menjelaskan kesan pendaftaran berkaitan dengan harta bersama yang wujud kerana pecahan atau penyatuan petak atau petak bagi tanah yang di pecah bahagi.

Dipinda seksyen 34 untuk menjelaskan berkenaan petak atau blok sementara bahawa tiada permohonan boleh dibuat oleh pemilik untuk meminda syarat nyata dalam dokumen hak milik strata. Permohonan adalah dilarang bagi memastikan kesaksamaan unit syer yang diluluskan dikekalkan.

Dipinda seksyen 35 untuk memasukkan tanah yang dipecah bahagi dalam hak mendapat sokongan, perkhidmatan dan perlindungan.

Dipinda tajuk petunjuk Bahagian VIII untuk memasukkan penamatan pecah bahagian bagi tanah yang dipecah bahagi.

Dipinda seksyen 56 untuk menjelaskan kuasa mahkamah untuk membuat perintah apabila tanah yang dipecah bahagi rosak.

Dipinda seksyen 57 untuk membolehkan penamatan pecah bahagian tanah. Seksyen ini turut menekankan bahawa tiada penamatan pecah bahagian bangunan atau tanah boleh *endorse* melainkan Pendaftar berpuas hati dan tiada hasil tanahnya tertunggak. Pendaftar boleh meminta dokumen berkaitan sebelum membuat *endorsement* terhadap penamatan tersebut. Selain itu, pindaan ini bertujuan untuk memudah cara hal ehwal perbadanan pengurusan setelah penamatan pecah bahagian mula berkuat kuasa dan untuk memasukkan tanah yang dipecahkan bahagi dalam definisi di bawah subseksyen (8) dan;

Diperkemas Jadual Kelima untuk menyelaraskan tajuk Jadual Kelima dengan seksyen 4A dan untuk memperkenalkan definisi baru selaras dengan pindaan sub perenggan 5(6) merujuk kepada sub perenggan 5(6) definisi, dengan izin, *existing document of title*, dan dengan izin, *computer printed document of title*, tidak termasuk Borang 232(K) dan 3(K) sedangkan apabila ditukar ganti dokumen yang disediakan adalah dalam Borang 2(K), 3(K), 4(K) atau 4A(K).

Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus seperti dalam penjelasan saya terdahulu merupakan pindaan kecil atau berbangkit serta peruntukan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran tanah negeri juga hendaklah mengambil maklum akan persediaan yang perlu dalam melaksanakan cukai bagi petak atau blok sementara iaitu daripada aspek implikasi kewangan iaitu ubahsuaian kepada sistem hasil dan penyediaan, pengeluaran serta penghantaran bil cukai bagi setiap petak atau blok sementara dan penguatkuasaan bagi kegagalan membayar cukai bagi petak atau blok sementara berbanding kegagalan membayar cukai tanah bagi Skim Pembangunan Berstrata sebagaimana pada masa ini. Memandangkan Akta 318 merupakan urusan negeri, dengan izin *state matters*, pindaan ke atas tertakluk kepada Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, pindaan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 28 April 2016.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya tegaskan terdahulu, pindaan yang saya bentangkan tadi adalah untuk rakyat. Bagi maksud ini, pihak saya telah membuka satu Kertas Perundingan dengan izin, *Consultation Paper*, yang boleh diakses secara atas talian pada 17 Februari 2015 hingga 18 Mac 2015. Pada 16 April 2015, satu sesi rundingan awam secara terbuka telah diadakan. Jemputannya terdiri daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan seperti ahli akademik, pemberi pinjaman serta institusi kewangan dan perbankan, pertubuhan perwakilan seperti Majlis Peguam Negara, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA), Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia serta ejen hartanah, ahli politik, kumpulan profesional seperti juru ukur dan penilai harta tanah. *Engagement*, dengan izin, bersama pihak industri pula telah diadakan pada 27 April 2015.

Selain daripada itu, pihak saya juga telah membuat dengan izin, *road show* kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mulai 12 Ogos 2015 sehingga 20 April 2016. Pendek kata, semua pihak yang berkenaan telah dilibatkan dalam proses penyediaan pindaan undang-undang ini. Konsultasi yang bersifat *inclusive* ini membolehkan kerajaan menyediakan pindaan yang mencakupi semua aspek pentadbiran tanah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Milik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Sila.

4.58 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih dan tahniah kepada kementerian, Menteri dan juga Timbalan Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang. Saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini kerana diberi peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Hak Milik Strata. Saya cuma ada beberapa perkara yang saya rasa perlu diambil perhatian yang mana terlebih dahulu kita merasakan sebagaimana yang disebutkan oleh pihak Timbalan Menteri tadi, saya rasa Akta Hak Milik Strata ini telah berulang kali dibentangkan. Saya ingat banyak kali juga dan ini kita harus mengucapkan tahniah. Ini menunjukkan kementerian dan juga kerajaan amat prihatin mengenai masalah perumahan bagi unit-unit berstrata.

Jadi ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu yang pertama daripada segi isu petak *parking*. Khususnya di kawasan-kawasan bandar, kalau kita tengok seperti di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Pulau Pinang, masalah tanah sesuatu yang agak ketara. Oleh yang demikian, apabila pembinaan perumahan yang berstrata, *parking* ini salah satu masalah utama bagi pembangunan berstrata ini.

■1500

Jadi saya ambil sebagai contoh, ada kalanya di Pulau Pinang khususnya, unit rumah mungkin 100 unit sahaja tetapi mempunyai petak *parking* sebanyak 200 petak.

Jadi permohonan strata ini selalunya dibuat pada peringkat awal yang mana kena, dengan izin, *matching* unit rumah dan juga unit *parking* tetapi ada kalanya *parking* ini hanya dijual kemudiannya bukan waktu permohonan strata. Jadi ia menimbulkan kesukaran apabila 100 unit tadi, yang lebih 100 itu dijual di kemudian hari mengikut keperluan. Jadi permohonan telah dibuat terlebih awal. Jadi masalah ini menyebabkan permohonan strata itu tertangguh dan ada kalanya mengambil masa yang panjang untuk mendapat kelulusan. Jadi persoalan saya kepada pihak kementerian, perlukah ini dikaji dan ditambah baikkan supaya ia tidak membantutkan kelulusan permohonan strata.

Keduanya, daripada segi aspek unit petak-petak yang *common area*, dengan izin, iaitu sebagai contoh dewan masyarakat, *swimming pool*, petak-petak sedemikian. Sebab ada kalanya apabila pembangunan dibuat, mungkin sewaktu pelan dimasukkan, petak ini kata digazetkan sebagai kolam renang pada saiz yang agak kecil. Jadi apabila telah dibuat pembangunan, kolam renang ini dapat dibesarkan. Jadi kalau kita hendak buat permohonan strata Tuan Yang di-Pertua, dia kena buat permohonan semula pelan bangunan dan lain-lain dan akan mengambil proses yang sangat-sangat panjang.

Jadi perlukah dikaji semula sama ada untuk unit-unit kemudahan awam ini sekiranya ada perubahan, tidak perlu untuk di *submit* ataupun boleh dibentangkan kemudiannya selepas strata diluluskan juga boleh dibuat. Maknanya tak perlulah hendak tunggu pelan dan sekian.

Saya rasa itu antara masalah-masalahnya dan lagi satu yang ingin saya utarakan masalah JMB. Apabila dapat OC, kita akan tubuhkan JMB. Selepas JMB, apabila strata dah keluar, kita akan tubuhkan MC. So waktu JMB ini, projek tersebut akan diselua oleh pemaju dengan usaha sama persatuan penduduk. Kalau kita tengok khususnya untuk perumahan-perumahan kos rendah atau perumahan-perumahan yang sederhana rendah, kutipan untuk *maintenance* ini bagi saya sangat-sangat bermasalah dan kalau tengok selepas dah JMB itu dia tubuh pula *management corporation*, dengan izin, lagi masalah apabila kita serah. Ada kalanya unit-unit kos rendah ini sampai tak boleh diselua dengan baiknya. Lif rosak, cat luntur, kebocoran, ada masalah keruntuhan. Jadi berbagai-bagai masalah kerana kutipan wang yang dikutip tersebut tidak mencukupi.

Sebagai contoh untuk rumah kos rendah, saya rasa kadar *average* sekarang ini adalah lebih kurang RM50. Jadi kalau RM50 hendak bayar bil elektriknya, hendak bayar segala-galanya saya rasa tidak mencukupi. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah kita dapat menyelesaikan masalah kutipan *maintenance* ini khususnya kepada unit-unit kos rendah dan sederhana rendah? Perlukah kita ikut sebagaimana yang diamalkan di Singapura? Dan saya ingin bertanya juga, kalau sekiranya dapatlah apabila kita membuat penyelenggaraan bangunan ini di mana TNB dan juga PBA bekerjasama dengan pihak pengurusan bangunan, sekiranya tidak ada pembayaran dibuat maknanya automatik bekalan TNB dan PBA dapat dipotong.

Sekarang kalau kita hendak potong pun tak boleh sebab PBA dan TNB itu di bawah penama pemilik unit tersebut. Jadi ini salah satu cara untuk kita menggalakkan kutipan supaya bangunan-bangunan dapat kita selenggarakan dengan baik. Sebab bagi saya, perumahan kos rendah ataupun mampu milik dan juga sederhana rendah ini perlulah diselenggarakan dengan baik kerana ia melibatkan imej penduduk kita dan sekali gus imej negara kita. So saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya utarakan. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Norliza, terima kasih banyak. Saya jemput pula Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

3.05 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Hakmilik 1985. Perundangan hak milik strata di Malaysia kerap dikritik sebagai lapuk dan tidak mencukupi bagi memastikan kecekapan pentadbiran melibatkan hartanah milik strata jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Singapura, Hong Kong dan Australia. Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atas inisiatif untuk membuat pindaan ke atas Akta Hakmilik Strata 1985 ini sejajar dengan kedudukan semasa dan mengambil contoh dari negara-negara maju yang lain.

Berasaskan perundangan yang pernah diamalkan di Australia, Akta Kanun Tanah Negara kita telah dipinda bagi memasukkan peruntukan perundangan hak milik berstrata sebagai *subsidiary title*, dengan izin, yang kemudiannya digantikan dengan Akta Hakmilik Strata 1985. Setelah itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, terdapat beberapa pindaan yang telah dilakukan pada tahun 1990, 1996, 2001, 2007, 2013 dan kini dalam tahun ini. Sejak pindaan yang dilakukan kepada Akta Hakmilik Strata 1985 ini pada tahun 2013 dan berkuat kuasa pada tahun lepas, ini adalah pindaan utama yang dilakukan di mana terdapat cadangan pindaan untuk memansuhkan sesetengah seksyen dan juga pindaan yang melibatkan Akta Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Kita melihat setelah beberapa tahun mengendalikan hartanah yang berada di bawah kategori hak milik strata, terdapat banyak permasalahan yang dihadapi di peringkat dokumentasi, pengeluaran hak milik, penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain yang memerlukan pindaan dibuat kepada akta ini. Selain itu, dengan perkembangan ekonomi di kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi seperti di Kuala Lumpur dan Lembah Klang dan juga kawasan-kawasan seperti Johor, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu yang mengalami pembangunan pesat dan melibatkan pembangunan semula hartanah sedia ada, urusan niaga bagi blok hartanah berstrata dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur, ia memerlukan Akta Hakmilik Strata ini diteliti semula bagi memantapkan lagi pengurusan dan untuk melindungi serta memastikan hak-hak pihak yang berkepentingan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu berbangkit dengan pindaan yang dicadangkan kepada Akta Hakmilik Strata 1985 iaitu penggantian cukai petak kepada cukai tanah, isu kutipan cukai, isu melucuthakan atau, dengan izin, *forfeiture* dan pindaan seksyen 8 berhubung kait dengan bangunan khas. Berhubung dengan cukai petak, kita sedia maklum bahawa permasalahan cukai tanah oleh bangunan berstrata adalah lebih rumit kerana ia melibatkan bangunan bertingkat yang terdiri daripada banyak pemilik petak. Berlainan daripada hak milik individu, penyelesaian cukai hartanah berstrata memerlukan kerjasama daripada semua pemilik untuk menyelesaikan cukai tanah tersebut. Namun begitu, kadangkala kutipan cukai daripada pemilik petak bukan 100 peratus apabila tiba masa untuk penyelesaian cukai tanah tersebut.

■1510

Oleh itu, ini akan membebaskan perbadanan pengurusan atau *management corporation*, dengan izin, yang terlibat untuk berdepan dengan pihak berkuasa negeri bagi menyelesaikan tunggakan cukai tanah di sesebuah bangunan dengan hak milik strata.

Satu masalah lain yang timbul adalah apabila perbadanan pengurusan yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab secara kompeten. Contohnya, pembayaran cukai tersebut ditangguhkan walaupun pemilik telah membayarnya atau pun sesetengah daripada pihak perbadanan pengurusan tidak amanah dan mengelapkan wang tersebut sebelum ia dapat dibayar kepada pihak berkuasa negeri.

Sebelum ini, berdasarkan seksyen 25, di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], pemilik petak perlu menyelesaikan caj dan caruman kepada kumpulan wang penjelas atau pun *sinking fund* kepada pihak perbadanan pengurusan sebelum ia dibayar kepada pihak berkuasa negeri. Akan tetapi, dengan pindaan dalam Bahagian IVA, Kutipan Cukai, seksyen 23B setelah seksyen 4C berkuasa, cukai hendaklah menjadi hutang oleh pemilik petak kepada pihak berkuasa negeri di mana cukai perlu dibayar terus kepada pejabat pentadbir tanah.

Apabila proses kutipan cukai dibuat secara terus kepada pemilik petak oleh pihak berkuasa negeri, cukai tanah sedia ada akan digantikan kepada cukai petak. Pindaan ini adalah perlu untuk mengurangkan masalah cukai tanah tidak dibayar oleh pemilik petak.

Selain itu, ia juga dapat membantu untuk melindungi hak dan status semua pihak berkepentingan.

Saya berpendapat bahawa pindaan kepada seksyen 4C(1) langkah yang baik bagi membolehkan permulaan kuat kuasa cukai bagi petak atau blok sementara di mana-mana negeri. Saya menyokong pindaan ini kerana ia akan memudahkan proses yang sedia ada.

Berhubung dengan kutipan cukai, pindaan dalam 4A di bawah seksyen 23C(8)(b) menjelaskan bahawa cukai petak akan berdasarkan kadar meter persegi dan tunggakan cukai lot akan dimasukkan berkadaran dengan unit syer atau pun apa-apa cara yang ditetapkan.

Berdasarkan peruntukan sedia ada, pemilik petak perlulah menyelesaikan caruman kepada kumpulan wang penjelas atau pun *sinking fund* kepada pihak perbadanan pengurusan sebelum ia dibayar kepada pihak berkuasa negeri. Namun begitu, pihak perbadanan pengurusan masih perlu membayar keseluruhan cukai tanah kepada pihak berkuasa negeri walaupun tidak kesemua pemilik petak yang menyelesaikan caruman kumpulan wang penjelas atau *sinking fund* kepada badan pengurusan tersebut. Sudah pasti ini akan membebankan pihak perbadanan pengurusan kerana perlu mengeluarkan kos yang tinggi sebelum mendapatkan semula bayaran daripada pemilik petak yang belum membayarnya.

Sebenarnya, melalui seksyen 34 di bawah Akta Pengurusan Strata 2013, jika pemunya petak tidak menyelesaikan liabilitinya kepada pihak perbadanan pengurusan pada tempoh yang ditetapkan, suatu saman atau tuntutan dalam mahkamah atau di hadapan Tribunal boleh dikenakan oleh badan pengurusan kepada pemunya petak untuk mendapatkan jumlah wang itu. Malah, di bawah seksyen 35, waran penahanan harta alih juga boleh dikeluarkan oleh pesuruhjaya kepada pemunya petak yang enggan membuat pembayaran.

Walaupun ada kes-kes yang melibatkan tuntutan mahkamah kepada pemunya petak, masih ada banyak lagi pemunya petak yang belum menjelaskan cukai tersebut. Kes-kes ini akan menjadi lebih mudah dengan bahagian baru yang diperkenalkan iaitu Bahagian IVA, seksyen 23B. Cukai hendaklah menjadi hutang yang terhutang kepada pihak berkuasa negeri di mana cukai perlu dibayar terus pada Pejabat Pentadbir Tanah.

Persoalan saya ialah setelah seksyen 4C berkuat kuasa, adakah terdapat penguatkuasaan bagi membolehkan pihak perbadanan pengurusan mendapatkan cukai tanah yang tertunggak oleh pemilik-pemilik yang masih belum membayarnya? Ini adalah kerana mereka masih lagi terbeban dengan hutang-hutang oleh pemilik petak yang masih belum menyelesaikan tunggakan cukai tanah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelucuthakan, setelah seksyen 4C berkuat kuasa, pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa untuk melakukan pelucuthakan terhadap petak yang pemiliknya enggan membayar jumlah wang yang dituntut setelah notis tuntutan dikeluarkan menurut pindaan dalam Bahagian IVA, seksyen 23E(1). Pentadbir tanah boleh mengambil tindakan terhadap pemilik petak yang gagal membayar jumlah wang yang boleh dituntut di bawah seksyen 23B.

Jika mana-mana pemilik petak tidak berpuas hati dengan keputusan mana-mana pentadbir tanah, rayuan mengenainya boleh dibuat di bawah seksyen 418, Akta Kanun Tanah Negara 1965. Dalam cadangan pindaan akta baru ini, pihak berkuasa negeri akan bertindak merampas petak yang dimiliki oleh pemilik jika jumlah cukai yang tertunggak tidak dijelaskan dalam masa satu bulan menurut pindaan Bahagian IVB, seksyen 23O(2)(c).

Saya cuma berharap pihak kerajaan dapat menimbangkan semula tempoh yang diperlukan oleh pemilik petak untuk membayar tunggakan cukai sebelum ia boleh dilucut hak terutamanya apabila ia pertama kali dikuatkuasakan kerana akan terdapat masalah penyelarasan bagi penyelesaian tunggakan cukai tanah lot yang lama dan cukai petak yang baru. Saya...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Pohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tan Sri. Kita tahu bahawa pemilik petak ini bila dia terhutang dengan MC atau *management corporation* ini, dia ada sebab. Kadang-kadang sebab itu sebab kemiskinan, sebab *business* tidak berjalan. Kadang-kadang ada juga sebab yang *management corporation* itu tidak melakukan *services* yang baik dan sebab itu dia tidak hendak bayar. Jadi, kalau kita bagi sebulan kepada mereka ini, maka rakyat akan menjadi resah dengan akta yang baru ini.

Apakah pandangan Yang Berhormat Tan Sri kalau kita katakan kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mendahulukan kepada mereka ini supaya mereka dapat bergerak? Maksudnya kemudian mereka akan berhutang dengan jawatankuasa ini daripada berhutang dengan kerajaan. *It must be dealt through a private entity*, dengan izin. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tan Sri, orang yang berpengalaman dalam bidang ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Penjelasan ini sepatutnya diberi oleh Yang Berhormat Menteri tetapi daripada segi pengalaman, masalah *service charge* ini memanglah masalah yang besar. Sebab itulah kita telah tubuhkan satu Lembaga untuk mengurus selia penjagaan bangunan-bangunan dalam negara kita ini yang berstrata. Akan tetapi, masalah ini bukan sahaja masalah orang miskin, dalam pengalaman saya. *The richer they are*, dengan izin, lagi dia tidak mahu membayar. *For some reason* lah. Boleh jadi dia tidak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kenapakah begitu?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Sorry?*

Timbalan Yang di-Pertua: Mengapakah begitu sikapnya?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Ya, sikap itu tetapi bukan semua lah. Jadi, masalah ini bukan masalah orang miskin. Jadi, kalau kita hendak buat satu Jawatankuasa yang lain- ini macam kita tidak bayar *tax* jugalah.

■1520

Ada rakyat Malaysia yang sungguh pun ada duit tidak mahu bayar *tax*, *try to avoid* dan sebagainya. Ini masalah. Jadi saya fikir untuk rakyat yang miskin ini boleh jadi kerajaan boleh memikirkannya. Akan tetapi kepada rakyat yang memang tidak mahu bayar cukai ini, saya ingat tindakan undang-undang mesti diambil, dirampaslah harta mereka kerana kita ada undang-undang seumpama itu dalam ini. Akan tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri akan bagi jawapan yang lebih tepatlah daripada segi kerajaan. Terima kasih.

Sekarang saya ingin menyelitkan satu isu yang mungkin tidak nampak kaitannya secara terus menerus kepada cadangan pindaan yang sedang kita bincangkan tetapi adalah penting bagi pengurusan hartanah berstrata. Isunya ialah masalah penguatkuasaan penahanan harta alih bagi pemilik petak yang gagal untuk menyelesaikan servis caj yang dikenakan oleh badan pengurusan. Apabila melibatkan kos atau pembayaran, sentiasa ada masalah mereka yang tidak mahu membayar terutamanya pemilik petak yang mengambil ringan terhadap servis caj yang dikenakan oleh badan pengurusan. Saya memohon agar ia dikuatkuasakan supaya tidak membebaskan badan pengurusan.

Bagi penahanan harta alih, adakah kita telah bersedia daripada segi mekanisme dan infrastruktur. Saya timbulkan persoalan ini kerana bagi penguatkuasaan tatacara ini, bagi mendapatkan jumlah *service charge* atau wang yang tertunggak, pihak badan pengurusan perlulah bersedia untuk melaksanakan proses ini. Contohnya, apabila berlakunya penahanan harta alih pemunya atau pemilik petak yang terlibat, pihak badan pengurusan perlulah menyatakan dengan jelas tujuan penahanan tersebut.

Misalnya adakah untuk dilelong bagi mendapatkan jumlah wang yang tertunggak ataupun hanya dalam simpanan sementara menunggu pemilik petak menyelesaikan hutangnya dalam tempoh tertentu. Adakah kemudahan ruang untuk menyimpan barang-barang tersebut dengan baik dan tidak akan menyebabkan kerosakan pada harta alih tersebut. Tambahan lagi, pihak perbadanan pengurusan perlu mempunyai tabungan kos bagi menguruskan harta alih tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan bangunan lama yang tidak mempunyai dokumen hak milik strata ataupun disebut sebagai bangunan khas.

Berdasarkan peruntukan seksyen 8 sedia ada, permohonan bagi sijil cadangan pelan strata untuk dikeluarkan hak milik strata perlulah dibuat selepas tarikh pengeluaran perakuan siap dan pematuhan ataupun *certificate of completion and compliance*, dengan izin. Kini seksyen 8 ini dipinda di mana di bawah peruntukan sedia ada, pengeluaran perakuan siap diganti oleh perkataan "bangunan siap".

Pindaan ini dilakukan adalah untuk memudahkan prosedur bagi bangunan khas yang didefinisikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam Akta Hak Milik Strata yang bererti, "*mana-mana bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996 sehingga 11 April 2007 yang diklasifikasikan sedemikian oleh pihak berkuasa negeri.*" Kenapakah ia memudahkan prosedur? Ini adalah kerana bagi bangunan khas yang telah ada sejak dulu dan sebelum perundangan berkaitan hak milik strata mula dikuatkuasakan, terdapat permasalahan yang melibatkan dokumen undang-undang untuk menentukan keluasan atau sempadan petak harta yang diduduki.

Ketiadaan dokumen undang-undang yang sah menyukarkan proses pindaan milik ataupun urus niaga bagi hartanah yang melibatkan bangunan khas ini. Jadi dengan pindaan yang dilakukan pada seksyen 8 daripada pengeluaran perakuan siap kepada perkataan bangunan siap, ini membolehkan bangunan khas dikeluarkan dokumen hak milik strata bagi memudahkan pentadbiran dan pengurusannya. Oleh itu, saya menyokong pindaan yang dilakukan bagi seksyen 8 ini kerana ia adalah wajar bagi kepentingan semua pihak yang juga melibatkan pemilik petak bagi bangunan khas dan juga pihak berkuasa negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bangkitkan masalah penjualan terkumpul atau *collective sale*, dengan izin. Jumlah penduduk Malaysia sekarang dianggarkan sebanyak 31 juta dan lebih daripada 70 peratus orang penduduk bandar. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang 6 juta menduduki bangunan berstrata dan anggaran jumlah harta blok strata ialah sebanyak hampir RM1.5 juta. Dengan pembangunan yang pesat dan rancak istimewa di pusat-pusat bandar, pembangunan semula adalah perlu dari semasa ke semasa termasuk pembangunan semula bangunan strata yang sedia ada dan usang.

Dalam hal ini, saya ingin mengutarakan masalah berkenaan dengan isu penjualan terkumpul atau, dengan izin, *block sale*. Pada masa ini, menurut seksyen 57 semua pemilik petak perlu bersetuju sebulat suara bagi apa-apa urus niaga yang akan dilakukan pada blok bangunan hartanah berstrata. Penguatkuasaan seksyen ini akan menyebabkan kesukaran bagi membolehkan pembangunan semula atau *redevelopment*, dengan izin, dilakukan kepada bangunan-bangunan lama yang tidak lagi relevan bagi memenuhi keperluan kepesatan pembangunan dan pertambahan populasi di bandar.

Selain itu, ia juga boleh menyebabkan hak suara majoriti pemilik petak diabaikan dan juga perbalahan ini akan memberi ruang kepada suara minoriti untuk menuntut hak bagi kepentingannya dalam bangunan berstrata tersebut yang perlu dilepaskan bukan dengan rela. Sebagai contoh, oleh sebab perasaan sentimental, seorang pemilik petak yang berumur 80 atau 90 tahun tidak mahu mengikut kehendak majoriti untuk menjual petaknya, keseluruhan urus niaga untuk penjualan terkumpul tidak dapat diuruskan dan menyebabkan pembangunan semula tidak dapat dijalankan untuk kepentingan pihak majoriti.

Saya percaya masalah ini sedang dihadapi oleh pemilik majoriti di Desa Kudalari berdekatan dengan KLCC. Pada pendapat saya, adalah penting pindaan akta ini memasukkan peruntukan penjualan terkumpul atau *collective sale*, dengan izin, seperti yang diaplikasikan di negara-negara maju yang lain. Di Singapura misalnya, terdapat peruntukan iaitu Bahagian VA, *Land Title Strata Act* mereka bagi membolehkan penjualan terkumpul. Boleh jadi kerajaan boleh memikirkan untuk menetapkan penjualan kumpulan berstrata seperti yang saya cadangkan ini.

Pertama, untuk bangunan yang berumur kurang dari 10 tahun, penjualan terkumpul boleh dilakukan apabila jumlah majoriti tercapai 90 peratus. Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sebab saya tahu, saya pun nak bagi Yang Berhormat cakap lama.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Ya, tetapi saya diminta untuk berucap lama sedikit sebab tak ramai yang hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik saya tahu. Ibaratnya Yang Berhormat ini, "*Jauhari juga yang mengenal manikam*". Yang lebih arif tentang ini, sila.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Lima, lapan minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kedua, untuk bangunan yang berumur lebih dari 10 tahun, jumlah terkumpul boleh dilakukan apabila 80 peratus daripada pemegang strata memilih untuk menjual. Saya berharap kerajaan dapat meneliti dan mengkaji semula masalah ini kerana ia dilihat relevan dan selari dengan keperluan untuk pembangunan masa kini.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah berkaitan dengan pengurusan harta strata yang melibatkan 1.5 juta buah kediaman yang diduduki oleh enam juta orang penduduk di seluruh negara.

■1530

Ini tidak termasuk unit strata komersil seperti kedai-kedai runcit, bangunan pejabat dan kompleks beli-belah. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kepentingan pemilik dan penghuni unit-unit ini mestilah diberikan perhatian. Pada masa ini, profesion pengurusan harta adalah di bawah kawalan kawal seliaan Kementerian Kewangan di bawah Akta 242 yang telah digubal hampir tiga dekad dahulu dan dipraktikkan dengan jayanya oleh ahli-ahli Juruukur Diraja Malaysia, *Institute of Professional Property Managers*, Persatuan Penilai dan Pengurus Harta Swasta Malaysia dan disokong penuh oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan.

Pada awal tahun ini ada pengisytiharan bahawa satu lagi lembaga akan ditubuhkan iaitu Lembaga Pengurusan Bangunan atau *Board of Building Managers*. Penubuhan Lembaga yang baru akan mengelirukan sistem yang sedia ada. Sebagai seorang pengamal profesional yang berpegang teguh kepada keperluan profesionalisme dalam pengurusan harta, saya berharap kerajaan akan mengambil pandangan serius dalam hal ini untuk berbincang seluas-luasnya dengan pihak tertentu supaya penubuhan lembaga baru ini tidak bertindih dengan lembaga yang sedia ada.

Dalam hal ini kepentingan 6 juta orang rakyat yang menduduki unit strata inilah yang perlu diambil kira dan bukan segelintir kumpulan yang mendesak untuk kepentingan kumpulan mereka. Pada pendapat saya hanya satu Lembaga sahaja diperlukan untuk mengawal selia pengurusan hal tanah di negara ini. Lembaga baru yang dicadangkan mestilah mengambil kira undang-undang yang sedia ada dan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan kos pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak berkenaan akan mengambil perhatian perkara-perkara yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya untuk memantapkan pentadbiran dan pengurusan harta hak milik strata negara.

Sebagai penutup, dan oleh sebab ini sidang Dewan yang akhir untuk saya sebab saya akan penacen bulan September ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Dewan Negara yang telah memberi kerjasama kepada saya semasa menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan Negara. Termasuklah bentara-bentara yang segar dan cerdas yang beruniform.

Kepada kawan-kawan *fellow Senators*, dengan izin, *it's been a pleasure and a privilege to have served* sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini bersama dengan kawan-kawan Yang Berhormat semua, dan saya mengucapkan selamat bertugas untuk kepentingan bangsa dan negara. Saya amat bertuah kerana telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan patik merakamkan sembah menjunjung kasih atas pelantikan ini. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib, saya amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada saya selama dua penggal sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Pengerusi Barisan Nasional, Presiden UMNO dan Perdana Menteri Negara yang tercinta ini serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Timbalan Pengerusi Barisan Nasional dan Timbalan Perdana Menteri atas kemenangan cemerlang Barisan Nasional di dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Besar hari Sabtu dan Kuala Kangsar iaitu sebagai susulan kemenangan yang juga cemerlang di Sarawak tidak lama dahulu.

Mengikut *WhatsApp* melalui Majlis Senator Malaysia, penglibatan Tan Sri Nalla, Presiden Parti Bersatu India Malaysia (MUIP) bukan main hebat lagi.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana bercakap dengan panjang lebar hujah-hujah yang terbaik sebab dia pakar, memang kerja dia ini. Oleh sebab itu saya katakan Yang Berhormat tadi ibaratnya, "*Jauhari juga yang mengenal manikam*". Saya rasa bagi pihak kita punya Dewan ini, kita mengucapkan syabas dan tahniah. Jasa baik dia, sumbangannya kepada Dewan kita ini dan juga mengharum nama kita. Yang Berhormat terima kasih banyak ya bagi pihak kita punya Dewan. Bak kata orang tua tadi.

*Orang belayar dengan layar;
Besi kadangkala karat;
Hutang emas boleh dibayar;
Hutang budi yang disampaikan oleh Yang Berhormat sampai akhirat.*

Tahniah dan terima kasih ya. Jadi itulah saya rasa dia telah beri sumbangan banyak, veteran, orang berilmu. Sila saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany, sila.

3.35 ptg.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya mengambil kesempatan ini bagi menzahirkan ucapan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kementerian atas inisiatif dan usaha gigih kementerian untuk memastikan ketiga-tiga akta itu Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah dan Akta Hakmilik Strata ini digubal untuk pindaan.

Harapan saya semoga dengan pindaan ini sebarang permasalahan yang berhubung dengan cukai tanah strata dan tunggakan cukai yang merencat penyempurnaan daftar baru hak milik strata dan perkara-perkara berbangkit mengenai pengambilan strata secara tak sah harta bersama oleh pemilik strata unit paling bawah dan penentuan pembahagian pembuat bayaran pampasan apabila terdapat manipulasi ke atas daftar strata apabila pengambilan formal berlaku melalui Akta Pengambilan Hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan hampir 70 hingga 80 peratus pemilikan hartanah rumah didaftarkan secara hak milik strata. Kekangan bank tanah menyebabkan pemaju perumahan membina *apartment* dan *town house* yang menawarkan hartanah berstrata semakin popular. Harga dibandingkan dahulu dengan sekarang amat berbeza. Jika dilihat projek-projek perumahan awam dahulu terdapat kekangan daripada segi agihan harta bersama iaitu tempat letak kereta. Ini kerana pembangunan unit rumah pada masa 80-an, hanya mengambil kira keupayaan pemilikan kereta oleh isi rumah amatlah terhad. Oleh itu bilangan tempat letak kereta adalah terhad.

Pada era 2010, setiap *apartment* diberikan dua *lot parking* dan ini menyebabkan harga hartanah meningkat secara mendadak kerana kos yang tinggi perlu dibiayai pemaju bagi membina struktur tambahan kemudahan letak kereta atau kenderaan. Isu pertikaian dan pergaduhan tempat letak kereta di perumahan mampu milik atau awam di ibu kota menjadi isu sosial yang sukar kita tangani dengan baik.

Ini kerana penempatan daftar dan mekanisme tidak dapat dibuat dengan jelas dan saksama bagi memastikan setiap pemilik petak mendapat kemudahan ini secara bersama dan adil.

Persoalan yang ingin saya kemukakan berkenaan isu tempat letak kereta ini ialah satu, bagaimanakah Akta Hak Milik ini memberi ruang dan tatacara bagi merungkaikan masalah skim perumahan rakyat yang mempunyai bilangan kemudahan tempat letak kereta yang terhad dan tidak berupaya menampung bilangan petak skim perumahan berstrata itu? Adakah tatacara ini boleh di kendali bagi merungkaikan sesuatu pertikaian menggunakan Akta Hakmilik Strata ini atau Akta Pengurusan Strata 2013?

Kedua, bagaimanakah satu tindakan dapat diambil jika kenderaan perdagangan atau kenderaan bukan milik persendirian diletakkan di kawasan hartanah strata ini? Adakah melalui pindaan akta ini badan penguat kuasa JPJ, PBT, SPAD, mempunyai *legitimate* atau peruntukan kuasa di dalam Akta Hakmilik Strata untuk diambil tindakan demi kepentingan pemilik berdaftar hak milik strata?

Ketiga, bagaimanakah kita dapat mengambil tindakan ke atas pengambilan tidak sah bagi kes-kes di mana tempat *parking* yang berkongsi ini dibina struktur bina kekal seperti garaj kereta oleh penghuni strata berdaftar yang mengakibatkan rasa tidak puas hati di kalangan penghuni petak yang lain dan tidak dapat membina garaj mereka sendiri?

■1540

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan projek MRT2 dan *high speed rail* Kuala Lumpur ke *Singapore* akan memungkinkan berlaku pengambilan formal bagi sesuatu pemaju atau pemilik projek untuk membuat pengambilan formal ke atas laluan bawah tanah. Pengambilan yang dibuat secara formal dan dimaktubkan dalam peruntukan pindaan Akta Pengambilan Tanah 2015 akan menjadikan pertikaian yang lebih kompleks mengenai tuntutan bayaran pampasan atau apa-apa bayaran ganti rugi yang dinilai oleh penilai awam atau swasta.

Oleh itu, saya mohon mendapatkan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri bagaimanakah tatacara yang paling berkesan bagi sesuatu pengambilan *right of way*, dengan izin, bagi hak milik strata seperti di mana pindaan fasal 30, pindaan yang akan dibuat ini akan dilaksanakan. Bagaimanakah pindaan ini akan memuktamadkan beberapa kes pertikaian seperti kes pengambilan untuk projek MRT1?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah mengenai notifikasi kepada pemilik berdaftar hak milik strata untuk mengetahui jumlah tunggakan dan nilai cukai petak semasa apabila pindaan ini diwartakan. Ini kerana sebelum pindaan ini dibuat bayaran cukai tanah diurus dan dibayar oleh perbadanan pengurusan. Justeru itu, saya ingin mendapatkan kepastian bagaimanakah kerajaan dapat memberikan notis maklumat dan siaran notis kutipan cukai semasa dan cukai tertunggak agar pengurusan kutipan cukai dalam pindaan rang undang-undang ini dipertingkatkan kecekapannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Terima kasih. Seorang lagi kita minta Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sila.

3.42 ptg.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Hakmilik Strata yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya menyokong penuh di atas pindaan rang undang-undang ini yang memang amat diperlukan oleh sebab banyak kelemahan yang telah menyebabkan banyak rumah bertingkat tidak mempunyai geran masing-masing.

Satu yang telah pun dibincangkan tadi adalah berkaitan dengan penerimaan cukai tanah. Bila rumah telah dibina secara bertingkat, setiap rumah akan ada lot masing-masing. Sekarang ini, kita bayar kita ada pengurusan perbadanan. Ini yang telah menyebabkan pejabat tanah tidak terima cukai strata berkaitan. Dengan pindaan ini, ia telah memberi ruang kepada orang yang telah membayar tidak teraniaya. Pembayaran cukainya terus kepada pejabat tanah.

Jika pejabat tanah hendak *seal*, jadi dia boleh *seal* yang tidak bayar cukai sahaja. Tidak seperti sekarang kerana semuanya dikumpulkan di perbadanan. Selagi semua tidak bayar semua orang terlibat.

Begitulah juga pemilik-pemilik bangunan ini juga menghadapi masalah kerana meter air dan meter elektrik semua dibayar berpukul kepada perbadanan pengurusan. Jadi bila semua tidak bayar ataupun sebahagian besar tidak bayar, jadi bil tidak bayar kepada TNB, jadi orang yang bayar pun kena potong apinya. Saya lihat ini juga patut diperbaiki. Jika ada meter pukal, meter pukal ini pula kena ada sub meter kepada semua rumah. Sesiapa yang bayar dia dapat bekalan. Siapa yang tidak bayar yang itu sahajalah dipotong. Ini boleh menjaga kepentingan rakyat.

Isu yang kedua, bilakah hendak mohon *strata title*? Tadi Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim telah menjelaskan dengan jelas bahawa dulu bila ada CF, sekarang bila siap bangunan. Isunya yang bina bangunan ini dia tidak mohon walaupun CF sudah dapat, walaupun bangunan sudah siap. Di Melaka memang banyak kes begini. Sampai sekarang di kampung saya pun orang tidak dapat lagi *title*.

Jadi saya dulu masa berbincang di peringkat negeri, saya cadangkan permohonan *strata title* ini dibuat semasa dia mohon membina bangunan. Kata hari ini dia bina bangunan lima tingkat, sebiji-sebiji ada strata, masa itu dia mohon. Akan tetapi, borang ini dia kena simpan oleh pejabat tanah. Bila dapat CF baru dia proses. Sekarang ini, saya cadangkan masa dia mohon hendak bina bangunan *strata title* mohon terus. Simpan di pejabat tanah. Bila bangunan siap pejabat tanah akan proses. Ini kerana kalau kita tidak buat begini, yang pemilik bangunan ini kadang-kadang dia sudah mati, ditukar pula *shareholder*. Jadi yang akhirnya yang jadi mangsa pembeli-pembeli rumah *flat* ini ataupun rumah bertingkat.

Kalau kita proses terus tidak boleh sebab nanti kalau proses terus sudah ada *strata title* tetapi bangunan tidak ada. Nanti dia jual pula bangunan ini. Jual suratlah. Jadi orang bila beli orang fikir bangunan ini sudah siap, sebenarnya bangunan belum siap. Itu sebab *loophole* yang begini kita kena faham mengapa kita benarkan mereka mohon lebih awal. Akan tetapi, untuk mengelakkan supaya mereka tidak pohon langsung borang ini mesti disimpan.

Tukang ukur pula, *surveyor* dia kena ukur bila bangunan sudah siap. Itu sebab *strata title* dikeluarkan setelah diukur. Ini kerana bangunan yang sudah siap ini kadang-kadang ia lain sikit daripada pelan asal. Jadi inilah isu-isu yang telah menyebabkan banyak bangunan bertingkat tidak ada *strata title*.

Tadi ikut Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan 300 petak ya? Yang tidak ada *strata title*? 300? 300,000? Kalau 300,000 itu agak munasabahlah. Kalau 300 itu terlalu kecil. Kalau begitu bukan sikit Tuan Yang di-Pertua, 300,000.

Isu yang ketiga yang hendak saya bangkitkan bila *management corporation* ini dia urus bahagian-bahagian lapang koridor, ada yang mengambil kesempatan dia sewakan pula kepada orang berniaga. Padahal, tapak ini dia tidak boleh sewakan. Jadi dia dapat keuntungan. Sepatutnya kawasan ini kawasan lapang dan ia patut digunakan untuk mengiklankan orang yang duduk di atas. Kadang-kadang orang yang beli rumah ini dijadikan pula hotel. Ini pun Tuan Yang di-Pertua, dia bergaduh pula.

Ada satu kes itu dekat Melaka, dia sebahagian besar dibeli oleh sebuah syarikat, dia punya *group*. Jadi, bila kita lantik *management corporation* dia menang. Kemudian lagi 40 peratus orang ramai beli. Jadi dia punya *phase* itu dia ikut dia punya *group*. Jadi yang ini dia tidak setuju, katanya yang ini mahal sangat. Jadi pertikaian. Akhirnya pergi ke mahkamah dan akhirnya hotel pun ditutup. Ini juga merugikan kerana tidak ada orang yang ada kuasa.

Saya mencadangkan elok kita jangan menyusahkan juga *management corporation* kerana *management corporation* ini ditubuhkan oleh penduduk-penduduk dalam bangunan itu. Jadi dia ada mesyuarat agung, dipilih. Pkerjanya, pekerja sukarela Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan kita ikut cara Singapura rakyat tubuhkan *Housing Board*.

Tadi Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim ada sebut kerajaan sudah tubuhkan Lembaga Pengurusan Bangunan. Saya fikir lembaga ini ambil alih tugas bangunan pengurusan ini. Jadi tidak payah kita susahkan orang ramai hendak urus sendiri. Ini kerana kerjanya pun sukarela tidak dapat apa-apa pun keuntungan. Jika ada Lembaga Pengurusan Bangunan, maka kita berurusan dengan lembaga pengurusan Bangunan yang Lembaga Pengurusan Bangunan ini sebuah jabatan kerajaan iaitu, dengan izin, *Housing Board* seperti yang ada di Singapura dan semua masalah dapat diselesaikan dengan lebih baik. Sengaja hendak tanya kementerian kalau *company* itu bankrap, atau pemiliknya mati, perbadanan *corporation* tidak tubuh. Habis apa tindakan sekarang?

■1550

Sekarang ini ia macam terbiar, di kampung saya itu pun ada satu tu terbiar, jadi saya sekarang ini hendak panggil orang-orang tu semua tubuhkan perbadananlah. Akan tetapi mereka pun tak dapat juga *strata title* tu. Apakah tindakan kerajaan kepada flat-flat yang terbiar begini yang tadi Yang Berhormat menyebut ada 300,000? Satu lagi berkaitan dengan *service charge* ini, kutip cukai tanah kita boleh bayar terus. Macam cukai pintu ya, boleh tak kita masukkan sekali dalam cukai tanah?

Jadi, senang kita pungut ya. Oleh sebab cukai tanah ini memang orang mesti biasa hendak bayar tetapi *service charge* api awam ni, kutipan sampah biasanya orang tak nak bayar. Saya cadangkan elok dimasukkan ke dalam cukai tanah, jadi lepas itu nanti pejabat tanah dia pecahkan, menentu kepada agensi-agensi yang berkaitan ataupun masukkan *service charge* dalam cukai TNB ataupun cukai air. Oleh sebab suka tak suka, kalau tak bayar duit api, tak bayar duit air, air ini akan dipotonglah. Dengan cara begini memudahkan pihak pengurusan.

Apabila lembaga pengurusan bangunan ambil alih, saya fikir kerajaan boleh bantu kepada golongan miskin kerana yang beli rumah PPR ini banyaknya keluarga miskin. Sekarang ini macam kita di Melaka, sebuah bilik kita caj RM10. Kalau ada tiga buah bilik, kita caj RM30. Ini pun mereka tak boleh bayar. Kementerian Perumahan saya tengok dia ada duit bantuan keluarga miskin.

Jadi, untuk *management* pengurusan rumah ini saya fikir Kementerian Perumahan mungkin boleh subsidikan. Jadi, tolong bayarkan bagi keluarga-keluarga miskin ini. Yang kaya macam Tan Sri Rahim sebut, dia kena bayar lah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya lihat isu *strata title* ini jika kerajaan ambil alih oleh Lembaga Perumahan Pengurusan Bangunan Bertingkat seperti di Singapura, saya yakin ya semua isu yang berbangkit sekarang ini boleh diselesaikan dengan mudah. Terima kasih. Saya dengan ini mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, mantan Ketua Menteri Melaka, dia tahu lah masalah ini. Saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, silakan.

3.52 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya adalah orang yang sangat menyokong rang undang-undang ini, sesuai dengan pembangunan negara kita kemudian di merata negeri kita membangunkan rumah awam, terutamanya secara berstrata. Kita mengharapkan rang undang-Undang ini akan dapat memperkasa dan menambah baikkan masalah-masalah yang kita hadapi selama hari ini.

Cuma saya di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, hendak memberikan sedikit maklum balas. Tahu kah Yang Berhormat Menteri bahawa ada empat buah negeri yang belum lagi mewartakan pindaan Akta Hak Milik Strata 2013? Negeri-negeri itu ialah, Terengganu; Perlis; Putrajaya- ini saya terperanjat; dan Labuan

Kalau ia tidak mewartakan pindaan 2013, sekarang kita luluskan pula pindaan 2016, sedangkan di Terengganu sebagai contoh, baik pihak kerajaan negeri mahupun Perbadanan, ada rumah mampu milik 10,000 yang ia hendak jual kepada penghuni-penghuni. Macam mana kita hendak selesaikan perkara ini? Itu sahaja saya hendak tambah maklumat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Akhirnya, minta Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana sekali lagi mengizinkan saya bersama-sama membahaskan suatu pindaan bagi Akta Hak Milik Strata 2016.

*Dari Bentong ke Kota Baharu,
Singgah sebentar di Kampung Benta,
Pindaan Hak Milik Strata Akta baharu,
Agar dimanfaatkan rakyat jelata.*

Sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri serta pegawai-pegawai daripada kementerian atas komitmen yang sangat tinggi dalam membentangkan pindaan Hak Milik Strata ini. Kalau tidak silap saya Akta Hak Milik Strata ini pindaan terakhir adalah pada tahun 2013, sehingga hari ini pindaan akta ini merupakan siri ketiga pindaan selepas Kanun Tanah Negara dan Pengambilan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara dalam pindaan ini iaitu yang pertama, kutipan cukai bagi petak atau blok sementara dan tanggungan liabiliti hutang yang dibuat oleh perbadanan pengurusan semasa cukai tanah dikenakan ke atas hak milik strata terdahulu.

Kedua, kes bayaran premium bagi tanah asal atau bila sesuatu tempoh pegangan hak milik tamat.

Ketiga, kes-kes pengambilan tanpa kebenaran harta bersama strata oleh penghuni petak paling bawah dan bagaimana cara paling berkesan pentadbir tanah dan PBT mengambil tindakan perundangan.

Keempat, kes kacau ganggu lot letak kereta dan bagaimana peruntukan akta ini serta Akta Pengurusan Strata 2013 memberikan kuasa kepada PBT untuk menunda kenderaan milik bukan pemunya berdaftar hak milik petak yang sah?

Terakhir, mengapakah Pentadbir Tanah di Kuala Lumpur tidak boleh menjadi saksi bagi penyempurnaan dokumen pindah milik antara pembeli dan penjual bagi transaksi belian hartanah strata secara tunai?

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling banyak dihadapi oleh pembeli *apartment* atau harta strata ini proses penyempurnaan daftar hak milik strata. Kekangan utama pembayaran tunggakan cukai tanah dan tidak mendapat kerjasama semua pemilik berdaftar petak strata dalam menjelaskan bayaran cukai semasa atau tunggakan cukai tanah yang dikenakan ke atas pengurusan strata.

Mengikut pengalaman saya dan kawan-kawan saya, bagi menyempurnakan daftar pemindahan hak milik strata, kutipan cukai bagi taksiran tahun percukaian semasa dan tunggakan cukai yang dibuat oleh perbadanan pengurusan menjadi keperluan wajib sebelum proses pindah milik dilaksanakan oleh pentadbir tanah. Masalah yang berlaku, terdapat banyak tunggakan cukai yang dibuat oleh perbadanan pengurusan kerana kegagalan beberapa orang penghuni atau pemilik petak, membayar tunggakan cukai tanah.

Justeru, penyempurnaan dokumen tukar milik tidak dapat dilakukan dan disempurnakan. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana mekanisme yang boleh diwujudkan di bawah peruntukan pindaan fasal 18, seksyen 23C(8)(a) dan (b) agar kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai memberi keadilan kepada pembeli baharu harta strata?

Soalan kedua saya berhubung dengan kutipan ini dalam seksyen 23B. Pentadbir tanah boleh membayar di mana-mana tempat yang akan diluluskan oleh pihak berkuasa negeri atau Pentadbir Tanah Persekutuan. Justeru, bagi memudahkan pembayaran dibuat dan tatacara pembayaran secara efektif dilakukan melalui aplikasi *online*.

Saya ingin mengetahui yang pertama, apakah persediaan kerajaan dalam memastikan aplikasi bayaran ini disepadukan dengan pangkalan data kutipan cukai tanah bagi sesuatu pihak berkuasa negeri atau Persekutuan? Kedua, adakah satu *legitimate procedure* bagi suatu sistem pembayaran, *payment system*, dengan izin, sama ada *banking payment system* atau *non-banking payment system* yang mematuhi tata kelola Bank Negara Malaysia.

■1600

Ketiga, anggaran kewangan Kerajaan Pusat bagi memastikan integriti pembayaran dan sistem pangkalan data yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan kedua saya, bagaimanakah satu ketetapan akan dibuat jika sesuatu hak milik strata telah mencapai tempoh pegangan yang dinyatakan dalam sesuatu hak milik strata? Persoalan saya, bagaimanakah tatacara dan tata kelola agar pindaan yang dibuat ini akan menyediakan mekanisme kerja dan urus selia apabila bayaran premium bagi menyambung tempoh pegangan lot strata dapat disempurnakan?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ketiga saya. Bagaimana kerajaan atau pentadbir tanah dapat mengambil tindakan bersama-sama PBT jika di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sekiranya pemunya petak paling bawah atau *ground floor* membina apa-apa struktur yang menyebabkan berlakunya kacau ganggu dan pengambilan tanpa sah petak harta bersama strata?

Persoalan ini saya timbulkan kerana terdapat ramai penghuni strata terutama yang menduduki aras paling bawah Tuan Yang di-Pertua, mereka banyak melakukan ubahsuai dan terambil petak harta bersama yang dimiliki oleh semua penghuni petak strata. Ada yang pergi buat *parking* lebih, ada yang tanam pokok, ada yang buat balkoni sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang ingin saya kemukakan adalah yang mana bagi kes-kes bukan penghuni yang bukan pemilik-pemilik sah petak strata meletakkan kenderaan di kotak yang bukan hak mereka. Apabila kejadian ini berlaku, berlaku pergaduhan, kacau bilau dan apabila dilaporkan kepada DBKL ataupun PBT, mereka tidak dapat menunda kenderaan ini kerana kotak atau tempat letak kereta ini tidak diwartakan dalam undang-undang kecil PBT mengenai Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kementerian dapat memuktamadkan senario dan bagaimanakah pindaan dalam akta ini dapat membantu merungkaikan permasalahan *parking* di petak milik individu bukan sah?

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir daripada saya ialah saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pentadbir tanah Kuala Lumpur, mengapakah semua urusan penyempurnaan dokumen hak milik strata atau pindah milik hartanah di Kuala Lumpur ini yang dibeli dengan bayaran tunai mesti mendapatkan khidmat peguam bagi menyempurnakan semua dokumen pindah milik? Mengapakah tidak ada pegawai pentadbir tanah kumpulan profesional dan pengurusan yang boleh menyaksikan penyempurnaan borang tukar milik sebagaimana yang dilakukan oleh pentadbir tanah di Kedah?

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya untuk kos guaman ini lebih kurang 2 peratus. Kalau hartanah itu lebih kurang RM300,000, lebih kurang RM6,000 kita hendak kena bayar kepada peguam. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ditempatkan pegawai...

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Sebelum habis, boleh minta mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta maaf Yang Berhormat. Dalam pengalaman saya, saya tidak ada masalah ini. Saya tukar milik tanah di Kelantan pun, pegawai Pejabat Tanah di Wilayah ini boleh menjadi saksi. Saya tidak tahulah masalah ini berlaku kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku kepada sepupu saya yang beli hartanah tunai tetapi dia kena menggunakan *lawyer*, Pentadbir Tanah tidak boleh. Kedah, Kelantan, Pentadbir Tanah ya boleh.

Oleh sebab itu saya hendak minta penjelasan kerana sepupu saya dia membeli tunai hartanah ini jadi dia kena guna peguam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi sayalah dengan ditempatkan pegawai untuk penyempurnaan dokumen tukar milik oleh pegawai kerajaan, kos guaman tidak diperlukan dan menjimatkan pembeli hartanah tunai dan ini akan menjadikan pengurusan harta strata lebih cekap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Enam orang tokoh sudah berucap dengan panjang lebar dengan baik dan bernas dan sekarang saya hendak cakap bahawa- minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

4.05 ptg.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian malah menyokong ke atas rang undang-undang yang disebutkan tersebut iaitu Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016.

Enam orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Maryani binti Mohammad Yit; Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; dan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Dalam penelitian saya, semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian telah pun menyokong pembentangan rang undang-undang tersebut termasuklah beberapa cadangan serta maklum balas yang pada pandangan saya amat baik khususnya dalam proses pelaksanaan dan penguatkuasaan akta ini. Ada juga cadangan yang melibatkan Akta Pengurusan Strata di bawah kementerian lain khususnya di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya yakin pegawai-pegawai telah pun mencatatkan segala pandangan atau perkara-perkara yang dibangkitkan tersebut bagi tindakan seterusnya.

Saya ingin menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan khususnya yang berkaitan dengan rang undang-undang pindaan ini. Pertamanya, berkenaan dengan permohonan strata tentang apakah tindakan kerajaan ke atas skim yang tiada MC. Contohnya apabila pemaju telah gulung dan mesyuarat agung tidak dilaksanakan. Sebenarnya pihak pembeli boleh bekerjasama supaya secara kolektif memohon kepada mahkamah untuk melantik pihak lain bagi mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan. Maksudnya boleh memohon kepada mahkamah untuk melantik pihak lain.

Begitu juga isu petak *parking* contohnya di Pulau Pinang, rumah 100 *parking*, 200 parkir lebih dijual, kemudian perlukah jualan parkir lebih dikaji. Sebenarnya pindaan terbaharu pada Akta Hakmilik Strata pada tahun 2013 bersama-sama dengan penggubalan Akta Pengurusan Strata telah pun memperkenalkan terma baru iaitu "jadual petak". Sebelum penjualan mana-mana petak, jadual petak perlu difailkan kepada pesuruhjaya bangunan yang mana setiap petak utama hendaklah dipasangkan dengan petak aksesori. Seksyen 69, Akta Hakmilik Strata dengan jelas menyebut bahawa tiada urusan niaga berasingan berkaitan petak aksesori boleh dibuat. Cuma isunya mungkin pematuhan sahajalah yang boleh sebenarnya dibangkitkan di dalam- sepatutnya dibangkitkan dalam setiap mesyuarat agung yang akan diambil tindakan oleh MC.

Berkenaan dengan cadangan agar cukai petak merangkumi bayaran bil utiliti. Sebenarnya, buat masa ini kerajaan tidak bercadang merangkumi cukai bersama bil utiliti dan lain-lain bayaran berkaitan. Ini kerana terdapat kesukaran untuk mengagihkan bayaran ini kepada semua pihak yang berkenaan. Perkara ini boleh diatasi dengan pembayaran di pusat pembayaran setempat seperti di pejabat pos. Mungkin ini untuk masa inilah, untuk pada masa akan datang mungkin ada kaedah-kaedah lain yang terbaru yang kita boleh fikirkan bersama secara inovasi.

■1610

Tentang isu JMB, kutipan *maintenance* bermasalah bagi rumah kos rendah. Kuasa kutipan di bawah Akta Pengurusan Strata [Akta 757] dan bukan di bawah Akta Hakmilik Strata, ini sebenarnya di bawah kerajaan tempatan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi pihak pegawai telah pun pihak pegawai telah pun mengambil catatan untuk disampaikan kepada KPKT.

Tentang perlu kah dikaji semula pindaan pelan kepada harta bersama, tidak perlu dihantar semasa penuh hak milik. Iaitu apabila Akta Pengurusan Strata diperkenalkan, pihak pemaju tidak boleh membuat pindaan kepada pelan sesuka hati. Mengikut Peraturan 6(3) dan 7(2), Peraturan Pengurusan Strata 2015 semua pindaan pelan wajib mendapat kebenaran pembeli dan mendapat kelulusan pindaan pelan daripada pihak berkuasa tempatan sebelum memfailkan semula jadual petak atau jadual petak yang dipinda. Ini pun isu yang sama juga, isu penguatkuasaan.

Tentang isu tunggakan cukai tanah. Ini banyak dibangkitkan boleh dikatakan semua Ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan iaitu saya suka menyatakan di sini bahawa berdasarkan seksyen 23C(8)(b). Tunggakan cukai tanah tersebut boleh diagih-agihkan kepada setiap petak berdasarkan unit syer masing-masing atau dikutip melalui kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa negeri. Perkara ini akan ditetapkan dalam kaedah hak milik strata negeri yang akan dipinda bagi menjelaskan perkara ini. Saya ulang sekali lagi, perkara ini akan ditetapkan dalam kaedah hak milik strata negeri yang akan dipinda bagi menjelaskan perkara ini.

Tentang perbadanan pengurusan iaitu apakah tindakan yang boleh dilaksanakan oleh perbadanan pengurusan ataupun MC untuk mengutip hutang daripada pemilik petak setelah seksyen 4C berkuat kuasa. Perbadanan pengurusan boleh membuat tuntutan dari tribunal yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata berdasarkan rekod-rekod perbadanan pengurusan.

Tentang penguatkuasaan, bagi penahanan harta alih, adakah kementerian telah bersedia untuk melakukan prosedur itu? Adakah kementerian mempunyai infrastruktur untuk menjalankan penahanan ini? Contoh ruang yang mencukupi untuk menyimpan harta alih yang ditahan?

JPA telah meluluskan sembilan perjawatan yang terdiri daripada pegawai polis, pegawai undang-undang, pegawai akaun pada bulan April 2016 bagi tujuan mengetuai dan memimpin pegawai COB di peringkat PBT, melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara teratur dan mematuhi undang-undang. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa KPKT dan mereka mengambil catatan.

Tentang cadangan kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Tribunal Entity, kerajaan dahulukan kewangan untuk menyelesaikan masalah kutipan caruman oleh MC. Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah badan lain untuk membayar tunggakan cukai bagi pemilik yang terdiri daripada golongan susah atau berpendapatan rendah. Sebagai kerajaan bertanggungjawab, keputusan boleh dibuat untuk merebet sebahagian cukai yang tertangguh oleh bayaran secara atau bayaran secara ansuran ataupun dengan kaedah-kaedah lain yang sesuai dengan situasi semasa lebih-lebih lagi bagi orang politik.

Tentang kegagalan-kegagalan memohon strata, ini isu serius iaitu dalam usaha untuk mendapatkan hak milik strata tersebut tindakan-tindakan berikut boleh dilakukan. Pembeli boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah terhadap pemilik tanah dan pemaju berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam perjanjian jual beli unit tersebut. Pihak berkuasa negeri boleh melaksanakan penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pemilik tanah, pemaju yang melakukan kesalahan gagal memohon hak milik strata mengikut seksyen 8, Akta Hakmilik Strata 1985. Penalti bagi kegagalan memohon telah dipinda dalam pindaan akta bagi tahun 2013 dengan memperuntukkan hukuman penjara tiga tahun.

Kerajaan Persekutuan boleh memantau tindakan pihak berkuasa negeri dalam melaksanakan penguatkuasaan atau pendakwaan serta pelaporan berkala akan dibentangkan di dalam Majlis Tanah Negara. Berdasarkan maklumat yang dilaporkan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Hakmilik Strata di JKPTG sehingga 7 September 2015, jumlah bangunan bertingkat yang masih dalam pemantauan dan penguatkuasaan di bawah seksyen 8, Akta Hakmilik Strata sebanyak 1,600 skim.

Tentang kaedah hak milik strata tidak warta. Ini Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Sebenarnya kaedah-kaedah hak milik strata negeri selaras dengan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450], betul masih belum lagi diwartakan di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Labuan, Perlis serta Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah hak milik strata negeri masih belum diwartakan di negeri berkenaan antaranya kerana draf kaedah sedang dalam penelitian akhir negeri masing-masing. Kalau di negeri Penasihat Undang-undang, kita semak status tadi kalau Wilayah Persekutuan di peringkat AG. Maknanya bergeraklah cuma masih dalam...

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Pohon...

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: ...Penelitian Penasihat Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membuat kaedah-kaedah ini adakah kementerian oleh sebab saya fikir yang tidak gazet ini begitu lama nampaknya tidak sejajar dengan kehendak kerajaan. Tidak kah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan nasihat kepada negeri-negeri masing-masing untuk menyediakan kaedah-kaedah ini, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Perkara ini tadi kami bincang juga di luar sebelum dibentangkan. Sebenarnya pihak kementerian sentiasa memantau prestasi tentang pelaksanaan ataupun draf kaedah tersebut secara berkala. Nasihat memang kami sentiasa berikan kepada mereka sebabnya ialah kita seboleh-bolehnya rang undang-undang ini kita hendak selaraskan satu Malaysia kerana ia berkait rapat bukan sahaja dengan kemudahan dan kesejahteraan rakyat malahan juga ia boleh menjejaskan ataupun boleh mempengaruhi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Sebenarnya ada *template* kaedah-kaedah disediakan oleh JKPTG. Maknanya JPKTG telah pun membekalkan *template* kaedah-kaedah tersebut kepada mereka dan selebihnya selain daripada kita pantau, terpulang kepada negeri untuk mengubahsuai. Maknanya mereka boleh menggunakan *template* tersebut, mereka boleh ubah suai selaras atau sesuai untuk disesuaikan dengan negeri masing-masing dan kita sentiasa pantau tentang status mereka.

Tentang ubah suai secara tidak sah. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ada ubah suai di tingkat bawah khususnya di peringkat *ground floor*, di tingkat paling bawah sekalilah. Sebenarnya bagi pengambilan petak melalui peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah ia akan melibatkan tatacara yang telah diperuntukkan di bawah akta tersebut.

■1620

Sekiranya penggantungan tersebut adalah untuk ubah suai yang tidak sah sehingga melibatkan harta bersama, pemilik lain dalam skim boleh memanjangkan aduan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkaitan. So dalam hal ini sebenarnya ada dua peringkat, pertamanya di peringkat MC, kemudian di peringkat jawatankuasa bersama penduduk. Mengujilah kewibawaan mereka tetapi akhirnya boleh diadakan kepada pihak berkuasa tempatan.

Tentang sistem pembayaran cukai. Adakah persediaan kerajaan dalam memastikan aplikasi bayar ini disepadukan dengan pangkalan data kutipan cukai tanah bagi sesuatu pihak berkuasa negeri atau Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Shahanim tadi. Pembangunan sistem e-Tanah telah mengambil kira keperluan integrasi urusan bayaran petak dengan cukai tanah. Sistem e-Tanah direka bentuk sedemikian rupa bagi memastikan bahawa semua jenis pembayaran bagi urusan tanah melalui satu Pangkalan Data Tanah bagi sesatu pihak berkuasa negeri atau Persekutuan.

Isu sama ada apakah ada satu *legitimate procedure* seperti yang dimaksudkan tadi. Sebenarnya sistem pembayaran yang dibangunkan mematuhi prosedur keselamatan data dan *online payment* melalui penggunaan *payment gateway* yang disediakan oleh operator *payment gateway* yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia seperti *Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear)* dan MEPS. Kaedah ini dilaksanakan berdasarkan persefahaman bersama antara bank-bank dan pihak pentadbiran tanah negeri yang berkenaan. Ia juga diintegrasikan dalam sistem kewangan kerajaan yang dibangunkan oleh Perbendaharaan Malaysia seperti 1GFMAS dan juga 1SPEKS tersebut.

Kementerian mengambil maklum berhubung perkara ini dan kos bagi membangunkan sistem pembayaran cukai petak yang memenuhi aspek integriti dan berlandaskan pangkalan data yang cekap telah diambil kira. Namun begitu, kos sebenarnya masih belum dapat ditentukan buat masa sekarang. Begitu juga dengan ini, setiap negeri perlu menambah baik sistem kutipan cukai tanah. Persediaan ini supaya dapat menampung keperluan yang perlu disediakan bagi membolehkan kutipan cukai petak dijalankan. Jadi, perkara ini akan dibincangkan bersamalah pihak pentadbiran tanah negeri apabila undang-undang ini dilaksanakan kelak.

Ini penyaksian peguam di wilayah ini. Saya pun tertanya-tanya juga ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Shanim, mengapa semua urusan penyempurnaan dokumen hak milik strata untuk pindah milik hartanah di Kuala Lumpur yang dibeli dengan bayaran tunai mesti mendapatkan khidmat peguam bagi menyempurnakan semua dokumen pindah milik.

Sebenarnya kenyataan ini adalah tidak tepat. Pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ini saya baca dahulu, nanti boleh semak kemudian. Sememangnya menyediakan perkhidmatan untuk mana-mana pihak yang ingin membuat aku saksi bagi menggunakan khidmat penolong tadbir tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perkara ini boleh dibuat dalam waktu pejabat. Apa yang penting, urusan niaga yang melibatkan tanah di luar Kuala Lumpur, pihak berkenaan perlulah mengemukakan dokumen hak milik tanah yang berkaitan dan juga surat beranak sekiranya ia melibatkan tanah rizab Melayu. Mungkin boleh semak semula.

Tentang tempoh pajakan tamat. Bagaimana tatacara dan tata kelola agar pindaan yang dibuat ini akan menyediakan mekanisme kerja dan urusan selia apabila bayaran premium bagi menyambung tempoh pegangan lot strata dapat disempurnakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara berhubung perlanjutan tempoh hak milik bertempoh telah dijelaskan dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara yang lepas, selaras dengan seksyen 5, Akta Hak Milik Strata. Akta ini hendaklah dibacakan sebagai sebahagian daripada Kanun Tanah Negara. Prosedur bagi memproses permohonan pembaharuan hak milik tanah bertempoh dinyatakan melalui seksyen 90A, Kanun Tanah Negara bagi tujuan bangunan berbilang tingkat seperti skim strata.

Permohonan akan dibuat oleh Perbadanan Pengurusan selepas keputusan resolusi dibuat secara sebulat suara. Kadar premium akan dikenakan berdasarkan peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri. Maknanya Ahli-ahli Yang Berhormat, peranan Perbadanan Pengurusan penting dan peranan setiap pemilik juga penting untuk membuat satu ketetapan atau keputusan resolusi secara sebulat suara.

Ini ada perkara baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim...

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, silakan.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri sebab saya dapat jawapan daripada sepupu saya. Saya hendak minta kepastian sebab sepupu saya telah pergi ke kaunter daftar dan tukar milik dan pembatalan cagaran dan beliau telah diarahkan untuk mengambil peguam. Itu yang menjadi satu kekeliruan bagi saya dan beliau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Okey, seperti yang saya sebutkan tadi, saya kena semak kes spesifik. Mungkin beliau boleh datang kepada kami. Kami pasti ada puncanya.

Jadi ini tentang *redevelopment*, trend urbanisasi di bandar besar seperti Kuala Lumpur ini adalah amat dinamik sehingga perlu kepada konsep pembangunan semula hartanah berstrata. Contoh, secara *en-bloc sales*. Jadi begini, pihak saya akan mengadakan kajian yang menyeluruh dan terperinci yang melibatkan pihak berkaitan dengan pengurusan strata daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan Persekutuan dan negeri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Walau bagaimanapun, sebarang keputusan untuk melaksanakan pembangunan semula hartanah berstrata contohnya secara *en-bloc sales* diambil, perincian terhadap pengalaman Singapura berkenaan *en-bloc sales* dan Hong Kong berkenaan *compulsory sales* hendaklah diambil kira bagi memastikan bahawa sekiranya dilaksanakan, tidak akan timbul implikasi kepada isu sosial, politik dan ekonomi secara keseluruhannya.

Pindaan terkini kepada peruntukan berkaitan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT) juga satu alternatif pada konsep pembangunan semula hartanah berstrata secara *en bloc sales*. Pindaan itu akan membolehkan pengambilan tanah berstrata selain pengambilan keseluruhan skim strata keseluruhan lot dan petak yang telah pun diperuntukkan kepada pengambilan-pengambilan bahagian skim dan harta bersama yang akan menyebabkan harta bersama tersebut terhenti daripada menjadi sebahagian daripada lot itu.

Buat masa ini, peruntukan yang sedia ada yang berkaitan dalam APT boleh diguna pakai bagi pelaksanaan pembangunan semula. Ringkasnya, perundangan negara lain seperti Australia, Singapura dan Hong Kong contohnya perlulah dikaji agar segala aspek sama ada kelemahan dan kebaikan dikaji secara menyeluruh dan sesuai dengan keseluruhan situasi dalam negara kita. Tentang penubuhan lembaga baru bagi mengawal kolektif *sales*, perkara ini perlu dikaji secara menyeluruh yang melibatkan *cross-ministerial*. Akan tetapi walau bagaimanapun, pihak kami mengucapkan terima kasih atas cadangan tersebut.

Isu parkir sebenarnya isu semasa yang sukar untuk diatasi. Akan tetapi bagi tujuan hak milik strata ini, sebenarnya nisbah parkir bagi bilangan rumah ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan semasa meluluskan pelan bangunan. Kebiasaannya sebuah rumah diberikan satu atau dua lot parkir. Sebenarnya juga, pihak pengurusan boleh memohon sewa tanah sebelah untuk dijadikan parkir. Itu antara pilihan yang ada. Isu sama ada JPJ atau SPAD boleh mengambil tindakan ke atas individu luar yang meletakkan kereta pada parkir dalam skim strata.

■1630

Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany, skim berstrata hak milik Perbadanan Pengurusan ia di luar kuasa JPJ atau SPAD. Pada kelazimannya, Perbadanan Pengurusan mengenakan kaedah tertentu bagi keluar masuk kenderaan dari luar. Sekiranya ia masih berlaku aduan boleh dibuat kepada Perbadanan Pengurusan. Kalau tidak selesai juga ada lagi pihak yang lebih tinggi seperti tribunal dan sebagainya.

Tentang bolehkah hak milik strata dipohon terus semasa bangunan tersebut dicadangkan didirikan, ini bagi mengelakkan hak milik strata tidak dipohon. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Sebenarnya berdasarkan pindaan Akta Hakmilik Strata 2013 bersama dengan penggubalan Akta Pengurusan Strata 2013 dan pindaan kepada Jadual 'H', Akta Pemajuan Perumahan yakni Kawalan dan Pelesenan 1966, konsep *vacant possession* serentak dengan hak milik strata telah pun diperkenalkan.

Konsep ini kewajipan memohon Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP) kepada Pengarah Ukur telah diawalkan iaitu pada peringkat struktur utama tanpa menunggu bangunan siap atau CCC dikeluarkan dengan itu *vacant possession* dapat dikeluarkan serentak dengan pengeluaran hak milik strata. Ini mungkin saya harap dia menjawab ya. Akan tetapi saya menghargai pandangan daripada Yang Berhormat tadi terutamanya pengalaman Yang Berhormat sebagai Ketua Menteri Melaka sebelum ini.

Tentang apa masalah yang dihadapi seperti hak lalu lalang dan pengambilan dalam skim strata dapat diselesaikan melalui pindaan ini, Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sememangnya cadangan pindaan kepada Akta 318 seperti Jadual Ketujuh untuk menjelaskan dan mengatasi masalah yang membangkitkan bergantung tahap mana pengambilan itu dibuat, sama ada seluruh, sebahagian atau petak sahaja atau pengambilan petak semata-mata. Petak *parking* saya sudah sebut tadi. Kemudian, tentang cadangan ditubuhkan *Housing Board*, Lembaga Pengurusan Bangunan seperti yang ada di Singapura dan sebagainya, ini di bawah bidang KPKT dan pegawai-pegawai KPKT mengambil maklum. *Insyah-Allah* akan dipertimbangkan secara serius.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan berkaitan isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016. Saya berharap daripada penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kecuali mungkin beberapa perkara yang berkaitan, yang tidak berkaitan dengan Kementerian ini tapi kita mengambil maklum khususnya yang berkaitan dengan Akta Pengurusan Strata di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu yang berkaitan dengan pindaan kepada perundangan terutamanya tanah di negara ini yang merupakan suatu langkah *unprecedented*, dengan izin, oleh Kementerian ini. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara yang telah dibangkitkan demi memastikan pentadbiran di negara ini amatlah gemilang dalam kelasnya tersendiri.

Penglibatan aktif Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian melambangkan bahawa perundangan tanah di negara ini sentiasa menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya terdapat mana-mana tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini Kementerian saya akan maklumkan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [YB Datuk Halimah binti Mohd. Sadique] dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahajalah Ahli-ahli Yang Berhormat. Jangan lupa Majlis Berbuka Puasa. Tolong jangan balik nanti. Itu sahajalah peraturan pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Selasa, 21 Jun 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.37 petang.]